




PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR



BAHASA MELAYU



DIKUASAI OLEH:



PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR



BAHASA MELAYU



Program Tuisyen Rakyat Selangor Bahasa Melayu Tingkatan 4

CIRI-CIRI EKSKLUSIF

- **Kandungan yang Terperinci**
Mengandungi penerangan yang komprehensif dan terperinci tentang pelbagai topik yang merangkumi semua aspek penting untuk murid menghadapi peperiksaan.
- **Latihan dan Aktiviti**
Pelbagai latihan dan aktiviti untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran murid yang merangkumi tema dalam DSKP.
- **Latihan dan Soalan Mengikut Format Peperiksaan SPM**
Membantu murid memahami format soalan SPM dan cara menjawab dengan betul.
- **Panduan Penulisan Karangan**
Mengandungi panduan langkah demi langkah penulisan karangan mengikut teknik penulisan Kit Celik Mengarang Selangor (KCMS) untuk membantu murid menghasilkan penulisan yang lebih baik dan berkualiti.
- **Rujukan yang Komprehensif dan Mudah Difahami**
Ditulis dalam bahasa yang mudah difahami oleh murid dan menjadi rujukan yang komprehensif untuk menghadapi peperiksaan.

Program Tuisyen Rakyat Selangor Bahasa Melayu Tingkatan 4

PANEL PENULIS

Aiza binti Omar
SMK Seri Serdang

Hasfariza binti Abdul Hamid
SMK Dato' Hj Kamaruddin

Kalyani a/p Murugiah
SMK Dengkil

Ang Ying Chee
SMK Seksyen 10 Kota Damansara

Wan K
SMK Darul Ehsan

Sukri Y
SMK Sungai Burong

KANDUNGAN

Format Instrumen Peperiksaan SPM Bahasa Melayu

v

Analisis SPM 2023-2025 Bahasa Melayu

vii

TOPIK 1	Karangan Bahagian A	1-17
TOPIK 2	Karangan Bahagian B	18-29
TOPIK 3	Morfologi	30-39
TOPIK 4	Sintaksis	40-45
TOPIK 5	Penyuntingan	46-53
TOPIK 6	Bahasa Melayu Standard	54-58
TOPIK 7	Peribahasa	59-63
TOPIK 8	Pemahaman [Petikan Umum]	64-77
TOPIK 9	Pemahaman [Petikan Sastera]	78-91
TOPIK 10	Novel	92-98
TOPIK 11	Rumusan	99-113
TOPIK 12	Bertutur	114-124
TOPIK 13	Mendengar	125-128
Kertas Model Tingkatan 4		129-152



FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM BAHASA MELAYU

PERKARA	KERTAS 1 (1103/1)	KERTAS 2 (1103/2)	KERTAS 3 (1103/3)	KERTAS 4 (1103/4)
Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Bertulis	Ujian Lisan Bertutur	Ujian Lisan Mendengar
Jenis Item	- Subjektif Respons Terhad - Subjektif Respons Terbuka	- Subjektif Respons Terhad - Subjektif Respons Terbuka	- Subjektif Respons Terhad - Subjektif Respons Terbuka	- Objektif Aneka Pilihan - Objektif Pelbagai Bentuk - Subjektif Respons Terhad
Bilangan Soalan	Bahagian A [30 markah] 1 soalan berdasarkan kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan Bahagian B [70 markah] 4 soalan esei - Pilih dan jawab satu daripada empat soalan Jumlah soalan: 5 Soalan	Bahagian A – Sistem dan Aplikasi Bahasa [35 markah] - Morfologi - Sintaksis - Penyuntingan - Bahasa Melayu Standard (menukarkan bahan teks klasik/ lama kepada bahasa Melayu moden/ standard) - Peribahasa Bahagian B – Pemahaman [35 markah] - Berdasarkan petikan umum - Berdasarkan petikan sastera - Berdasarkan novel tingkatan 4 dan tingkatan 5 Bahagian C – Rumusan [30 markah] - Menulis rumusan Jumlah soalan: 9 soalan	Bahagian A – Individu [40 markah] 1 petikan/ bahan rangsangan yang disediakan untuk setiap calon - Bersoal jawab dengan pentaksir Bahagian B – Kumpulan [30 markah] 1 tajuk/ tema umum disediakan untuk perbincangan - Perbincangan dalam kumpulan 3 – 5 orang calon	4 – 6 petikan - Instrumen mengandungi 20 hingga 25 soalan (Jawab semua soalan) - Jawapan berdasarkan petikan
Jumlah Markah	100 markah	100 markah	70 markah	30 markah

Konstruk	Kemahiran menulis • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta	Kemahiran membaca • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta	Kemahiran mendengar dan bertutur • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai	Kemahiran mendengar • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis
	Pengetahuan sistem bahasa			
	Nilai			
Tempoh Ujian	2 jam	2 jam 30 minit	Individu: 3 hingga 5 minit Kumpulan: 12 hingga 15 minit	30 minit
Cakupan Konteks	Mencakupi semua standard kandungan dan standard pembelajaran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)			
Aras Kesukaran	Rendah:Sederhana:Tinggi 5:3:2			
Kaedah Penskoran	• Holistik	• Analitik • Holistik	• Analitik • Holistik	• Dikotomus • Analitik
Alatan Tambahan	Tiada	Tiada	Tiada	• DVD/ CD Rakaman /Audio • Pemain DVD/ CD/ Laptop

ANALISIS SOALAN SPM 2023-2025

BAHASA MELAYU

KERTAS	SPM 2023	SPM 2024	SPM 2025
Kertas 1 Bahagian A	Kemalangan jalan raya di Malaysia.	Usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.	Usaha-usaha untuk mengatasi tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah di negara kita.
Kertas 1 Bahagian B	1 Kepentingan-kepentingan kegiatan kokurikulum. 2 Cara-cara yang boleh dilakukan untuk menghargai jasa ibu bapa. 3 Langkah-langkah penjagaan alam sekitar. 4 Bentuk-bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana banjir.	1 Cabaran-cabaran untuk melaksanakan pembelajaran digital. 2 Usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet paralimpik dalam sukan Orang Kurang Upaya (OKU). 3 Faktor-faktor berlakunya masalah kesalahan penyalahgunaan dadah. 4 Kesan-kesan kemasukan warga asing yang berleluasa dan tidak terkawal.	1 Faktor-faktor remaja lari dari rumah. 2 Kesan-kesan banjiriran barang tiruan. 3 Peranan-peranan semua pihak untuk menangani isu kenaikan harga barang. 4 Punca-punca rakyat Malaysia kurang membudayakan amalan bersukan.
Kertas 2 Bahagian A	1 Menyenaraikan dan membina ayat berdasarkan empat kata ganda. 2 Menukarkan ayat pasif yang bergaris kepada ayat aktif. 3 Mengenal pasti pelbagai kesalahan bahasa. 4 Menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard (berdasarkan teks Burung Terbang Dipipiskan Lada). 5 Menyenaraikan tiga peribahasa dan memberikan maksud peribahasa.	1 Menyenaraikan dan membina ayat berdasarkan empat kata adjektif. 2 Menukarkan cakap ajuk yang bergaris kepada cakap pindah. 3 Mengenal pasti pelbagai kesalahan bahasa. 4 Menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard (berdasarkan teks Burung Terbang Dipipiskan Lada). 5 Menyenaraikan peribahasa dan memberikan peribahasa lain yang berlawanan maksud.	1 Menyenaraikan dan membina ayat berdasarkan empat kata pinjaman bahasa Inggeris. 2 Mengenal pasti dan menulis pola ayat. 3 Mengenal pasti pelbagai kesalahan bahasa. 4 Menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard (berdasarkan teks Kepimpinan Melalui Teladan). 5 Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

KERTAS	SPM 2023	SPM 2024	SPM 2025
Kertas 2 Bahagian B	6 Menjawab soalan berdasarkan tiga bahan: petikan, memo dan ilustrasi. 7 Pemahaman berdasarkan tiga bahan: gurindam Bulan Menawan, cerpen Esoknya, Matahari Muncul Kembali dan sajak Di Sebalik Bulan. 8 Soalan pemahaman novel berdasarkan Leftenan Adnan Wira Bangsa dan menghuraikan satu peristiwa yang menimbulkan rasa kagum pembaca dalam dua buah novel.	6 Menjawab empat soalan berdasarkan tiga bahan: dua petikan dan satu grafik. 7 Menjawab empat soalan berdasarkan dua bahan: drama dan sajak. 8 Menjawab soalan pemahaman berdasarkan novel Pantai Kasih dan menghuraikan satu peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat dan memberikan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut berdasarkan dua buah novel.	6 Menjawab empat soalan berdasarkan dua bahan: dua petikan. 7 Menjawab empat soalan berdasarkan dua bahan: sajak dan novel. 8 Menjawab soalan pemahaman berdasarkan novel Silir Daksina dan menghuraikan satu peristiwa yang memberikan galakan dan dorongan untuk mencapai kejayaan daripada dua buah novel.
Kertas 2 Bahagian C	9 Merumuskan berdasarkan tiga bahan: petikan, sajak Wayang Kulit dan ilustrasi wayang kulit.	9 Membuat rumusan berdasarkan tiga bahan: petikan, iklan dan dialog tentang pempengaruh media sosial.	9 Membuat rumusan berdasarkan tiga bahan: petikan, gurindam dan ilustrasi tentang punca dan langkah-langkah untuk mengatasi pencemaran sungai.

TOPIK 1

Karangan Bahagian A

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

PANDUAN MENJAWAB SOALAN KARANGAN BAHAGIAN A

MODEL 1 TEMA: Keselamatan


Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan jenayah siber di Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang jenayah siber di Malaysia. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Jumlah Kes Jenayah Siber dan Jumlah Kerugian dari Tahun 2018 hingga Tahun 2021 di Malaysia

Tahun	Jumlah Kes	Jumlah Kerugian (RM juta)
2018	10,754	398
2019	13,703	539
2020	17,227	511
2021	20,701	561
Jumlah	62,385	2,009

Sumber: Infografik Bernama

PENGUATKUASAAN AKTA KESELAMATAN SIBER 2024 (AKTA 854)



AWAS! JENAYAH SIBER



Lindungi Diri dan Privasi Anda

Merangka Karangan

1

Baca dan fahami, serta kenal pasti **kata kunci****Kata kunci:** jenayah siber

2

Analisis **TIK**
Tema : Isu : Kehendak

Penulisan Pendahuluan

TIP

Murid sebaik-baiknya mengenal pasti tema yang mendasari soalan yang diberikan. Tema perlu dibezakan dengan isu. **Tema** merujuk bidang manakala **isu** biasanya merujuk masalah.

Tema	Jenayah siber	bidang
Isu	Kes jenayah siber di Malaysia meningkat setiap tahun	masalah
Kehendak/ Fokus	Usaha (fokus dikenal pasti selepas menganalisis bahan)	tugasan

Ayat Pendahuluan Lengkap:

Tema	Jenayah siber ialah jenayah yang melibatkan peranti seperti telefon pintar atau komputer melalui akses Internet.
Isu	Kini, kes jenayah siber di Malaysia menunjukkan peningkatan setiap tahun, iaitu daripada 10, 754 kes pada tahun 2018 kepada 20, 701 kes pada tahun 2021.
Kehendak/ Fokus	Oleh itu, usaha untuk menangani jenayah siber perlulah diambil oleh semua pihak.

Jenayah siber ialah jenayah yang melibatkan peranti seperti telefon pintar atau komputer melalui akses Internet. Kini, kes jenayah siber di Malaysia menunjukkan peningkatan setiap tahun, iaitu daripada 10, 754 kes pada tahun 2018 kepada 20, 701 kes pada tahun 2021. Oleh itu, usaha untuk menangani jenayah siber perlulah diambil oleh semua pihak.

3

TOHUCOKEP

Pengembangan Isi

Ayat 1 (TO)

Ayat Topik (gabungkan kehendak soalan dan isi pertama)
Pada pendapat saya,

Ayat 2 (HU)

Ayat Topik (mengapa/ sebab)
Hal ini dikatakan demikian kerana

Ayat 3 (CO)

Ayat Contoh
Sebagai contoh,

Ayat 4 (KE)

Ayat Kesan
Impaknya

Ayat 5 (P)

Ayat Penegas
Jelaslah bahawa



TIP
Gunakan penanda wacana yang diberikan untuk mewujudkan kesinambungan antara ayat.

Ayat 1 (TO)	Pada pendapat saya , salah satu cara terbaik untuk menangani jenayah siber ialah kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang.
Ayat 2 (HU)	Hal ini dikatakan demikian kerana undang-undang berperanan untuk memastikan masyarakat gerun untuk melakukan jenayah.
Ayat 3 (CO)	Sebagai contoh , kerajaan boleh menguatkuasakan Akta Keselamatan Siber 2024 dengan mengenakan hukuman penjara dan denda yang berat ke atas pesalah jenayah siber.
Ayat 4 (KE)	Impaknya , undang-undang ini membantu mencegah aktiviti jenayah siber seperti penipuan dalam talian, pencurian identiti dan penyebaran maklumat palsu.
* Ayat 5 (P)	– * Keperluan ayat penegas bergantung pada panjang perenggan isi.

Pada pendapat saya, salah satu cara terbaik untuk menangani jenayah siber ialah kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang. **Hal ini dikatakan demikian kerana** undang-undang berperanan untuk memastikan masyarakat gerun untuk melakukan jenayah. **Sebagai contoh**, kerajaan boleh menguatkuasakan Akta Keselamatan Siber 2024 dengan mengenakan hukuman penjara dan denda yang berat ke atas pesalah jenayah siber. **Impaknya**, undang-undang ini membantu mencegah aktiviti jenayah siber seperti penipuan dalam talian, pencurian identiti dan penyebaran maklumat palsu.

Penjelasan		Ayat Murid
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha untuk mengatasi jenayah siber di Malaysia.
	*Cadangan	Oleh itu, semua pihak hendaklah mengambil inisiatif untuk memastikan kes jenayah siber di negara ini dapat dibanteras dengan berkesan.
	Harapan	Kita berharap agar tiada lagi rakyat di negara ini yang terpaksa menanggung kerugian akibat kes jenayah siber yang semakin berleluasa.

* Keperluan ayat cadangan bergantung pada panjang perenggan penutup.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha untuk mengatasi jenayah siber di Malaysia. Oleh itu, semua pihak hendaklah mengambil inisiatif untuk memastikan kes jenayah siber di negara ini dapat dibanteras dengan berkesan. Kita berharap agar tiada lagi rakyat di negara ini yang terpaksa menanggung kerugian akibat kes jenayah siber yang semakin berleluasa.

Karangan Lengkap

⁽⁷⁾Jenayah siber ialah jenayah yang melibatkan peranti seperti telefon pintar atau komputer melalui akses Internet. ⁽⁸⁾Kini, kes jenayah siber di Malaysia menunjukkan peningkatan setiap tahun, iaitu daripada 10, 754 kes pada tahun 2018 kepada 20, 701 kes pada tahun 2021. ⁽⁹⁾Oleh itu, usaha untuk menangani jenayah siber perlulah diambil oleh semua pihak.

⁽¹⁰⁾Pada pendapat saya, salah satu cara terbaik untuk menangani jenayah siber ialah kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang. ⁽¹¹⁾Hal ini dikatakan demikian kerana undang-undang berperanan untuk memastikan masyarakat gerun untuk melakukan jenayah. ⁽¹²⁾Sebagai contoh, kerajaan boleh menguatkuasakan Akta Keselamatan Siber 2024 dengan mengenakan hukuman penjara dan denda yang berat ke atas pesalah jenayah siber. ⁽¹³⁾Impaknya, undang-undang ini membantu mencegah aktiviti jenayah siber seperti penipuan dalam talian, pencurian identiti dan penyebaran maklumat palsu.

⁽¹⁴⁾Selain itu, kerajaan juga boleh menganjurkan kempen untuk mengatasi jenayah siber. ⁽¹⁵⁾Hal ini dikatakan demikian kerana penganjuran kempen mampu meningkatkan kesedaran masyarakat supaya sentiasa berwaspada daripada menjadi mangsa penjenayah siber. ⁽¹⁶⁾Sebagai contoh, kerajaan boleh menyebarkan poster bertajuk, “Awat! Jenayah Siber” di media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*. ⁽¹⁷⁾Kesannya, masyarakat yang peka dan berpengetahuan luas akan lebih berhati-hati sekali gus dapat melindungi diri daripada ancaman jenayah siber.

⁽¹⁸⁾Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha untuk mengatasi jenayah siber di Malaysia. ⁽¹⁹⁾Oleh itu, semua pihak hendaklah mengambil inisiatif untuk memastikan kes jenayah siber di negara ini dapat dibanteras dengan berkesan. ⁽²⁰⁾Kita berharap agar tiada lagi rakyat di negara ini yang terpaksa menanggung kerugian akibat kes jenayah siber yang semakin berleluasa.

Ulasan: Calon mesti menulis isi yang ada dalam **Bahan 2** dan **Bahan 3** untuk cemerlang. **Bahan 1** boleh dijadikan huraian atau contoh mana-mana perenggan.

MODEL 2 TEMA: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan e-dagang.
Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang e-dagang.
Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Apa Itu E-dagang?


E-dagang atau perdagangan elektronik merujuk kepada pembelian dan penjualan barangan atau perkhidmatan secara elektronik melalui Internet.

Sumber: *ecommerce-pro.my*

Peningkatan terhadap pembelian atas talian telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan baharu antaranya sebagai pemandu penghantaran, jurugambar produk, pereka laman web sehingga ke pengurus logistik dan pakar keselamatan siber.

Sumber: *www.dagangnews.com*

Abang, saya perasan abang selalu membeli barang melalui aplikasi e-dagang. Saya ingin cuba menggunakannya tetapi saya kurang yakin.



Tidak ada apa-apa yang perlu dibimbangkan, Aina. Sebenarnya, urus niaga menggunakan aplikasi e-dagang sangat memudahkan urusan harian kita.

Rangka Karangan

- 1 Kata kunci: E-dagang
- 2 Pendahuluan – Analisis TIK

Tema	
Isu	
Kehendak/ Fokus	

- 3 Pengembangan isi – TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	
Ayat 2 (HU)	
Ayat 3 (CO)	
Ayat 4 (KE)	
* Ayat 5 (P)	

Ayat 1 (TO)	
Ayat 2 (HU)	
Ayat 3 (CO)	
Ayat 4 (KE)	
* Ayat 5 (P)	

4 Penutup – KECAHA

Penjelasan		Ayat Murid
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	
	*Cadangan	
	Harapan	

Karangan Lengkap

E-dagang atau perdagangan elektronik merujuk kepada pembelian dan penjualan barangan atau perkhidmatan secara elektronik melalui Internet. Fenomena ini telah mengubah cara masyarakat berbelanja dan bentuk perniagaan yang dijalankan secara keseluruhannya. Realitinya, e-dagang telah membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat.

Antara manfaat e-dagang kepada masyarakat ialah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana e-dagang ialah satu bentuk perniagaan baharu yang memerlukan pekerja mempunyai kemahiran tertentu. Sebagai contoh pekerjaan yang wujud adalah seperti ejen jualan dalam talian yang bersiaran secara langsung di platform *Tiktok* dan *Shopee* serta pencipta kandungan media sosial. Kesannya, kewujudan peluang pekerjaan baharu ini dapat membantu kerajaan mengurangkan kadar pengangguran terutama dalam kalangan golongan muda.

Selain itu, e-dagang juga membantu memudahkan urusan harian masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana urusan harian boleh diselesaikan hanya dengan menggunakan telefon pintar. Misalnya, suri rumah boleh membeli barang keperluan harian seperti barang basah atau makanan yang telah siap masak menggunakan aplikasi seperti *Grab*. Kesannya, masyarakat tidak perlu bersesak-sesak keluar rumah untuk menyelesaikan urusan harian.

Kesimpulannya, terdapat banyak manfaat e-dagang kepada masyarakat. Oleh itu, pengguna sewajarnya memanfaatkan kemudahan e-dagang dalam kehidupan seharian. Kita berharap agar perniagaan dalam talian akan terus berkembang dan merangsang ekonomi negara yang bakal memanfaatkan marhaen secara keseluruhannya.

Ulasan: Calon mesti menulis isi yang ada dalam **Bahan 2** dan **Bahan 3** untuk cemerlang. **Bahan 1** boleh dijadikan huraian atau contoh mana-mana perenggan.

PRAKTIS 1 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pencemaran udara di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **punca-punca pencemaran udara di Malaysia**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Pencemaran udara ialah keadaan apabila bahan kimia, zarah pepejal atau bahan biologi berbahaya dilepaskan ke atmosfera melepasi paras normal dan mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan.

Sumber: Internet



Salah satu punca pencemaran udara di Malaysia ialah pembakaran terbuka yang dilakukan oleh sesetengah individu. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menganggap membakar sampah lebih mudah berbanding dengan melupuskannya di tempat pelupusan sampah. Misalnya, terdapat segelintir masyarakat yang gemar membakar daun-daun kering di belakang rumah kerana menganggap tindakan tersebut lebih menjimatkan masa dan tenaga. Kesannya, asap daripada pembakaran tersebut akan menjejaskan kesihatan masyarakat sekeliling seperti menyebabkan masalah pernafasan.

Selain itu, pencemaran udara di Malaysia turut berpunca daripada pembebasan asap oleh kilang-kilang perindustrian. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti perkilangan lazimnya akan menggunakan bahan api fosil dan bahan kimia semasa proses pengeluaran. Sebagai contoh, sebuah kilang membuat plastik di kawasan perindustrian membebaskan asap dan gas berbahaya semasa proses pengeluaran. Kesannya, asap hitam tersebut akan mencemarkan udara serta merebak ke kawasan perumahan berhampiran sehingga menyebabkan penduduk mengalami masalah kesihatan seperti batuk dan sesak nafas.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai punca berlakunya pencemaran udara di Malaysia. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama untuk memastikan udara yang dikongsi bersama sentiasa bersih. Melalui usaha ini, masyarakat di negara ini dapat menikmati alam sekitar yang bersih, sihat dan selamat.

PRAKTIS2 Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan




Grafik dan petikan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan sambutan Hari Kebangsaan. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang sambutan Hari Kebangsaan di sekolah. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Setiap tahun, sambutan Hari Kebangsaan merupakan antara acara yang dinantikan oleh warga sekolah, sama ada murid mahupun guru. Suasana sekolah yang dipenuhi dengan bendera Jalur Gemilang menjadikan acara ini sesuatu yang cukup istimewa. Sambutan Hari Kebangsaan yang diserikan lagi dengan pelbagai aktiviti ini dapat menyemai perasaan cinta akan negara, khususnya dalam kalangan murid.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Semai Semangat Patriotik'
oleh Suliati Asri
www.hmetro.com.my

Untuk makluman, sekolah ini mempunyai murid-murid pelbagai kaum. Oleh itu, sambutan Hari Kebangsaan ini penting untuk menyatukan warga sekolah melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan pada hari ini.

Mengapakah sekolah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan pada hari ini?



Selain itu, sambutan Hari Kebangsaan juga dapat menyatukan warga sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti seperti pertandingan hiasan kelas bertemakan kemerdekaan memerlukan kerjasama dalam kalangan murid tanpa mengira kaum dan latar belakang. Misalnya, pertandingan tersebut memerlukan murid dan guru berbincang, membahagikan tugas dan bekerjasama untuk menghasilkan hiasan yang kreatif dan menarik. Kesannya, hubungan antara murid dan guru menjadi lebih erat serta suasana sekolah bertambah harmoni dan ceria.

[illegible]

PRAKTIS3 TEMA: Kerjaya

Anda telah menerima e-mel daripada rakan anda yang ingin mengetahui mengenai **persediaan-persediaan menghadiri temu duga**.

Balas e-mel rakan anda itu.

Panjangnya e-mel anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Daripada	siti32@gmail.com
Kepada	nurhayati@gmail.com
Subjek	Persediaan-persediaan Menghadiri Temu Duga
Salam sejahtera sahabatku Nurhayati, Apa khabar saudara di sana? Saya sihat wal afiat di sini. Sudah lama kita tidak bersua muka setelah tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Tujuan saya mengutus e-mel ini adalah untuk mendapatkan sedikit maklumat daripada saudara. Untuk makluman saudara, saya telah memohon kerja sebagai seorang guru tadika berdekatan dengan rumah saya. Syukur alhamdulillah, saya telah dipanggil untuk menghadiri temu duga. Bolehkan saudara kongsikan sedikit tip sebagai persediaan saya menghadiri temu duga tersebut? Saya berharap saudara dapat membalas e-mel saya secepat mungkin kerana saya kesuntukan masa untuk membuat persediaan bagi menghadiri temu duga tersebut. Sahabatmu, <i>Siti</i>	

PERSEDIAAN MENGHADIRI TEMU DUGA

Penampilan dan etika

Pakaian yang sesuai

Penampilan diri yang kemas



Bahasa tubuh yang positif

Persediaan mental dan fizikal

Yakin akan kebolehan diri

PRAKTIS 4 TEMA: Perpaduan

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan aktiviti kemasyarakatan. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **aktiviti kemasyarakatan**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

KUANTAN – Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong perlu diadakan secara berterusan kerana aktiviti ini boleh menjadi platform terbaik untuk mengeratkan silaturahim serta membudayakan penjagaan kebersihan. Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, aktiviti seperti ini tidak boleh diadakan secara bermusim dan perlu diikuti dengan program lain supaya hubungan baik antara masyarakat kekal terpelihara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Aktiviti Kemasyarakatan Perlu Berterusan'
oleh Nik Sukry Ramli
www.bharian.com.my



[illegible]

Program Tuisyen Rakyat Selangor

PRAKTIS 5 TEMA: Pelancongan

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan aktiviti melancong bersama-sama keluarga. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang aktiviti melancong bersama-sama keluarga.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

KAWASAN TARIKAN PELANCONG DI MALAYSIA




**Pulau
Langkawi**



**Cameron
Highlands**



**Kota A' Famosa,
Melaka**



**Taman Tema Air
Splash Mania**

Umum mengetahui bahawa aktiviti melancong merujuk kepada lawatan atau kunjungan ke tempat tertentu. Aktiviti ini jika dilakukan dengan ahli keluarga membolehkan kita meluangkan masa berkualiti bersama dengan insan tersayang. Dengan demikian, benih kasih sayang akan tumbuh subur dalam kalangan ahli keluarga dan sahabat handai.

Sumber: Dewan Siswa Bil. 12/2021

Percutian kali ini banyak mengajar nilai murni dalam keluarga kita.

Itulah pengajaran yang paling bermakna untuk kita sekeluarga.

Betul, anak-anak belajar nilai bekerjasama dan saling menghormati.



[illegible]

PRAKTIS 6 TEMA: Pendidikan

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan aktiviti kesukarelawan dalam kalangan murid. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **aktiviti kesukarelawan dalam kalangan murid**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Aktiviti kesukarelawan bukanlah satu perkara yang asing lagi kerana aktiviti ini telah menjadi kelaziman dalam kehidupan masyarakat hari ini. Aktiviti kesukarelawan ialah aktiviti atau pekerjaan yang dilakukan atas kemahuan sendiri dan tanpa sebarang paksaan.

Sumber: www.mkn.gov.my



[illegible]

TOPIK 2

Karangan Bahagian B

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

PANDUAN MENJAWAB SOALAN KARANGAN BAHAGIAN B

MODEL 1 TEMA: Keselamatan

Pada keseluruhannya statistik menunjukkan bahawa kes jenayah di negara kita dilihat semakin menurun. Namun begitu, kes jenayah siber semakin membimbangkan saban hari. Penggunaan media sosial yang lebih kerap merupakan antara punca berlakunya peningkatan kes jenayah siber di Malaysia sejak kebelakangan ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Penggunaan Media Sosial Tinggi Punca Jenayah Siber Meningkat'
oleh Nurul Huda Husain
www.sinarharian.com.my

Bincangkan punca yang terdapat dalam petikan dan punca-punca lain berlakunya jenayah ini.

Rangka Karangan

- 1 Kata kunci: Jenayah
- 2 Pendahuluan – Analisis **THINK**

Tema	Dewasa ini, perkembangan teknologi maklumat berlaku dengan begitu pesat dalam kehidupan masyarakat moden.
Huraian	—
Isu	Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan bahawa kes jenayah siber semakin membimbangkan saban hari akibat penyalahgunaan Internet oleh segelintir individu yang tidak bertanggungjawab.
Huraian (Perspektif/ Kesan Negatif)	—
Kehendak Soalan	Maka, penting untuk kita fahami punca-punca berlakunya kes jenayah siber di Malaysia untuk membendung masalah ini daripada terus berleluasa.

- 3 Pengembangan isi - **TOHUCOKEP**
Perenggan isi 1

Ayat Topik (TO)	Salah satu punca dominan jenayah siber ialah penggunaan media sosial yang terlalu kerap.
Ayat Huraian (HU)	Hal ini berlaku kerana interaksi sosial di alam maya yang berlebihan tanpa batasan mendedahkan pengguna kepada risiko dimanipulasi oleh penjenayah.
Ayat Contoh (CO)	Sebagai contoh, ramai pengguna cenderung berkongsi maklumat peribadi dan aktiviti harian mereka secara terbuka kepada umum.
Ayat Kesan (KE)	Kesannya, data tersebut mudah diakses dan disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan atau pencerobohan privasi mangsa.
Ayat Penegas (P)	Tegasnya, penggunaan media sosial yang tidak terkawal sememangnya menjadi punca utama peningkatan jenayah siber.

Perenggan isi 2

Ayat Topik (TO)	Selain itu, kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI) turut menyumbang kepada peningkatan jenayah siber.
Ayat Huraian (HU)	Hal ini terjadi apabila teknologi canggih ini disalah guna oleh penjenayah untuk melakukan penipuan dengan cara yang lebih licik dan sukar dikesan.
Ayat Contoh (CO)	Sebagai contoh, penjenayah menggunakan teknologi ini untuk mereka cipta gambar atau suara palsu bagi menipu orang ramai.
Ayat Kesan (KE)	Kesannya, mangsa akan menanggung aib dan kerugian manakala masyarakat pula sukar membezakan antara maklumat yang benar dengan yang palsu.
Ayat Penegas (P)	Tegasnya, penyalahgunaan teknologi AI sememangnya menjadi faktor pendorong berlakunya jenayah siber.

Perenggan isi 3

Ayat Topik (TO)	Dalam pada itu, punca jenayah siber yang seterusnya ialah kurangnya kesedaran pengguna tentang keselamatan digital.
Ayat Huraian (HU)	Hal ini berlaku kerana banyak pengguna masih memandang remeh akan kepentingan melindungi data peribadi mereka semasa melayari alam maya.
Ayat Contoh (CO)	Sebagai contoh, terdapat pengguna yang menggunakan kata laluan yang terlalu ringkas atau mendedahkan maklumat sulit secara terbuka dalam laman sosial.
Ayat Kesan (KE)	Akibatnya, maklumat tersebut mudah diceroboh oleh penjenayah untuk tujuan penipuan kewangan atau kecurian identiti.
Ayat Penegas (P)	Tegasnya, sikap kurang peka terhadap keselamatan digital sememangnya menjadi punca utama berlakunya jenayah siber.

4 Penutup – KECAHA

Kesimpulan (KE)	Kesimpulannya, jenayah siber yang berpunca daripada penggunaan media sosial yang kerap, kepesatan perkembangan AI dan kurangnya kesedaran pengguna Internet perlu ditangani dengan segera.
Cadangan (CA)	Tindakan membendung jenayah ini harus melibatkan kerjasama semua pihak, termasuk pihak berkuasa, syarikat teknologi dan masyarakat umum.
Harapan (HA)	Dengan langkah yang berkesan, diharapkan keselamatan manusia dalam alam fizikal dan alam maya dapat dijamin, sekali gus mewujudkan persekitaran digital yang lebih selamat dan harmoni.

Karangan Contoh (Baik)

^(T)Dewasa ini, perkembangan teknologi maklumat berlaku dengan begitu pesat dalam kehidupan masyarakat moden. ^(W)Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan bahawa kes jenayah siber semakin membimbangkan saban hari akibat penyalahgunaan Internet oleh segelintir individu yang tidak bertanggungjawab. ^(K)Maka, penting untuk kita fahami punca-punca berlakunya kes jenayah siber di Malaysia untuk membendung masalah ini daripada terus berleluasa.

^(TO)Salah satu punca dominan jenayah siber ialah penggunaan media sosial yang terlalu kerap. ^(HU)Hal ini berlaku kerana interaksi sosial di alam maya yang berlebihan tanpa batasan mendedahkan pengguna kepada risiko dimanipulasi oleh penjenayah. ^(CO)Sebagai contoh, ramai pengguna cenderung berkongsi maklumat peribadi dan aktiviti harian mereka secara terbuka kepada umum. ^(KE)Kesannya, data tersebut mudah diakses dan disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan atau pencerobohan privasi mangsa. ^(P)Tegasnya, penggunaan media sosial yang tidak terkawal sememangnya menjadi punca utama peningkatan jenayah siber.

^(TO)Selain itu, kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI) turut menyumbang kepada peningkatan jenayah siber. ^(HU)Hal ini terjadi apabila teknologi canggih ini disalah guna oleh penjenayah untuk melakukan penipuan dengan cara yang lebih licik dan sukar dikesan. ^(CO)Sebagai contoh, penjenayah menggunakan teknologi ini untuk mereka cipta gambar atau suara palsu bagi menipu orang ramai. ^(KE)Kesannya, mangsa akan menanggung aib dan kerugian manakala masyarakat pula sukar membezakan antara maklumat yang benar dengan yang palsu. ^(P)Tegasnya, penyalahgunaan teknologi AI sememangnya menjadi faktor pendorong berlakunya jenayah siber.

^(TO)Dalam pada itu, punca jenayah siber yang seterusnya ialah kurangnya kesedaran pengguna tentang keselamatan digital. ^(HU)Hal ini berlaku kerana banyak pengguna masih memandang remeh akan kepentingan melindungi data peribadi mereka semasa melayari alam maya. ^(CO)Sebagai contoh, terdapat pengguna yang menggunakan kata laluan yang terlalu ringkas atau mendedahkan maklumat sulit secara terbuka dalam laman sosial. ^(KE)Akibatnya, maklumat tersebut mudah diceroboh oleh penjenayah untuk tujuan penipuan kewangan atau kecurian identiti. ^(P)Tegasnya, sikap kurang peka terhadap keselamatan digital sememangnya menjadi punca utama berlakunya jenayah siber.

^(KE)Kesimpulannya, jenayah siber yang berpunca daripada penggunaan media sosial yang kerap, kepesatan perkembangan AI dan kurangnya kesedaran pengguna Internet perlu ditangani dengan segera. ^(CA)Tindakan membendung jenayah ini harus melibatkan kerjasama semua pihak, termasuk pihak berkuasa, syarikat teknologi, dan masyarakat umum. ^(HA)Dengan langkah yang berkesan, diharapkan keselamatan manusia dalam alam fizikal dan alam maya dapat dijamin, sekali gus mewujudkan persekitaran digital yang lebih selamat dan harmoni.

 Karangan Contoh (Cemerlang)

Statistik menunjukkan bahawa kes jenayah siber semakin membimbangkan saban hari. Fenomena ini kian meruncing **bagai cendawan tumbuh selepas hujan** akibat ledakan teknologi digital yang disalahgunakan oleh petualang siber yang tidak beretika. Situasi ini amat membahayakan kerana modus operandi penjenayah kini semakin licik dan sukar dikesan. Oleh hal yang demikian, punca-punca yang mendalangi jenayah siber perlulah ditelusuri hingga ke **akar umbi** untuk membendung ancaman ini daripada terus menggugat keselamatan masyarakat, sama ada di alam nyata mahupun di alam maya.

Salah satu punca dominan jenayah siber ialah penggunaan media sosial yang kerap. Media sosial telah menjadi medium utama komunikasi dalam kalangan masyarakat moden, namun penggunaannya yang tidak terkawal telah membuka ruang kepada jenayah siber seperti penipuan identiti, buli siber dan penyebaran maklumat palsu. Sebagai contoh, semakin banyak kes penipuan berlaku melalui platform seperti *Facebook Marketplace* apabila terdapat individu yang menyamar sebagai penjual sah untuk memerangkap pengguna dengan tawaran barangan murah sebelum menghilangkan diri setelah menerima bayaran. Kesannya, mangsa akan mengalami kerugian kewangan serta trauma emosi yang mendalam. Tegasnya, penggunaan media sosial yang kerap telah menjadi punca utama jenayah siber yang merugikan masyarakat.

Selain itu, kepesatan perkembangan kecerdasan buatan (AI) turut menyumbang kepada peningkatan jenayah siber. AI yang digunakan untuk tujuan positif seperti automasi dan analisis data juga boleh dieksploitasi oleh penjenayah siber untuk mencipta perisian hasad yang lebih canggih serta melaksanakan serangan siber yang sukar dikesan. Sebagai contoh, teknologi *deepfake* yang menggunakan AI telah disalahgunakan bagi menyebarkan video palsu untuk tujuan pemerasan atau manipulasi politik. Kesan daripada tindakan ini ialah reputasi mangsa tercalar, manakala masyarakat akan hilang kepercayaan terhadap kandungan digital. Tegasnya, kepesatan perkembangan AI turut menyumbang kepada peningkatan jenayah siber.

Dalam pada itu, punca lain penularan jenayah siber ialah tahap kesedaran keselamatan digital yang masih rendah dalam kalangan pengguna Internet. Kebanyakan masyarakat bersikap sambalewa dengan memandang enteng protokol perlindungan data peribadi yang asas. Sebagai bukti yang spesifik, masih banyak pengguna yang menetapkan kata laluan statik tanpa mengaktifkan Pengesahan Dua Faktor (2FA) atau sewenang-wenangnya berkongsi nombor pengesahan peribadi (TAC/OTP) kepada pihak ketiga yang menyamar sebagai pegawai bank. Kelalaian teknikal ini ibarat menyerahkan kunci rumah kepada pencuri, membolehkan wang simpanan mangsa dikuras licin melalui transaksi dalam talian. Tegasnya, kekurangan ilmu serta kesedaran tentang keselamatan digital sememangnya merupakan angkara utama yang melonjakkan statistik jenayah siber dalam kalangan masyarakat.

Konklusinya, jenayah siber yang ber**akar umbi** daripada ketagihan media sosial, evolusi kecerdasan buatan (AI) dan kedangkalan literasi digital hendaklah ditangani secara tuntas. Maka, usaha membanteras masalah ini perlulah digalas secara kolektif oleh pihak berkuasa, penyedia teknologi dan masyarakat bak kata peribahasa **berat sama dipikul, ringan sama dijinjing**. Komitmen jitu ini nescaya dapat menjamin kesejahteraan sejagat sekali gus merealisasikan persekitaran digital yang lebih selamat dan harmoni untuk masyarakat.

MODEL 2 TEMA: Kesihatan

Pada era digital ini, permainan dalam talian telah menjadi bahagian penting dalam hiburan moden. Walau bagaimanapun, sisi gelap fenomena ini boleh menyebabkan ketagihan sehingga menjejaskan kesihatan individu secara serius. Selain itu, ketagihan terhadap permainan dalam talian sering membawa kepada tingkah laku seperti kurang tidur yang disertai dengan prestasi akademik yang lemah. Bermain permainan dalam talian untuk jangka masa yang lama boleh menyebabkan individu menjadi terasing dan terputus daripada hubungan sosial.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Akibat Buruk Ketagihan Permainan Online'
malaysiagazette.com

Berdasarkan petikan, bincangkan kesan-kesan permainan tersebut.

Karangan Contoh (Baik)

Permainan dalam talian semakin popular dalam kalangan masyarakat, terutama golongan muda. Fenomena ini timbul hasil daripada perkembangan teknologi dan kemudahan akses Internet. Namun begitu, di sebalik manfaatnya sebagai medium hiburan, permainan dalam talian juga membawa pelbagai kesan negatif yang boleh menjejaskan kehidupan individu jika tidak dikawal dengan baik.

Salah satu kesan permainan dalam talian ialah permainan ini boleh menyebabkan ketagihan sehingga menjejaskan kesihatan individu secara serius. Ketagihan ini berlaku apabila individu menghabiskan masa yang lama bermain permainan tanpa menghiraukan waktu makan atau rehat. Sebagai contoh, banyak pemain sanggup berjaga hingga lewat malam hanya untuk menamatkan peringkat tertentu dalam permainan. Kesan daripada tabiat ini ialah mereka mungkin mengalami masalah kesihatan seperti mata letih, gangguan tidur dan tekanan mental. Oleh itu, ketagihan terhadap permainan dalam talian perlu dikawal agar kesihatan tidak terjejas. Tegasnya, permainan dalam talian boleh menyebabkan ketagihan yang menjejaskan kesihatan individu secara serius.

Selain itu, ketagihan terhadap permainan dalam talian sering membawa kepada tingkah laku seperti kurang tidur yang disertai dengan prestasi akademik yang lemah. Individu yang ketagih permainan dalam talian sering mengutamakan permainan berbanding dengan waktu belajar. Sebagai contoh, seorang murid yang bermain permainan hingga lewat malam akan sukar memberikan tumpuan di dalam kelas pada keesokan harinya. Kesan daripada situasi ini ialah prestasi akademik mereka merosot, sekali gus menjejaskan masa hadapan mereka. Oleh itu, murid perlu mengutamakan pelajaran dan mengelakkan ketagihan permainan dalam talian. Tegasnya, ketagihan terhadap permainan dalam talian sering membawa kepada tingkah laku seperti kurang tidur yang disertai dengan prestasi akademik yang lemah.

Seterusnya, bermain permainan dalam talian untuk jangka masa yang lama boleh menyebabkan individu menjadi terasing dan terputus daripada hubungan sosial. Permainan dalam talian yang terlalu menarik perhatian menyebabkan mereka kurang meluangkan masa bersama dengan keluarga dan rakan-rakan. Sebagai contoh, seorang remaja yang sentiasa terpaku pada skrin komputer mungkin gagal menghadiri majlis keluarga atau berinteraksi dengan rakan sebaya. Akibatnya, hubungan sosial menjadi renggang dan mereka berasa kesunyian. Oleh itu, interaksi sosial yang seimbang perlu diutamakan untuk kesejahteraan emosi individu. Tegasnya, bermain permainan dalam talian untuk jangka masa yang lama boleh menyebabkan individu menjadi terasing dan terputus daripada hubungan sosial.

Kesimpulannya, permainan dalam talian memberi kesan negatif seperti ketagihan sehingga menjejaskan kesihatan, prestasi akademik yang lemah dan terputus hubungan sosial. Walaupun permainan ini boleh menjadi medium hiburan yang menyeronokkan, namun penggunaannya perlu dikawal dengan bijak. Semua pihak termasuk ibu bapa, guru dan masyarakat perlu memainkan peranan untuk mendidik generasi muda tentang bahaya ketagihan permainan dalam talian. Dengan kawalan yang berkesan, permainan dalam talian dapat dimanfaatkan tanpa menjejaskan kehidupan seharian individu.

Karangan Contoh (Cemerlang)

Pada era digital ini, permainan dalam talian telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup moden dan hiburan utama masyarakat. Fenomena hiburan maya ini bukan sekadar mengisi masa lapang, malah telah berevolusi menjadi satu ketagihan yang sukar dikawal. Namun begitu, di sebalik keseronokan tersebut, timbul isu serius apabila semakin banyak individu terutama remaja mula hanyut dalam dunia khayalan ini tanpa batasan. Ketaksuban ini jika tidak dibendung bakal merosakkan potensi modal insan negara dan mengundang pelbagai masalah kronik. Oleh itu, wajarlah kita membincangkan kesan-kesan permainan dalam talian ini untuk kesejahteraan bersama.

Antara impak negatif permainan dalam talian yang paling ketara ialah ketagihan melampau sehingga menjejaskan kesihatan fizikal individu secara serius. Hal ini berlaku akibat gaya hidup sedentari apabila pemain terpaku di hadapan skrin berjam-jam lamanya tanpa melakukan sebarang aktiviti fizikal, sekali gus merencatkan kadar metabolisme badan. Sebagai contoh, pemain tegar sering mengalami masalah Sindrom Terowong Karpal atau *Carpal Tunnel Syndrome* (CTS) pada pergelangan tangan akibat penggunaan tetikus yang berlebihan serta kerosakan retina mata akibat pendedahan berterusan kepada cahaya biru yang dipancarkan oleh skrin komputer. Implikasinya, obsesi ini bukan sahaja mengundang penyakit obesiti, malah mendedahkan golongan muda kepada risiko serangan jantung seawal usia remaja akibat kurang bersenam. Tuntasnya, ketaksuban terhadap dunia maya sememangnya menjadi racun yang merosakkan kesihatan fizikal individu secara senyap.

Selain itu, ketagihan permainan dalam talian sering membawa kepada gangguan kitaran tidur yang kronik, lantas menyumbang kepada prestasi akademik yang lemah. Situasi ini terjadi apabila pemain memanipulasi waktu rehat biologi mereka untuk kepuasan nafsu bermain, menyebabkan gangguan pada ritma sirkadian (jam biologi) badan dan penurunan fungsi kognitif otak. Tamsilnya, kebanyakan murid sekolah sanggup berjaga hingga pukul 3:00 pagi untuk 'naik pangkat' dalam permainan video, menyebabkan mereka tertidur di dalam kelas semasa subjek kritikal seperti Bahasa Melayu dan Sejarah. Natiujahnya, fokus pembelajaran mereka akan terganggu sepenuhnya dan keputusan peperiksaan utama seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan merosot teruk **ibarat yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran**. Tegasnya, kesan ketagihan permainan dalam talian akan mengakibatkan kekurangan tidur dan kegagalan murid dalam menguasai ilmu.

Seterusnya, penglibatan yang terlalu obsesif dalam permainan ini boleh menyebabkan individu menjadi terasing dan terputus daripada hubungan sosial di alam nyata. Hal ini dikatakan demikian kerana pemain lebih cenderung memilih untuk berinteraksi secara maya dan sentiasa cuba melarikan diri daripada realiti kehidupan bermasyarakat. Misalnya, terdapat remaja yang bersikap **seperti kera sumbang** dengan memerap di dalam bilik seharian suntuk, enggan makan bersama dengan keluarga, malah hanya berkomunikasi dengan ibu bapa melalui aplikasi *WhatsApp* walaupun berada di bawah bumbung yang sama. Kesannya, kemahiran komunikasi interpersonal mereka akan tumpul sehingga menyebabkan hubungan kekeluargaan menjadi **retak menanti belah** di samping gagal menyesuaikan diri dalam komuniti luar. Jelaslah bahawa permainan dalam talian mampu membina tembok pemisah yang memusnahkan silaturahim sesama manusia.

Kesimpulannya, fenomena ketagihan permainan dalam talian ini perlulah dibendung dengan segera kerana **mencegah lebih baik daripada mengubati** agar tidak menjadi barah dalam masyarakat. Oleh itu, ibu bapa mestilah memantau penggunaan gajet anak-anak secara tegas dan konsisten. Kita berharap agar generasi muda dapat memanfaatkan teknologi secara bijak tanpa menggadaikan masa hadapan mereka.

PRAKTIS 1 TEMA: Ekonomi, Kawangan dan Pengurusan Kewangan

Berdasarkan Pantauan Ekonomi Malaysia oleh Bank Dunia pada tahun 2019, sebanyak 60 peratus kumpulan individu muflis yang tertinggi terdiri daripada golongan belia, iaitu antara 25 tahun hingga 44 tahun. Oleh itu, setiap individu seharusnya berbelanja mengikut keperluan bukannya kehendak, membuat pelaburan kewangan yang bijak dan mempunyai disiplin yang tinggi dalam pengurusan kewangan masing-masing untuk mengelakkan diri daripada krisis kewangan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'OUB Kay Hian: Firma Perancang Kewangan Terkemuka di Malaysia'
oleh Fatin Syazana Zulkafali, *Dewan Ekonomi*

Berdasarkan petikan, huraikan cara-cara mengurus kewangan dengan bijak.

Salah satu cara mengurus kewangan dengan bijak ialah setiap individu perlu berbelanja mengikut keperluan, bukan kehendak. Seseorang perlu bijak membezakan antara barangan atau perkhidmatan yang benar-benar diperlukan dengan barangan yang sekadar memenuhi kehendak nafsu semata-mata. Sebagai contoh, pembelian barangan keperluan dapur lebih utama berbanding dengan pembelian pakaian berjenama mahal. Dengan berbelanja secara berhemah, individu dapat mengelakkan pembaziran dan memastikan wang digunakan secara optimum. Tegasnya, cara mengurus kewangan dengan bijak ialah setiap individu perlu berbelanja mengikut keperluan masing-masing.

Selain itu, cara mengurus kewangan dengan bijak yang kedua ialah setiap individu perlu membuat pelaburan kewangan yang bijak. Pelaburan membantu individu mengembangkan aset dan menyediakan sumber kewangan tambahan untuk masa hadapan. Sebagai contoh, melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) ialah pilihan yang berpotensi memberikan pulangan yang baik. Dengan membuat pelaburan yang teliti, seseorang dapat mengurangkan krisis kewangan pada masa hadapan. Jelaslah bahawa, pelaburan yang bijak ialah langkah strategik mengurus kewangan dengan bijak bagi membina kestabilan kewangan untuk jangka masa panjang.

Seterusnya, cara mengurus kewangan dengan bijak ialah disiplin yang tinggi dalam pengurusan kewangan bagi menjamin keberkesanan setiap perancangan yang diambil. Disiplin ini termasuklah mematuhi bajet yang telah ditetapkan dan mengelakkan pembelian impulsif. Sebagai contoh, seseorang boleh mengamalkan tabiat mencatat perbelanjaan harian untuk memantau aliran keluar masuk wang. Dengan cara ini, individu dapat mengenal pasti perbelanjaan yang tidak perlu dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menjimatkan wang. Tegasnya, disiplin yang tinggi dalam pengurusan kewangan amat penting untuk memastikan setiap individu lebih bertanggungjawab terhadap status kewangannya.

Kesimpulannya, cara mengurus kewangan dengan bijak boleh dicapai dengan berbelanja mengikut keperluan, membuat pelaburan yang bijak dan mengamalkan disiplin kewangan yang tinggi. Setiap individu perlu mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus kewangan. Dengan amalan ini, diharapkan setiap individu dapat mencapai kestabilan kewangan dan mengelakkan krisis kewangan yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup sekali gus melahirkan masyarakat yang lebih sejahtera serta bebas daripada beban kewangan yang tidak terkawal.

PRAKTIK 2 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

KUALA LUMPUR – Pemanasan global ialah perubahan iklim yang dirasakan di Malaysia yang kini mengalami fenomena cuaca ekstrem seperti hujan lebat berterusan, panas membahang serta penurunan suhu di kawasan tertentu yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Unjuran peningkatan pemanasan global sehingga 1.5 °C akan memberikan kesan besar seperti pencairan ais di lautan dan di daratan, kebakaran hutan dan musim panas yang melampau.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Rakyat Malaysia Tidak Cakna Perubahan Iklim?’
Astro Awani

Berdasarkan petikan di atas, tulis sebuah teks syarahan berkaitan dengan kesan-kesan tersebut.

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berbahagia Dato’ Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, urus setia Jabatan Alam Sekitar, rakan peserta dan hadirin yang dimuliakan. Pada pagi yang mulia ini, izinkan saya menyampaikan syarahan yang bertajuk ‘Impak Pemanasan Global terhadap Dunia’. Sebelum saya memulakan syarahan, izinkan saya memetik ayat al-Quran, Surah al-A’raf: 56 yang bermaksud, “Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya”.

Hadirin yang dimuliakan,

Pemanasan global sehingga 1.5 °C telah menyebabkan pencairan ais di lautan dan di daratan berlaku dengan lebih cepat menjelang tahun 2030. Litupan salji dan glasier di kawasan-kawasan pergunungan juga mencair pada kadar yang membimbangkan termasuklah pencairan ais di kawasan Artik dan Antartika. Fenomena ini mengakibatkan kenaikan paras air laut. Sekiranya fenomena ini berterusan, lebih banyak kawasan rendah, pesisir pantai, pulau dan negara akan tenggelam. Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima impak akibat kenaikan paras air laut ini.

Seterusnya, pemanasan global menyebabkan cuaca ekstrem serta kemunculan titik-titik panas di kawasan-kawasan tertentu. Akibatnya kebakaran hutan mudah berlaku di sesetengah kawasan berisiko tinggi. Pada Januari 2020, taman negara di Australia terbakar secara semula jadi sehingga mengorbankan lebih 5, 000 ekor koala. Haiwan ikonik negara itu hampir diancam kepupusan akibat kebakaran tersebut. Lao Tzu (570 SM – 470 SM), seorang ahli falsafah China terkemuka ada berkata, “perbuatan besar terdiri daripada perbuatan-perbuatan kecil”. Akibat perbuatan manusia yang merosakkan bumi menyebabkan pelbagai malapetaka dan kehilangan biodiversiti.

Pemanasan global juga menyebabkan musim panas melampau. Cuaca panas melampau telah menjejaskan sektor pertanian di kebanyakan negara pengeluar makanan. Tanah menjadi tandus dan pokok-pokok tanaman tidak dapat hidup dengan subur. Sektor ternakan juga terjejas apabila sumber air seperti tasik dan sungai menjadi kontang. Fenomena ini secara tidak langsung telah mengancam keselamatan bekalan makanan dunia. Kebanyakan negara pengeluar makanan telah menghentikan import makanan untuk memenuhi keperluan negara sendiri sekali gus menyebabkan kenaikan harga barangan makanan.

Hadirin yang dimuliakan,

Sekian, terima kasih.



PRAKTIS 3 TEMA: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Semangat patriotik merupakan nadi kebebasan, kemerdekaan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara. Kurangnya semangat patriotik dalam kalangan rakyat sesebuah negara akan membawa kepada ketidakstabilan negara. Oleh itu, setiap rakyat yang cinta akan negaranya mestilah bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membangun dan memajukan negara. Selain itu, semangat patriotik dapat ditunjukkan melalui kibaran bendera dan nyanyian lagu kebangsaan. Rakyat juga seharusnya mengenang pengorbanan pejuang kemerdekaan terdahulu yang telah banyak berjasa kepada negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Patriotisme Bukan Sekadar Semangat'

Sinar Harian

Jelaskan cara-cara untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

Dasawarsa ini, semangat patriotik merupakan benteng pertahanan paling ampuh untuk sesebuah negara berdaulat. Semangat ini menuntut kesetiaan tidak berbelah bahagi daripada warganegara, bukannya sekadar retorik atau cakap-cakap kosong semata-mata. Malangnya, segelintir masyarakat kini semakin alpa dan kurang kesedaran tentang kepentingan menjiwai semangat keramat ini sehingga menyebabkan kelunturan nilai patriotisme yang bakal mendedahkan negara kepada risiko ketidakstabilan sosial yang serius. Oleh itu, wajarlah kita mengenal pasti cara-cara menunjukkan rasa cinta akan negara agar kedaulatan ibu pertiwi kekal terpelihara.

Seterusnya, semangat patriotisme turut dimanifestasikan melalui penghormatan yang tinggi terhadap simbol kedaulatan negara, khususnya panji kebangsaan dan lagu rasmi. Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan memuliakan entiti ini bukan sekadar adat, sebaliknya merupakan cerminan aku janji dan taat setia rakyat kepada keluhuran perlembagaan negara. Sebagai contoh, rakyat Malaysia seharusnya mengibarkan Jalur Gemilang dengan megah di premis kediaman dan kenderaan sepanjang bulan kebangsaan. Implikasinya, penghayatan terhadap simbol-simbol kebesaran ini mampu menjadi ejen penyatupaduan masyarakat majmuk yang paling berkesan. Tuntasnya, pembudayaan amalan mengibarkan bendera dan nyanyian lagu kebangsaan merupakan cara menunjukkan kesetiaan yang paling tulus terhadap tanah air tercinta.

Selain itu, inti pati patriotisme turut menuntut rakyat untuk menyanjung tinggi jerih perih dan pengorbanan negarawan ulung terdahulu. Tindakan ini signifikan kerana kemakmuran yang dinikmati hari ini bukanlah datang bergolek, sebaliknya merupakan hasil tumpahan darah dan air mata pejuang yang sanggup menggadaikan nyawa demi membebaskan tanah air. Sebagai uswah terbaik, kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman dalam misi diplomasi kemerdekaan sewajarnya terpahat kukuh dalam ingatan setiap anak watan. Implikasinya, kesedaran sejarah ini akan melahirkan generasi yang bersyukur dan tidak bersikap **seperti kacang lupakan kulit**, lantas bermotivasi untuk mempertahankan kedaulatan nusa. Tuntasnya, apresiasi terhadap pengorbanan legasi pejuang kemerdekaan zaman silam yang telah berjasa kepada negara ialah salah satu cara menunjukkan rasa kecintaan terhadap negara.

Kesimpulannya, rasa cinta akan negara ini wajiblah disemat utuh dalam sanubari setiap anak watan. Maka, segenap lapisan masyarakat haruslah **berganding bahu** untuk membugarkan nilai keramat ini tanpa kompromi. Dengan semangat ini, Malaysia akan terus maju dan menjadi tempat yang aman untuk didiami dan terus kekal berdaulat serta disegani di pentas dunia sebagai sebuah negara bangsa yang terbilang.

PRAKTIS 4 TEMA: Pelancongan

Pelancongan gastronomic merupakan aktiviti pelancongan yang memfokuskan pengalaman menikmati hidangan yang merangkumi makanan dan minuman istimewa tempatan di sesuatu kawasan. Kepentingan pelancongan ini ialah para pelancong dapat menikmati sendiri pelbagai hidangan yang dijual sekali gus dapat memperkenalkan budaya dan warisan sesebuah negeri kepada pelancong. Selain itu, kerancakan perniagaan berasaskan makanan dan minuman juga akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk penduduk setempat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Potensi Ekonomi dalam Sektor Gastronomi di Melaka'
Zulfiqar Mohd Yusof
Dewan Ekonomi

Berdasarkan petikan, huraikan kepentingan-kepentingan aktiviti pelancongan tersebut.

Dasawarsa ini, pelancongan gastronomic telah muncul sebagai satu dimensi baharu yang merancakkan industri pelancongan di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep pelancongan yang berteraskan aktiviti penerokaan makanan ini bukan sekadar memenuhi nafsu makan, malah menawarkan pengalaman unik merentasi budaya. Impaknya, Malaysia kini semakin dikenali di persada antarabangsa sebagai 'syurga makanan' yang kaya dengan kepelbagaian cita rasa etnik. Namun begitu, jika potensi industri ini dipandang sepi, negara bakal kerugian besar dari segi penjanaan ekonomi domestik. Oleh itu, marilah kita menelusuri kepentingan aktiviti pelancongan gastronomic ini demi memajukan sektor pelancongan negara.

Selain itu, pelancongan gastronomic juga penting untuk memperkenalkan budaya dan warisan unik sesebuah negeri kepada pelancong luar. Hal ini amat signifikan kerana makanan tradisional merupakan cerminan identiti sesuatu bangsa yang diwarisi sejak turun-temurun ibarat **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas**. Tamsilnya, penyediaan makanan tradisional seperti Rendang Tok di Perak membolehkan pelancong memahami adat resam, ramuan herba tempatan dan seni kulinari masyarakat Melayu yang halus. Natiujahnya, apresiasi pelancong terhadap kekayaan warisan negara akan meningkat, sekali gus menjamin kelestarian budaya agar tidak ditelan zaman. Tegasnya, makanan bertindak sebagai duta kecil yang paling berkesan dalam mempromosikan warisan negara.

Seterusnya, kerancakan perniagaan berasaskan makanan juga akan mewujudkan lambakan peluang pekerjaan untuk penduduk setempat. Situasi ini berlaku kerana ekosistem industri makanan memerlukan tenaga kerja yang ramai, bermula daripada sektor pertanian, pemprosesan, sehinggalah kepada perkhidmatan dan pemasaran. Sebagai contoh, permintaan tinggi terhadap makanan warisan telah melahirkan ramai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menghasilkan pes segera serta membuka peluang kepada golongan belia dalam ekonomi gig sebagai penghantar makanan. Kesannya, kadar pengangguran dapat dikurangkan secara drastik dan taraf sosioekonomi masyarakat setempat akan meningkat. Jelaslah bahawa industri gastronomic merupakan penjana ekonomi yang mampu memperkasakan daya saing rakyat.

Benarlah kata orang tua-tua, **di mana ada gula, di situ ada semut**, sektor pelancongan gastronomic sememangnya terbukti menjadi magnet dominan yang memikat kehadiran jutaan pelancong ke Malaysia. Dalam konteks ini, pihak kerajaan dan swasta perlulah mengambil langkah sederhana dan bersinergi secara agresif untuk mempromosikan keunikan menu tempatan di persada antarabangsa. Kita berharap agar Malaysia mampu melakar nama sebagai destinasi kulinari terulung dunia, sekali gus menjana kemakmuran ekonomi yang mapan untuk generasi mendatang.

PRAKTIS 5 TEMA: Perpaduan

Semangat kejiranan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Semangat ini lahir daripada kesedaran dan inisiatif kita untuk mewujudkannya. Semangat ini mendatangkan banyak manfaat dan menyatupadukan seluruh masyarakat sekali gus mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara. Oleh itu, masyarakat haruslah berganding bahu untuk menjadikan kehidupan berjiran sebagai amalan dan budaya masyarakat di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Semangat Kejiranan Perlu Dipupuk',
Harakah Daily

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha tersebut.

Semangat kejiranan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan bermasyarakat yang mengutamakan hubungan harmoni, tolong-menolong dan saling menghormati antara jiran tetangga, tanpa mengira latar belakang. Dalam arus modenisasi ini, masyarakat sering terperangkap dalam kesibukan mencari rezeki dan kebergantungan melampau pada gajet sehingga menyebabkan hubungan jiran yang dulunya erat kini menjadi renggang ibarat **hidup segan, mati tak mahu**. Fenomena ini amat membimbangkan kerana semangat kejiranan yang utuh merupakan tunjang kepada kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara justeru, pelbagai usaha untuk memupuk semangat kejiranan perlu diimplementasikan bagi menyuburkan kembali semangat ini.

Salah satu usaha ampuh untuk memupuk semangat kejiranan ialah peranan ibu bapa sebagai suri teladan yang melibatkan anak-anak secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Ibu bapa seharusnya membawa anak-anak menyertai program gotong-royong membersihkan kawasan perumahan sewaktu cuti umum atau hujung minggu. Sebagai contoh, melalui aktiviti gotong-royong yang disertai oleh seisi keluarga, bapa boleh mengajak anak remajanya membantu memasang khemah serta mengagihkan makanan kepada para peserta gotong-royong. Kesannya, anak-anak akan diasuh dengan nilai kerjasama, tanggungjawab sosial dan memupuk rasa kekitaan dalam komuniti. Secara tidak langsung, semangat kejiranan akan **berakar umbi** sejak usia muda. Tegasnya, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti gotong-royong merupakan medium paling praktikal untuk melahirkan generasi yang menghargai nilai kejiranan.

Di samping itu, pihak komuniti dan persatuan penduduk setempat memainkan peranan signifikan dengan menganjurkan majlis rumah terbuka pada musim perayaan. Penganjuran ini mestilah bersifat inklusif, iaitu melibatkan penyediaan hidangan pelbagai kaum seperti lemang, lontong dan kuih bulan. Sebagai contoh, semasa sambutan Deepavali, persatuan penduduk boleh mengadakan rumah terbuka jiran-jiran berbangsa Melayu dan Cina untuk bersama-sama menikmati manisan dan hidangan tradisional India. Aktiviti ini memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi secara santai dan mesra, sekali gus memahami serta menghormati adat resam dan budaya jiran. Jelaslah bahawa, rumah terbuka merupakan wahana sosial yang paling berkesan untuk mencairkan tembok pemisah kaum dan menyemarakkan semangat kejiranan sesama penduduk setempat.

Kesimpulannya, semangat kejiranan merupakan nadi utama yang menggerakkan perpaduan negara. Usaha memupuknya menuntut komitmen bersepadu daripada semua lapisan masyarakat untuk memperkukuh semangat kejiranan. Kita berharap, setiap individu akan memainkan peranan proaktif agar nilai kejiranan kekal menjadi tunjang kukuh kepada keharmonian Malaysia tercinta.

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

TOPIK 3

Morfologi

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

Konsep Asas Morfologi



Memahami Bentuk Kata

Perkataan	Ciri Luaran	Bentuk Kata
merah	Tiada apa-apa ciri khusus	Kata Tunggal
memerah	Ada awalan me-	Kata Terbitan
merah jambu	Digandingkan dengan kata " jambu "	Kata Majmuk
kemerah-merahan	Ada tanda sempang "-" dan pengulangan kata merah dengan apitan ke-...-an .	Kata Ganda

Tip Mengenal Pasti Golongan Kata dengan Tepat

Kata Nama

- **Inti utama** dalam subjek ayat
- **Objek** kepada kata kerja transitif
- Dapat didahului **kata bilangan**
- Terletak di belakang **kata sendi nama**
- Kata ganti nama – **diri/ tunjuk**
- Boleh didahului oleh **penjodoh bilangan**
- Terletak di belakang kata pemeris "**ialah**"
- Berimbuhan akhiran **-an, -man, -wan, -isme**
- Berimbuhan awalan **pe-, peN-, peR-**
- Berimbuhan apitan **ke-...-an, peN-...-an** atau **peR-...-an**
- **Benda konkrit atau abstrak** yang biasanya merujuk **pihak** (orang/ haiwan/ organisasi), **tempat**, **perkara** (biasanya boleh menjawab siapa, mana atau apa)

Kata Kerja

- Terletak di belakang **kata bantu**
- Di belakang kata nafi "**tidak**" (tetapi mungkin juga **kata adjektif**)
- Mempunyai imbuhan **ter-**
- Mempunyai imbuhan **meN-, memper-, meN-...-i, meN-...-kan**
- Mempunyai imbuhan **beR-, beR-...-kan, beR-...-an**
- Mempunyai imbuhan **di-, diper-, di-...-kan, di-...-i**

Kata Adjektif

- Di belakang kata nafi "**tidak**" (tetapi mungkin juga **kata kerja**)
- Di belakang **kata bantu**
- Hadir bersama pelbagai **kata penguat**
- Berimbuhan **ter-, se-, se- + gandaan**

Kata Kerja

- Kata hubung – **penyambung ayat**
- Kata bantu – di hadapan **kata kerja**
- Kata penegas – **juga, turut**
- Kata nafi – **tidak, bukan**
- Kata sendi nama – di hadapan **kata nama**
- Kata penguat – **paling, ter, sangat, amat, sungguh, agak, begitu, sekali, nian, benar**
- Kata bilangan – angka atau jumlah yang **tentu**; bilangan **tak tentu** (semua, para, banyak); himpunan (ketiga-tiga, beratus-ratus); **pisah** (masing-masing, setiap); **pecahan** (sepertiga, separuh)
- Kata adverba – menjelaskan **kata kerja** atau **kata adjektif**
- Kata pemeris – **ialah, adalah**

Imbuhan Sisipan

-el-	(ganggang) gelanggang; (gegak) gelegak; (getar) geletar; (jajah) jelajah; (jujur) jelujur; (kangkang) kelangkang; (kembung) kelembung; (kopak) kelopak; (kupas) kelupas; (patuk) pelatuk; (serak) selerak; (tangkup) telangkup; (tapak) telapak; (tunjuk) telunjuk
-er-	(cucuk) cerucuk; (gigi) gerigi; (kelip) kerlip; (kuping) keruping; (sabut) serabut; (suling) seruling
-em-	(gelap) gemerlap; (gilang) gemilang; (guruh) gemuruh; (ketot) kemetot; (kuncup) kemuncup; (serbak) semerbak
-in-	(sambung) sinambung

Imbuhan Pinjaman

Imbuhan pinjaman atau imbuhan asing ialah imbuhan yang dipinjam daripada imbuhan Sanskrit, imbuhan Arab dan imbuhan Inggeris. Imbuhan ini diguna dan diterima pakai dalam bahasa Melayu baku.

Imbuhan Arab

Imbuhan	Makna	Contoh
bi-	tidak	biadab, bilazim
-ah	wanita/ perempuan	qariah, ustazah
-at	orang perempuan/ wanita	hadirat, muslimat
-iah	perkara/ hal yang berkaitan dengan sifat	jahiliah, hurufiah, ilmiah, jasmaniah, rohaniah, alamiah, batiniah
-in	orang lelaki	hadirin, muslimin, musyrikin

Imbuhan Sanskrit

Imbuhan	Makna	Contoh
dasa-	sepuluh	dasawarsa, dasalumba
dwi-	dua	dwibahasa, dwihala, dwibulanan, dwicembung, dwijantina, dwicekung, dwitahunan, dwisuku, dwiwarna, dwikata, dwimusim
eka-	satu	ekahala, ekabahasa, ekawarna, ekafungsi, ekasuku, ekatujuan, ekapaksi
juru-	orang yang mahir dalam sesuatu bidang	jurubahasa, juruhebah, jururawat, jurucakap, jurumudi, juruulas, jurujual, jurusolek, juruterbang, juruteknik, juruselam
maha-	agung/ besar	mahasiswa, mahasiswi, maharaja, maharani, mahaguru, maharesi, maha Esa, maha mulia
panca-	lima	pancaragam, pancasila, panca delima, pancaroda, pancalogam, pancawarna, pancapersada, pancaindera, pancalumba
pra-	sebelum	prakata, prasangka, prasejarah, prasekolah, praujian, prauniversiti, prasarana
tata-	sesudah/ peraturan	tatabahasa, tatacara, tatatertib, tatanegara, tatarakyat, tatususaha, tatususila
tri-	tiga	tricabang, triwarna, tricara, trisuku, triwulan, tribahasa, trijudul, tripenggal, trimakna, trihala
Imbuhan	Makna	Contoh
-ita	wanita/ perempuan	biduanita, posnita, pranita
-man	orang yang memilik sifat/ orang yang mahir dalam sesuatu bidang	seniman, budiman
-wan	pemilik sesuatu benda/ pemilik sesuatu sifat/ orang yang mahir dalam sesuatu bidang/ orang yang melakukan sesuatu perbuatan	karyawan, jutawan, wartawan, negarawan, sasterawan, sukarelawan, olahragawan, biarawan, cendekiawan, bangsawan
-wati	perempuan yang mahir dalam sesuatu bidang	seniwati, peragawati, olahragawati, sukarelawati

Imbuhan Inggeris		
Imbuhan	Makna	Contoh
anti-	menentang/ benci	antisosial, antikerajaan, antidadah, antisorok, antirokok, antibodi
auto-	dengan sendirinya	automobil, autogear, automatik, autograf, autonomi
poli-	banyak	poligami, poligon, poliklinik, politeknik, poligram, poliglot
pro-	menyokong/ menyebelahi	prokomunis, prokerajaan, prososialis, proaktif, prodemokratik
sub-	sebahagian/ bahagian-bahagian yang kecil atau di bawah	subtajak, subbidang, subkelas, substandard, subsistem, subgolongan, subtopik

Dalam penulisan atau binaan ayat, imbuhan asing **maha-** mesti ditulis serangkai dengan kata dasar sekiranya kata dasar tersebut terdiri daripada kata nama.

Contoh: maha + guru = mahaguru maha + siswa = mahasiswa maha + rani = maharani

Dalam penulisan atau binaan ayat, imbuhan asing **maha-** mestilah dijarakkan daripada kata dasar sekiranya kata dasar tersebut terdiri daripada kata adjektif.

Contoh: Maha + Esa = Maha Esa Maha + Mulia = Maha Mulia Maha + Besar = Maha Besar

Dalam penulisan atau binaan ayat, imbuhan asing **anti-** dan **pro-** yang diikuti oleh kata nama khas mestilah dijarakkan daripada kata itu dan diletakkan tanda sempang (-) di antaranya.

Contoh: anti + Jepun = anti-Jepun pro + Malaysia = pro-Malaysia

Cara Penggunaan Templat Kit Analisis Morfologi

Bentuk Golongan	Kata Tunggal	Kata Terbitan	Kata Majmuk	Kata Ganda
Kata Nama	wang; bumi; pintu; kata	juruwang; gerigi penyanyi; telunjuk penerbit; gugusan	urus setia; tengah hari; rukun tetangga; temu duga; Timbalan Pengarah	kereta-kereta; lelaki; gegelang; pepohon; saudara-mara
	Akronim JAKIM, cerpen, tadika, pawagam			
Kata Kerja	ada; balik; datang; mara; terbang; gagal; hancur; mati	memasak; disapu; mempamerkan; mensyukuri; meng-e-melkan; berangkat; tertawa	terima kasih; ambil alih; tolak ansur; berurus niaga; kemas kini; menandatangani	gelak-gelak; berbisik- bisik; mencari-cari; bersalam-salaman
Kata Adjektif	kuning; terang; kecil; nyenyak; baik	termasyhur; sependai; kebaratan; kemetot; kecinaan; semerbak	merah jambu; kuning langsung; panjang tangan; ringan tulang; terang hati	kecil-kecil; sependai- pendai; kemerah- merahan; gelap-gelita
Kata Tugas	di; tentang; adalah; siapa; kerana; supaya; harus; bukan; tidak; amat; sangat	mengenai; melalui; sesungguhnya; seharusnya; teramat; tersangat		siapa-siapa; sesiapa; kira-kira; berbagai-bagai

PANDUAN MENJAWAB SOALAN MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata sendi nama**. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap **kata sendi nama** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.

Rumah tangga yang sejahtera terbentuk **daripada** keprihatinan ibu bapa tentang amalan gaya hidup sihat dan cergas. Maklumat penjagaan diri dan pemakanan diperoleh daripada beberapa laman sesawang **seperti** Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri dan Kelab Nutrisi Malaysia. Pemakanan yang seimbang amat penting **untuk** penjagaan kesihatan. Manusia seharusnya mengambil makanan **dalam** kuantiti yang kecil tetapi berkhasiat. Pengambilan makanan seimbang dalam diet seharian dapat mengurangkan risiko menghadapi pelbagai jenis penyakit seperti barah, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, batu karang, obesiti, kolesterol tinggi dan osteoporosis.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pemakanan yang Sihat'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1

[8 markah]

Senaraikan kata sendi nama

- (i) daripada
- (ii) seperti
- (iii) untuk
- (iv) dalam

Bina ayat

- (i) Keluarga Pak Yasin yang miskin itu menerima bantuan daripada Datuk Rizal.
- (ii) Ibu sibuk membuat kuih-muih seperti karipap, onde-onde dan donut untuk majlis pertunangan kakak.
- (iii) Geetha membeli seutas jam tangan berjenama Bonia untuk ibu kesayangannya.
- (iv) Lim Su Ying mengambil bahagian dalam pertandingan catur di Cyberjaya.

Perhatian bagi Soalan 1 (Morfologi)

- 1 Berikan 1 markah bagi setiap **kata sendi nama** yang betul.
- 2 Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata sendi nama tersebut.
- 3 Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
- 4 Sekiranya beberapa kata sendi nama telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
- 5 Kata **sendi nama** salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
- 6 Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
- 7 Sengaja menambah, menggugurkan atau menukar imbuhan pada kata, berikan 0 markah.
- 8 Kata **sendi nama** digunakan sebagai kata nama khas, kata ganda atau peribahasa, berikan 0 markah.
- 9 Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
- 10 Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
- 11 Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

PRAKTIS MORFOLOGI

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata hubung tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau kata nama khas.*

Walaupun kerajaan tempatan sering menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam sebagai penyelesaian kepada masalah kesesakan jalan raya terutama di bandar-bandar utama tetapi nasihat itu sukar dipraktikkan oleh orang ramai. Rata-rata komen pengguna media sosial menyatakan bahawa mereka sukar mendapat akses pengangkutan awam di kawasan masing-masing dan perlu mengharungi pelbagai cabaran jika ingin menggunakannya.

“Kalau saya menggunakan pengangkutan awam, saya masih perlu berjalan 15 hingga 30 minit untuk sampai ke destinasi. Elok saya guna kereta sahaja,” komen salah seorang pengguna media sosial.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Sudah 2022, Pengangkutan Awam Masih Bermasalah’
www.sinarharian.com.my

[8 markah]

Senaraikan kata hubung

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat akronim**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **akronim** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau kata nama khas.

Sebuah filem pecah panggung sedang diperkatakan oleh masyarakat sejak beberapa minggu ini. Menurut seorang pengkritik, filem genre patriotik itu merupakan adaptasi daripada sebuah cerpen yang diterbitkan beberapa tahun lalu. Sejak kejayaan filem tersebut, beberapa penerbit filem berusaha untuk membawa genre yang sama ke pawagam. Secara purata, filem itu telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM5 juta. Baru-baru ini, rombongan kanak-kanak tadika telah ditaja untuk menonton filem itu secara percuma.

Sumber: Internet

[8 markah]

Senaraikan akronim

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 3 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata penguat** dan **dua kata nafi**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata penguat** dan **kata nafi** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau kata nama khas.

Malaysia mempunyai bangunan bersejarah yang sangat unik dan mampu menarik kehadiran pelancong. Oleh itu, bangunan bersejarah tidak perlu dirobohkan tetapi hendaklah dipelihara dan diubah suai menjadi muzium, galeri seni dan pusat pelancongan. Usaha ini bukan suatu pembaziran sebaliknya dapat menarik minat pelancong, malah mampu meningkatkan ekonomi negara. Selain itu, bangunan bersejarah sangat penting untuk membentuk minda generasi muda terhadap penghargaan warisan dan khazanah negara. Kerajaan amat berharap agar generasi muda akan lebih menghargai dan sensitif terhadap bangunan sejarah negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Kepentingan Memelihara Bangunan Bersejarah’
k10.upm.edu.my

[8 markah]

Senaraikan kata penguat

(i) _____

(ii) _____

Senaraikan kata nafi

(iii) _____

(iv) _____

Bina ayat

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

- 4 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata majmuk mantap. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata majmuk mantap tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau kata nama khas.*

Pasukan olahraga sekolah sedang membuat persiapan untuk menyertai kejohanan olahraga peringkat daerah dan negeri. Persiapan ini mendapat kerjasama yang erat daripada ibu bapa dan bekas atlet sekolah. Satu jawatankuasa telah dibentuk untuk memastikan segala persiapan berjalan lancar. Persiapan sudah pada peringkat akhir. Kini, pasukan olahraga sekolah perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan pemenang berpihak kepada mereka.

Sumber: Internet

[8 markah]

Senaraikan kata majmuk mantap

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja pasif. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja pasif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menukarkan imbuhan, menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau kata nama khas.

Setiap negeri di Malaysia, dari Perlis hingga Sabah didiami oleh masyarakat berbilang kaum yang hidup harmoni dan sejahtera. Keistimewaan Malaysia terserlah apabila setiap kaum mempunyai busana tradisional yang unik serta diwarisi sejak turun-temurun. Busana tradisional menjadi identiti yang dimiliki oleh setiap kaum dan etnik. Kini, busana tradisional ini dipakai oleh pelbagai bangsa di Malaysia agar tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Senarai Pakaian Tradisional di Malaysia Mengikut Negeri’
www.hellokerja.com

[8 markah]

Senaraikan kata kerja pasif

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

Bina ayat

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

- (iv) _____

- 6 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata sendi nama** dan **dua kata bantu aspek**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata sendi nama** dan **kata bantu aspek** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau kata nama khas.

Kuntum kegembiraan mengembang di hatiku apabila puteriku itu yang masih menuntut di Sekolah Sukan Bukit Jalil berjaya merangkul dua butir pingat emas dalam Sukan SEA Manila pada tahun 2019. Saat lagu Negaraku sedang berkumandang dan Jalur Gemilang berkibar megah di bumi Manila, rasa bangga begitu meruap di dadaku sehingga tidak disedari titisan air jernih jatuh berguguran daripada kelopak mata. Secara tiba-tiba ingatanku kembali mengimbau suasana beberapa tahun yang lepas.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Ratu Gimrama Negara’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

[8 markah]

Senaraikan kata sendi nama

(i) _____

(ii) _____

Senaraikan kata bantu aspek

(iii) _____

(iv) _____

Bina ayat

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

TOPIK 4

Sintaksis



VIDEO
PEMBELAJARAN



NOTA EFEKTIF

Templat Kit Analisis Sintaksis

Templat kit ini digunakan sebagai alat untuk memudahkan proses menganalisis ayat mengikut keperluan DSKP. Kit ini merupakan cara menganalisis ayat secara holistik dengan mencerakinkan setiap aspek sintaksis dalam templat sehalaman (One-Page).

Cara Penggunaan Kit Analisis Sintaksis

- 1 Berdasarkan petikan yang disediakan, murid boleh memetakan setiap ayat ke dalam jadual Kit Analisis Sintaksis.
- 2 Murid perlu menganalisis ayat seperti binaan ayat, struktur ayat, pola ayat, susunan, ragam dan jenisnya.

Petikan Contoh:


(1) Pihak majikan perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan untuk mengatasi masalah pengangguran. (2) Gaji dan elaun pekerja tempatan juga haruslah lebih tinggi daripada pekerja asing. (3) Kerajaan wajib menguatkuasakan mekanisme kawalan pengambilan pekerja asing secara telus. (4) Kerajaan perlu memberikan pengecualian cukai yang berkaitan kepada belia berumur 30 tahun ke bawah yang menjalankan perniagaan sendiri. (5) Begitu juga dalam bidang pertanian, kerajaan harus memberikan galakan menerusi pembangunan tanah-tanah terbiar.

Analisis Ayat (1)

Isikan ayat pertama daripada petikan ke dalam jadual **Kit Analisis Sintaksis** untuk melakukan proses menganalisis ayat. Murid perlu menganalisis setiap aspek sintaksis langkah demi langkah.

Ayat asal dalam petikan	(1) Pihak majikan perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan untuk mengatasi masalah pengangguran.
Subjek	Pihak majikan
Predikat	perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan untuk mengatasi masalah pengangguran.
Pola ayat	FN + FK
Susunan ayat	Biasa
Tukarkan susunan (songsang)	Untuk mengatasi masalah pengangguran, pihak majikan perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan.
Ragam ayat (jika berkenaan) (aktif/ pasif/ tidak berkenaan)	Aktif
Tukar ragam (jika berkenaan) (aktif/ pasif)	Insentif kenaikan gaji tahunan perlu disediakan oleh pihak majikan untuk mengatasi masalah pengangguran.
Binaan tunggal/ majmuk (jika majmuk, nyatakan jenisnya dan kata hubung yang berkaitan)	Ayat majmuk pancangan komplement – untuk
Pisahkan ayat (jika asalnya ayat majmuk)	Pihak majikan perlu menyediakan insentif kenaikan gaji tahunan. Pihak majikan perlu mengatasi masalah pengangguran.
Jenis ayat	Ayat penyata

*Murid hendaklah mengulangi langkah yang sama untuk ayat seterusnya (Ayat 2 hingga Ayat 5).



PANDUAN MENJAWAB SOALAN SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti jenis ayat yang bergaris sama ada **ayat penyata**, **ayat tanya**, **ayat seruan** atau **ayat perintah**.

“Dari Malaysia?” tanya Laura lagi. Aku mengeyakan. Sebenarnya, aku datang ke Amsterdam untuk menghadiri seminar antarabangsa berkaitan dengan keamanan global. Aku salah seorang pembentang.

“Datang buat apa?” Giliran aku pula bertanya. Lantas engkau menjawab, “Oh, saya pula mencari dunia yang selamat!” Entah, aku tidak pasti selamat yang macam mana. Namun begitu, aku biarkan sahaja jawapan itu terus berpuing-puing dalam neuron kepala.

“Lihatlah gambar bunga tulip ini. Inilah simbol warna-warni kedamaian,” ujar engkau sambil menunjukkan telefon.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Gadis Bermata Biru’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Jenis ayat

- (i) Ayat tanya
- (ii) Ayat penyata
- (iii) Ayat tanya
- (iv) Ayat seruan
- (v) Ayat perintah
- (vi) Ayat penyata

PRAKTIS SINTAKSIS

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, bina **tiga** ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang diberikan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang bergaris dalam petikan.

Sungai Gong telah mengalami pencemaran bau kerana pelepasan sisa buangan daripada kilang penyelenggaraan jentera. Pencemaran bau itu menyebabkan empat buah loji rawatan air di Sungai Selangor terpaksa dihentikan. Pihak berkuasa sudah dua kali menyarankan kilang terbabit supaya membuat permohonan lesen selepas dikesan beroperasi sejak enam tahun lalu. Kilang itu turut membina struktur bangunan di kawasan premis tersebut. Pihak berkuasa bertindak dengan mengeluarkan notis mengikut Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan yang dilakukan oleh kilang tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kilang Haram Penyebab Pencemaran Sungai Sudah Beroperasi 6 Tahun'
oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor, www.hmetro.com.my

[6 markah]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan **ayat aktif** yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Johor dilanda banjir hari ini susulan hujan lebat berterusan sejak awal pagi tadi yang menyaksikan seramai 1, 093 orang di Kluang, Segamat dan Kota Tinggi, terjejas akibat bencana itu setakat pukul 4:00 petang tadi. Kerajaan Negeri Johor akan terus memantau situasi banjir di negeri ini termasuk keselamatan rakyat serta memastikan keadaan terkawal setiap masa. Semua pegawai dan agensi yang terlibat akan terus memerhatikan kawasan yang dinaiki air. Menteri Besar Johor akan mengetuai operasi banjir yang melibatkan pelbagai agensi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kerajaan Negeri Terus Pantau Situasi Banjir Utamakan Keselamatan Rakyat', www.astroawani.com

[6 markah]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

- 3 Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat** bagi ayat-ayat yang bergaris.

Berat badan merupakan pengukur penting untuk menilai kesihatan seseorang secara am. Jika memiliki berat badan berlebihan, keadaan ini akan meningkatkan risiko kesihatan. Pinggan Sihat Malaysia yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ialah panduan asas yang baik untuk merancang diet yang seimbang dan sihat. Jangan melangkau waktu makan terutamanya sarapan untuk mengelakkan anda makan lebih kerap dan banyak. Pada masa yang sama, amalkan aktiviti fizikal sederhana selama 150 minit seminggu. Pemakanan dan aktiviti fizikal membantu kita untuk mengawal berat badan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'4 Sebab Kita Perlu Amal Gaya Hidup Sihat, yang Pertama Paling Ramai Suka!'
oleh Fatin Zahra, *hellodoktor.com*

[6 markah]

(i) **Subjek:**

Predikat:

(ii) **Subjek:**

Predikat:

(iii) **Subjek:**

Predikat:

- 4 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan ayat bersusunan songsang di bawah kepada **ayat bersusunan biasa** tanpa mengubah maksud asalnya.

(i) Sangat merdu nyanyian Siti Nurhaliza.

(ii) Apabila dipuji oleh kawan-kawannya, Adi tersenyum sambil menyanyi.

(iii) Setelah menuntun basikalnya yang rosak itu, Amirah mengeluh kepenatan.

[6 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat pasif** yang bergaris kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Antara kepentingan mempelajari sejarah bagi generasi muda adalah untuk memupuk semangat patriotik. Jasa pejuang tanah air yang telah bersusah payah membebaskan negara daripada dijajah tidak lagi dihargai oleh masyarakat. Jasa dan sumbangan tokoh-tokoh tanah air seperti Tunku Abdul Rahman, Tun H.S Lee dan Tun Dr. Ismail harus diingati oleh generasi muda. Mereka telah berhempas-pulas mencari jalan terbaik supaya kita dapat menikmati kemakmuran dan kedamaian sehingga hari ini. Pengorbanan pejuang tanah air terdahulu perlu dihargai dan disanjung oleh generasi muda yang mempunyai sifat patriotik.

[6 markah]

(i)

(ii)

(iii)

- 6 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan ayat bersusunan biasa yang bergaris kepada ayat bersusunan songsang.

Program Rating Restoran Kuala Lumpur merupakan antara program yang dijalankan untuk membangunkan sektor gastronomi. Tujuan program ini untuk melaksanakan dan mengekalkan standard kualiti yang tinggi dalam sektor gastronomi dan perkhidmatan di Kuala Lumpur seperti di restoran, kafe, bistro dan restoran makanan segera. Program ini perlu dilakukan untuk mewujudkan keyakinan pelancong mengenai kedudukan Kuala Lumpur sebagai destinasi gastronomi antarabangsa. Pelancongan gastronomi merupakan aktiviti yang melibatkan makanan tempatan dan budaya makanan unik untuk menarik pelancong menikmati makanan tempatan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ekonomi Pengalaman dalam Sektor Gastronomi dari Lensa Komuniti Setempat'
oleh Noor Alyani NorAzazi, Habibah Ahmad & Hamzah Jusoh
journalarticle.ukm.my

[6 markah]

- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____

TOPIK 5

Penyuntingan



VIDEO
PEMBELAJARAN



NOTA EFEKTIF

KEFI

Kata

Ejaan

Frasa

Imbuhan

Teknik KEFI merupakan panduan untuk memudahkan murid-murid mengenal pasti empat jenis kesalahan, iaitu **kesalahan kata atau istilah**, **kesalahan ejaan**, **kesalahan frasa**, dan **kesalahan imbuhan** semasa menyunting petikan.

KEFI	Aspek	Kesalahan	Pembetulan
Kata	Kesalahan penggunaan kata atau istilah khusus mengikut konteks penggunaan	• mengukus air • Baginda bertolak ke Melaka	• menjerang air • Baginda berangkat ke Melaka
Ejaan	• Ejaan kata pinjaman	• mengemailkan	• meng-e-melkan
	• Ejaan kata majmuk (rapat/ pisah)	• pasaraya	• pasar raya
	• Ejaan kata majmuk berimbuhan	• mengulangkaji	• mengulang kaji
	• Ejaan kata ganda berimbuhan	• mengucar-kacirkan	• mengucar-ngacirkan
	• Ejaan akronim	• PUSRAWI	• Pusrawi
	• Ejaan kata ganda (ada tanda "-")/rangkai kata (tanpa tanda "-")	• adik beradik • sanak-saudara	• adik-beradik • sanak saudara
	• Ejaan kata nama	• mee	• mi
	• Ejaan imbuhan pinjaman	• anti-sosial	• antisosial
Frasa	• Frasa nama	• semua murid-murid	• semua murid
	• Frasa adjektif	• nian indah	• indah nian
	• Frasa kerja	• menceritakan tentang kisahny	• menceritakan kisahnya
	• Frasa sendi nama	• pergi sekolah	• pergi ke sekolah
	• Bentuk jamak	• pelbagai kuih-muih	• kuih-muih
	• Bentuk lewah	• memperlebarkan jalan	• memperlebar jalan
	• Hukum DM	• goreng pisang	• pisang goreng
	• Kesalahan bentuk pasif	• Buku itu dipinjam oleh saya.	• Buku itu saya pinjam.
	• Penggandaan kata majmuk	• ketua kampung-ketua kampung	• ketua-ketua kampung
Imbuhan	• Tidak diberikan imbuhan	• Ibu cuci pinggan.	• Ibu mencuci pinggan.
	• Diberikan imbuhan yang salah	• dipermudahkan	• dipermudah/ dimudahkan

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PENYUNTINGAN

Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Ketamadunan dan **kemahsyuran** sesebuah negara lahir **dari** manifestasi seni dan budaya. Tamadun Islam dan Eropah seperti Yunani dan Rom adalah **di antara** contoh tamadun besar yang **memperolehi** kegemilangan dalam **kontek** kesenian dan kebudayaan. Sejarah telah **membuktikan akan hal** ini. Seni dan budaya tradisi mempunyai peranan yang cukup besar untuk menyumbang kepada pembangunan sesebuah masyarakat terutama dalam membentuk sebuah negara bangsa yang beridentiti.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Seni dan Budaya Tradisi Perlu Anjakan Paradigma’
oleh Mohammad Haris Abd Azis
www.bernama.com

[6 markah]

Bahan 2

Alam sekitar merupakan amanah kepada umat manusia yang berperanan sebagai khalifah di atas **mukabumi** ini. Pelbagai manfaat akan diperoleh menerusi penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar yang baik. Oleh itu, alam sekitar seharusnya dijaga dengan sebaik mungkin kerana alam dan manusia saling **bergantung-gantungan**. Di Malaysia, terdapat pelbagai kes yang membabitkan pencemaran alam sekitar dilaporkan oleh media seperti kes pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor yang wajar dijadikan **ikhtiar**. Pencemaran ini dipercayai berpunca daripada **pembangunan** sisa **toksin** yang ditanam di dalam tanah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Kerosakan di Muka Bumi Hasil Kerakusan Manusia’
oleh Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki
www.hmetro.com.my

[5 markah]

Bahan 1

- (i) kemahsyuran – kemasyhuran
- (ii) dari – daripada
- (iii) dia antara – antara
- (iv) memperolehi – memperoleh
- (v) kontek – konteks
- (vi) membuktikan akan hal – membuktikan hal

Bahan 2

- (i) mukabumi – muka bumi
- (ii) bergantung-gantungan – bergantung
- (iii) ikhtiar – iktibar
- (iv) pembangunan – pembuangan
- (v) toksin – toksik


PRAKTIS PENYUNTINGAN

- 1 Bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan tersebut.

Pajeri Terung

Bahan:

3 biji terung panjang yang dipotong
 3 sudu besar minyak
 Sesetengah cawan santan pekat
 3 sudu besar rempah kari daging
 1 sudu besar kerisik
 Sedikit kulit kayu manis, bunga layang, pelaga

Bahan untuk mengisar halus:

3 ulas bawang putih
 2 ulas bawang merah
 1 sudu besar udang kering
 Halia sebesar ibujari


Cara persediaan:

Panaskan minyak masak dalam kuali. Kemudian, tumis bahan kisar dengan kulit kayu manis, bunga lawang dan pelaga sehingga naik bau. Selepas itu, masukkan rempah kari yang dibancuh dengan sedikit air dan tumis sehingga pecah minyak. Masukkan terung dan kacau seketika. Tuang santan pekat dan kerisik. Masak sehingga kuah menjadi lekit. Tambah garam dan gula secukup-cukup rasa. Lebihkan gula sedikit kerana pajeri adalah kari terung yang berkuahkan lemak manis.

[10 markah]

Kesalahan
Pembetulan

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____
- (vi) _____
- (vii) _____
- (viii) _____
- (ix) _____
- (x) _____

- 2 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Banyak ibu bapa tidak mengambiltahu atau mengawal kandungan media sosial yang dilayari oleh anak-anak mereka menerusi Internet. Keadaan ini memungkinan perkara buruk meracunkan minda mereka. Turut dikesali apabila ibu bapa juga sering menunjukkan contoh yang kurang baik dengan sibuk melayari media sosial di hadapan anak-anak menyebabkan komunikasi secara langsung dengan anak-anak menjadi terhad. Natiyahnya, anak-anak tidak dapat bermesra, berkongsi pendapat, mewarisi pemikiran dan adap daripada ibu bapa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pudarnya Komunikasi Keluarga'
www.utusan.com.my

[5 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____

Bahan 2

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Pkharuddin Ghazali mengingatkan warga kementerian agar jangan terbawa-bawa gaya seorang pegawai atasan ketika turun bertemu guru dan pendidik di sekolah. Sebaliknya, pegawai atasan tersebut perlu menyelami karekter seorang guru agar gulungan itu berasa dihormati dan disanjung. "Apabila turun ke bawah bertemu dengan guru, bawalah gaya seorang guru. Jangan bawa gaya duduk di kerusi Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), ketua pengarah dan lain-lain," katanya dalam ucapan Bicara Inspirasi. Menurutnya, sikap terbawa-bawa gaya pegawai atasan dihuatiri akan menyebabkan ada guru yang tersingung dan berkecil hati.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jangan Bawa Gaya Pegawai Atasan Ketika Bertemu Guru'
www.astroawani.com

[6 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Membayar cukai merupakan tanggungjawab rakyat sesebuah negara. Cukai yang dikenakan terhadap perbelanjaan mahu pun pendapatan kita merupakan satu intrumen ekonomi yang amat penting bagi negara untuk memperoleh pendapat. Cukai digunakan untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran negara termasuk projek-projek pembangunan umum seperti sekolah, universiti, hospital, klinik kesihatan, jalanraya, lapangan terbang dan sebagainya. Cukai juga digunakan oleh kerajaan untuk mengekang pertumbuhan ekonomi negara agar stabil terutama ketika berlakunya kelembapan ekonomi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Pengurusan Cukai'
www.akpk.org.my

[6 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____

Bahan 2

Tujuan utama penubuhan koperasi sekolah adalah untuk memberikan dedahan dan pengalaman tentang pengurusan dan aktiviti koperasi di kalangan murid sekolah. Para murid-murid yang terlibat dalam koperasi akan dikurniakan latihan amali mengenai perjalanan sesebuah perniagaan terutama yang melibatkan aspek pengurusan. Mereka juga dididik dengan semangat kerja sama yang menjadi kunci kejayaan sesebuah koperasi. Apabila tamat persekolahan, murid-murid ini boleh melibatkan diri dalam mana-mana koperasi yang terdapat di negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Koperasi Sekolah'
oleh Dato' Hj. Zazali
zazaliharon.blogspot.com

[5 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____

- 4 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Terarium, iaitu perhiasan tanaman dan pelbagai aksesori dalam bekas atau balang yang dibuat daripada kaca atau plastik lutsinar semakin mendapat tempat dalam kalangan peminat hiasan dalaman. Permintaan terhadap terarium sebagai sebahagian daripada hiasan dalaman rumah amat memberangsangkan. Kelebihan terarium termasuklah penjagaannya yang mudah dan hanya perlu dicurahkan sebulan sekali. Kedudukan terarium juga penting untuk memastikannya hidup dengan segar. Letakannya di lokasi yang tidak terlalu terdedah kepada cahaya matahari.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Hiasan Tanaman dalam Balang'
oleh Muhamaad Razis Ismail
www.hmetro.com.my

[5 markah]

	Kesalahan	Pembetulan
(i)	_____	_____
(ii)	_____	_____
(iii)	_____	_____
(iv)	_____	_____
(v)	_____	_____

Bahan 2

Ikan patin sememangnya terkenal samada dalam aspek perikanan rekreasi, industri ternakan mahupun di meja makan. Pendek kata, ikan patin memiliki kelebihan tersendiri yang membuatnya menjadi pilihan ramai berbanding oleh ikan-ikan lain. Salah satu kelebihan ikan patin adalah tekstur dagingnya yang lembut dan enak. Hal ini menyebabkan ikan patin menjadi kegemaran ramai. Ikan patin merupakan ikan yang mudah dijumpa. Hampir setiap pasar basah ada menjual ikan patin. Ikan patin juga merupakan salah satu jenis ikan yang boleh ditenak dengan cukup mudah. Harganya pula agak sepatutnya kerana ikan ini telah banyak ditenak di dalam sangkak.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Khasiat Ikan Patin'
oleh Amang
www.umpan.com.my

[6 markah]

	Kesalahan	Pembetulan
(i)	_____	_____
(ii)	_____	_____
(iii)	_____	_____
(iv)	_____	_____
(v)	_____	_____
(vi)	_____	_____

- 5 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Banyak kawasan di Klang dan Shah Alam melanda banjir kilat berikutan dengan hujan lebat serta lungkang yang tersumbat. Beberapa batang jalan serta perumahan di sekitar Meru dinaiki air susulan hujan laju selama lebih tiga jam. Anggaran kedalaman banjir sekitar 0.3 meter dan tiada perpindahan mangsa dilakukan setakat ini kerana paras air banjir juga semakin menurun. Walau bagaimanapun, pemantauan masih pihak bomba lakukan di lokasi yang terlibat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Beberapa Kawasan di Klang, Shah Alam Banjir Kilat'
oleh Norzamira Che Noh
www.bharian.com.my

[6 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____

Bahan 2

Para penduduk di Johor Bahru mengeluh kerana sukar mendapat telur ayam berikutan bekalannya yang didakwa berkurang sejak dua minggu lalu. Tinjauan yang dilakukan di kedai runcit dan mini pasar raya sekitar Pandan dan Iskandar Puteri mendapati kebanyakan premis-premis sudah kehabisan stok telur untuk dibeli oleh penduduk. Rak-rak di bahagian jualan telur juga kosong. Hanya kelihatan beberapa pack telur masin dan telur puyuh di situ.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Isu Bekalan Telur Ayam – Viral'
animhosnan.blogspot.com

[5 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____

- 6 *Petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Warga emas di kebanyakan negara maju sudah menjadi sebahagian daripada tenaga kerja yang penting. Ambil sahaja contoh Singapura, dari lapangan terbang antara bangsa di Changi sehinggalah tempat pusat beli belah, tenaga kerja warga emas kelihatan di mana-mana sahaja. Menurut ramalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), peratusan tenaga kerja yang berusia 65 tahun ke atas akan menjadi 47 peratus pada tahun 2050.

Banyak negara maju berdepan dengan masalah penuaan penduduk. Akibat daripada kadar kesuburan yang menurun dan semakin berkurangnya perkahwinan di kalangan orang muda, proses penuaan penduduk mendatangkan impak yang membimbangkan. Malaysia pula diramalkan akan mempunyai tenaga kerja yang berusia 60 tahun di atas melampaui 15 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja negara. Lebih merunsingkan apabila sebanyak 20 peratus daripada penduduk negara ini akan mencecah usia 65 tahun menjelang 2056 sedangkan Malaysia masih belum mempersiapkan diri untuk menghadapi situasi ini.

Perlindungan sosial kita belum lagi mempunyai plan dan strategi untuk menghadapi krisis penuaan penduduk. Walaupun rata-rata bilangan warga emas yang berpenyakit keronik dapat dikawal, tetapi kos perubatan kategori ini bertambah setiap tahun. Kita merasa risau apabila sebahagian besar tenaga kerja yang mencecah usia persaraan mempunyai simpanan yang tidak mencukupi untuk masa depan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Mengapa Warga Emas Perlu Bekerja?'
oleh Johan Jaaffar
premium.sinarharian.com.my

[11 markah]

Kesalahan	Pembetulan
(i) _____	_____
(ii) _____	_____
(iii) _____	_____
(iv) _____	_____
(v) _____	_____
(vi) _____	_____
(vii) _____	_____
(viii) _____	_____
(ix) _____	_____
(x) _____	_____
(xi) _____	_____

TOPIK 6

Bahasa Melayu Standard



NOTA EFEKTIF

Ke Kekal

M Murni

Tu Tukar

Gu Gugur

KeM TuGu

Teknik 'KeM TuGu' digunakan untuk **mengalihkan bahasa Melayu klasik** kepada **bahasa Melayu standard**.

Kekal

- Bilangan ayat/ bilangan perenggan
- Bentuk ayat (contoh: cakap ajuk dikekalkan)
- Susunan ayat (biasa/ songsang)
- Ragam ayat (ayat aktif/ pasif)
- Kata ganti nama diri yang masih digunakan dalam bahasa Melayu standard
- Watak/ peralatan/ tempat
- Bahasa istana

Murni

- Murnikan jalan bahasa klasik yang menyalahi tatabahasa bahasa Melayu standard
- Contohnya: berikan imbuhan, bina ayat yang gramatis dan sebagainya

Tukar

- Tukar kosa kata klasik kepada kosa kata moden
- Contohnya: kepetangan = licik/ cerdik, mustaid = siap, manira = saya/ hamba

Gugur

- Gugurkan kata pangkal ayat tertentu yang tidak membawa maksud khusus
- Contohnya: 'Adapun', 'Maka', 'Hatta', 'Arakian', partikel '-lah' yang tiada makna signifikan, kata 'pun' dan lain-lain

Cara Penggunaan Teknik KeM TuGu

- 1 Mulakan proses dengan **Gu (Gugur)** dengan memotong perkataan yang tidak diperlukan.
- 2 Seterusnya, garisi perkataan yang perlu dikekalkan (**Ke**).
- 3 Jalankan proses **Tu (Tukar)** dengan membulatkan perkataan klasik dan tulis perkataannya dalam bahasa Melayu standard.
- 4 Bubuh kurungan pada bahagian yang perlu dimurnikan (**M**).
- 5 Tulis keseluruhan petikan semula dalam bahasa Melayu standard.

Petikan contoh:

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.”

Dipetik daripada
‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Urutan Proses



Gu



Ke



Tu



M

Bahasa Melayu Klasik	Bahasa Melayu Standard
Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya.	Seterusnya , ibunya <u>menceritakan semua perkara dari awal hingga akhir kepada</u> anaknya.
Setelah <u>Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu</u> , maka Kertala Sari pun <u>terlalu sangat amarahnya</u> .	Setelah <u>Kertala Sari mendengar cerita ibunya itu</u> , lalu Kertala Sari <u>sangat marah</u> .
Ceh , Ratu Melaka dan Laksamana! <u>Mati engkau olehku!</u>	Cis , Ratu Melaka dan Laksamana! <u>Matilah engkau di tanganku!</u>
Tanpa <u>kedep tembung laku</u> .	Tanpa <u>belas kasihan</u> .
Syahadan negeri Melaka <u>pun</u> habis kubinasakan.	Kemudian , negeri Melaka habis kumusnahkan.
Jikalau <u>tiada kuperbuat demikian</u> , <u>bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan</u> .	Jika <u>aku</u> tidak berbuat begitu, aku bukan anak askar yang berani dan <u>licik</u> .

Jawapan lengkap:

Seterusnya, ibu menceritakan semua perkara dari awal hingga akhir kepada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar cerita ibunya itu, lalu Kertala Sari sangat marah. Cis, Ratu Melaka dan Laksamana! Matilah engkau di tanganku! Tanpa belas kasihan. Kemudian, negeri Melaka habis kumusnahkan. Jika aku tidak berbuat begitu, aku bukan anak askar yang berani dan licik.



PRAKTIS BAHASA MELAYU STANDARD

- 1 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka Patih pun hairan. Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya. ‘Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.’

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 2 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi. Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 3 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, “Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, “Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi.” Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Berapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati. Maka Patih pun hairan. Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya. ‘Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.’ Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 6 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka dibunuhnya suatu hikmat, radak-meradak dan ketak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya.

Maka hari pun malamlah. Maka Laksamana memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masuklah. Maka dilihat oleh Laksamana seorang penjurit; maka Laksamana pun berselindung pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat lain masuk mencuri.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]



NOTA EFEKTIF

Peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

Peribahasa	Maksud
Tema 1: Merealisasikan Impian	
Belayar sambil memapan (hal.7)	Melakukan dua pekerjaan atau perkara sekali gus
Hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai (hal.9)	Sekiranya hendak mengetahui atau menguasai sesuatu perkara, belajarliah daripada orang yang ahli ataupun pakar dalam bidang tersebut
Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun, sudah hendak berumah tangga (hal.10)	Belum cukup umur sudah hendak beristeri
Tema 2: Insan Terdidik, Negara Sejahtera	
Zaman Tuk Nadur berkajang kain (hal.21)	Suatu masa atau zaman yang telah lalu; Suatu atau zaman yang telah lama sekali berlalu
Tema 3: Memetik Bintang	
Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang (hal.37)	Tidak akan tercapai maksudnya kalau tidak mahu berusaha dan bersusah payah
Tema 4: Menjulung Harapan di Bumi Bertuah	
Bertanggung itu pencuri masa (hal.49)	Melakukan sesuatu kerja secara bertanggung akan merugikan diri sendiri
Tema 6: Dunia Pelancongan	
Hujan halau mentua (hal.74)	Hujan sebentar sahaja
Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa (hal.74)	Pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja
Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai (hal.74)	Sekiranya takut kepada risiko, jangan dekati bahaya
Takkan lari gunung dikejar (hal.75)	Tidak perlu bergopoh-gapah mengerjakan sesuatu yang sudah tentu
Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri (hal.77 dan 84)	Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik
Jauhari sahaja yang mengenal manikam (hal.77)	Orang yang bijaksana juga yang mengetahui keelokan ilmu
Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang (hal.82)	Perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa
Kera mendapat bunga (hal.82)	Seseorang yang tidak tahu menilai pemberian orang lain
Sambil menyelam minum air (hal.83)	Sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai
Tema 7: Demi Kedamaian	
Sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga (hal.88)	Sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya
Bagai itik mendapat air (hal.90)	Kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai
Kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah (hal.90)	Tentu ada sebabnya, maka terjadi sesuatu hal
Air tenang jangan disangka tiada buaya (hal.90)	Orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut
Anak buah (hal.98)	Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga/ orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan/ pekerja di bawah jagaan kita
Seperti telur di hujung tanduk	Dalam keadaan bahaya atau serba sukit
Sambil menyelam minum air (hal.99)	Sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai
Tema 8: Dalam Lipatan Kenangan	
Pisang tidak berbuah dua kali (hal.106)	Sekali merugi (tertipu dan sebagainya) tentu jera dan berhati-hati
Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan (hal.106 dan 107)	Contohi sesuatu yang baik tetapi jauhi sesuatu yang buruk

Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan (hal.106)	Jika kita terlanjur ketika melakukan sesuatu perbuatan, eloklah kita menginsafi kesilapan tersebut segera
Mata air (hal.112)	Orang kesayangan, kekasih
Jalan tengah (hal.113)	Mengambil keputusan yang tidak berat sebelah
Tema 9: Sayangi Malaysiaku	
Tanah air (hal.117)	Negeri tempat seseorang dilahirkan
Sakit sama mengadu, luka sama menyiu	Sama-sama bertanggungjawab
Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	Bersatu padu dalam segala hal
Mulut biar manis, hati biar baik (hal.121)	Orang yang mulutnya manis mestilah baik juga hatinya
Adat pulau limbuan pasang (hal.121)	Kehidupan manusia hendaklah bantu-membantu, yang kaya membantu yang miskin dan yang berilmu membantu yang bodoh, yang berkuasa melindungi yang lemah
Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung (hal. 161)	Tiap-tiap perbuatan ada peraturannya, tiap-tiap negeri mempunyai kebiasaannya
Tema 10: Bangsa Bugar, Sastera Kekar	
Harga diri (hal.133)	Maruah
Membuang muka (hal.141)	Berpaling ke arah lain untuk mengelakkan orang lain yang tidak disukai
Tema 11: Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa	
Ke mana perginya layang-layang, talinya ada pada kita (hal.150)	Orang yang berhutang itu tidaklah dapat melarikan diri
Di mana ada gula, di situ ada semut (hal.157)	Apabila sesuatu tempat itu mudah mendapat kesenangan atau kemewahan di situlah ramai orang berkumpul
Cermat masa banyak, jimat masa sedikit (hal.157)	Selalu berhati-hati dalam membelanjakan atau menggunakan sesuatu
Besar periuk, besarlah keraknya (hal.157)	Kalau pendapatan besar, perbelanjaan pun besar
Condong ditumpil, lemah dianduh (hal.157)	Orang yang dalam kesusahan wang (akal dan lain-lain) diberi pertolongan
Tema 12: Asli dan Kontemporari	
Air tangan (hal.166)	Masakan seseorang
Tema 13: Segalanya Bermula di Sini	
Membuka mata/buka mata (hal.180)	(i) Melihat dan meluaskan pandangan (ii) Menyedarkan dan menginsafkan orang lain
Tema 14: Sihat dan Bersih Pilihanku	
Panas baran (hal.198)	Cepat marah
Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa (hal.199)	Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain
Tema 15: Angin Perubahan Membadai	
Ambil kira (hal.207)	Mempertimbangkan
Tema 16: Dipimpin untuk Memimpin	
Malang tidak berbau (hal.220)	Keadaan yang tidak dapat diketahui sebabnya
Anak buah (hal.224)	Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga/ orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan/ pekerja di bawah jagaan kita
Anak bongsu (hal.224)	Anak yang paling muda dalam keluarga
Alah membeli, menang mcmakai (hal.232)	Walaupun terasa berat membeli sesuatu barang yang mahal harganya tetapi barang itu bermutu dan tahan lama
Membaca jambatan ilmu (hal.232)	Amalan membaca dapat membantu kita menambahkan pengetahuan
Biar putih tulang jangan putih mata (hal.232)	Lebih baik mati daripada tidak dapat apa-apa yang diidamkan
Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa/ berkata pelihara lidah (hal.232)	Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain
Yang lama dikek, yang baharu didukung (hal.232)	Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu
Belakang parang kalau diasah lagikan tajam (hal.232)	Biar bodoh sekalipun, kalau belajar nescaya akan pandai juga/ orang yang bodoh kalau diajar betul-betul, pandai juga sudahnya
Duit saku/ wang saku (hal.252)	Wang perbelanjaan peribadi
Orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi (hal.252)	Mendapat apa-apa yang diinginkan
Belayar sambil memapan, merapat sambil belayar (hal.254)	Sekali melakukan kerja, dua kali maksud tercapai

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **tiga** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Cik Imah dan Cik Inam sudah bertahun-tahun tidak bertegur sapa walaupun mereka merupakan saudara kandung. Pada suatu hari, mereka terserempak di sebuah pasar raya. Tanpa disangka-sangka mereka berpelukan. Betul kata peribahasa, **air dicencang tiada akan putus**. Semuanya bermula apabila Cik Imah dikatakan mengganggu rumah tangga orang. Cik Inam berasa malu, **kerana nila setitik, rosak susu sebelanga**. Namun begitu, mereka berjanji untuk bertemu pada hujung minggu ini. Cik Inam tidak mahu memasak pada hari tersebut kerana Cik Imah berjanji hendak memasak masakan istimewa untuknya. Suami Cik Inam berpesan kepadanya supaya tidak menjadi **burung terbang dipipiskan lada**.

[6 markah]

Jawapan peribahasa

- (i) Air dicencang tidak akan putus – Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juga
- (ii) Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga – Seekor kerbau membawa lumpur semuanya habis terpalit
- (iii) Burung terbang dipipiskan lada – Dengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

**PRAKTIS PERIBAHASA**

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian, bina **satu** ayat dengan menggunakan peribahasa tersebut.

Hubungan Naquib dengan kakaknya, Najwa sudah lama retak. Hal ini berpunca daripada isu harta pusaka peninggalan orang tua mereka. Naquib dianggap seperti kacang lupakan kulit oleh kakaknya itu kerana tidak mahu pulang ke kampung sejak peristiwa tersebut. Namun begitu, Naquib tidak mahu memanjangkan sengketa tersebut dan cuba untuk berbaik-baik semula. Minggu lepas, dia mengunjungi kakaknya dan membawa sedikit buah tangan untuknya. Naquib beranggapan bahawa dialah yang harus menjernihkan keadaan semula kerana kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

[6 markah]

(i) **Peribahasa:** _____

Ayat: _____

(ii) **Peribahasa:** _____

Ayat: _____

(iii) **Peribahasa:** _____

Ayat: _____

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian, bina **satu** ayat dengan menggunakan peribahasa tersebut.

Kehidupan penduduk Taman Pinggiran Indah dikatakan serumpun bak serai, sesusun bak sirih. Hal ini terbukti apabila rumah salah seorang penduduk terbakar baru-baru ini, mereka membantu dengan menumpangkan rumah dan menyumbangkan makanan serta pakaian kerana adat pulau limburan pasang. Jiran tetangga bukanlah adik-beradik atau bersaudara tetapi hubungan baik mereka ibarat sakit sama mengaduh, luka sama menyiu.

[6 markah]

(i) **Peribahasa:**

Ayat:

(ii) **Peribahasa:**

Ayat:

(iii) **Peribahasa:**

Ayat:

- 3 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, isi tempat kosong dengan **peribahasa** yang sesuai.

Najwa : Saya sedih melihat kawasan rekreasi di tempat kita ini. Baru beberapa bulan lepas dibaik pulih tetapi sekarang sudah kembali semula seperti sebelum ini.

Faezah : Betul kata awak. Mereka ini seperti (i) _____. Mereka tidak tahu menghargai usaha kerajaan.

Najwa : Saya sedih kerana kebanyakan ibu bapa membiarkan sahaja perbuatan anak mereka yang mengotorkan taman rekreasi ini. Kata orang (ii) _____.

Faezah : Saya bertambah kecewa apabila mereka meminta kerajaan membaikinya semula. Mereka ini melampau, seperti (iii) _____.

[6 markah]

4 Baca ayat di bawah dengan teliti. Kemudian, nyatakan **peribahasa** yang sesuai dengan ayat tersebut.

- (i) Kerjasama pasukan bola sepak sekolah Amin menyebabkan mereka berjaya merangkul kejuaraan pada peringkat daerah.

- (ii) Pak Mail suka makan masakan isterinya yang sangat lazat terutamanya juadah hari raya.

- (iii) Adam berusaha bersungguh-sungguh untuk menebus tanah bapanya kerana dia tidak mahu tanahnya itu terlepas ke tangan orang lain.

[6 markah]

5 Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai dalam petikan tersebut.

Murid yang mahu berjaya dalam pelajaran haruslah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan yang cemerlang kerana (i) _____.

Oleh itu, sikap kurang berusaha dan tidak bersungguh-sungguh terhadap pelajaran bagi (ii) _____

_____ haruslah dihindari sekiranya mereka ingin berjaya.

Murid juga perlu mengikut tunjuk ajar dan mendengar nasihat yang baik daripada guru bagi

(iii) _____ agar hidup lebih diberkati.

[6 markah]

6 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **tiga** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Hubungan kekeluargaan ibarat air dicencang tidak akan putus walaupun sudah tidak bertemu selama bertahun-tahun. Walaupun ada yang cuba membiarkan masalah keluarga berlalu begitu sahaja, keadaan menjadi seperti api dalam sekam apabila ada ahli keluarga saling memburukkan ahli keluarga yang lain. Secara tidak sedar, mereka seperti membuka pekung di dada kerana perbalahan ini sudah tidak dapat disembunyikan daripada masyarakat sekeliling.

[6 markah]

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

TOPIK 8

Pemahaman [Petikan Umum]

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

SOALAN 6 – PEMAHAMAN PETIKAN UMUM

Bentuk
soalan

(i) Rangkai kata/ pemahaman berdasarkan petikan

(ii) Soalan pemindahan maklumat berdasarkan semua bahan

(iii) Soalan KBAT (pemikiran kritis)

(iv) Soalan KBAT (penyelesaian masalah)

Panduan Menjawab Soalan

- 1 Baca dahulu bahan-bahan yang diberikan sebelum menjawab soalan.
- 2 Jawapan mesti ditulis dalam ayat yang penuh.

Soalan (i)	• Jika soalan maksud rangkai kata – tukar rangkai kata dengan rangkai kata lain yang sama maksud • Jika soalan pemahaman – pindahkan maklumat daripada bahan
Soalan (ii)	• Fahami kehendak soalan dan jawab mengikut kehendak soalan • Isi mesti menyentuh semua bahan • Tip: Pindahkan maklumat daripada bahan tanpa mengubah maklumat tersebut
Soalan (iii)	Fahami kehendak soalan dengan teliti sebelum mengemukakan jawapan
Soalan (iv)	Fahami situasi/ permasalahan yang diberi sebelum mengemukakan langkah penyelesaian masalah

- 3 Rujuk markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan untuk menentukan jumlah isi jawapan.
- 4 Sekiranya **3 markah**: kemukakan sekurang-kurangnya dua isi.
- 5 Sekiranya **4 markah**: kemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PETIKAN UMUM

MODEL SPM TEMA: Keselamatan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berasa kesal kerana masih banyak masyarakat yang mudah terperdaya dengan pelbagai taktik oleh sindiket penipuan. Menurut beliau, kemajuan teknologi memberikan manfaat namun kemudahan itu sering kali disalahgunakan oleh penjenayah untuk mencari mangsa khususnya golongan warga emas. Oleh sebab itu, beliau berharap agar orang awam tidak melayan sebarang tawaran pelaburan atau panggilan telefon yang menawarkan keuntungan tidak masuk akal. Sekiranya sesebuah agensi itu mahu berurusan, mereka akan menghantar notis dan surat tanpa perlu pegawai mereka menghubungi orang awam. Beliau juga mahu masyarakat lebih berhati-hati ketika menekan pautan dalam talian walaupun daripada orang yang dikenali untuk mengelak daripada menjadi mangsa perisian intip yang mencuri data.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kes Penipuan Komersial Cecah RM558 Juta Perubatan'
oleh Nor Azizah Mokhtar
Berita Harian

Bahan 2

Ekoran banyak berlakunya jenayah siber di negara ini, kerajaan memperkenalkan Rang Undang-undang (RUU) Keselamatan Siber 2024. Keperluan mewujudkan perundangan berkenaan sudah banyak diperkatakan susulan peningkatan kes jenayah siber dan insiden keselamatan siber di negara ini. Apabila akta tersebut dilaksanakan, diharapkan kadar jenayah siber dapat dikawal. Ancaman keselamatan siber berlaku apabila ada pihak yang tidak bertanggungjawab memperdaya orang ramai menerusi laman maya yang diwujudkan secara tidak sah untuk mencuri maklumat pengguna. Oleh sebab itu, langkah proaktif perlu dilaksanakan untuk memastikan tempoh pengesanan dan tindak balas terhadap insiden keselamatan siber dapat disingkatkan melalui *proses yang sistematik*, penggunaan teknologi yang bersesuaian dan modal insan berkepakaran tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Jadikan RUU Keselamatan Siber Kerangka Utama Hukum Penjenayah’
 oleh Dr. Mahyuddin Daud
Berita Harian

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *proses yang sistematik*. [2 markah]

Berdasarkan Bahan 1, maksud proses yang sistematik ialah kaedah yang teratur.

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan usaha-usaha untuk mengurangkan jenayah siber. [3 markah]

Dengan merujuk Bahan 1, usaha untuk mengurangkan jenayah siber ialah orang awam tidak melayan sebarang tawaran pelaburan atau panggilan telefon yang menawarkan keuntungan yang tidak masuk akal. Dengan merujuk Bahan 2, usaha untuk mengurangkan jenayah siber ialah kerajaan memperkenalkan Rang Undang-undang (RUU) Keselamatan Siber 2024.

- (iii) Peningkatan kes jenayah siber amat membimbangkan masyarakat di negara ini.

KBAT Pada pendapat anda, mengapakah masalah ini terus berlaku? [4 markah]

Pada pendapat saya, masalah peningkatan kes jenayah siber terus berlaku kerana masyarakat mudah percaya dengan tawaran keuntungan berlipat ganda tanpa memikirkan kemungkinan tertipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, perkembangan teknologi maklumat memberikan peluang kepada penjenayah siber untuk mengeksploitasi kemudahan Internet. Seterusnya, penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan jenayah siber yang lemah menyebabkan jenayah ini sukar dibanteras.

- (iv) Anda telah menerima mesej menerusi telefon pintar tentang kesusahan yang dihadapi oleh rakan baik anda. Dia merayu kepada anda untuk meminjam wang dalam jumlah yang banyak bagi mengatasi masalahnya itu.

Cadangkan tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk memastikan kesahihan mesej tersebut.

[4 markah]

Tindakan yang akan saya lakukan untuk memastikan kesahihan mesej tersebut ialah saya akan menyemak nombornya untuk memastikan nombor itu kepunyaan rakan saya. Selain itu, saya akan memeriksa kandungan mesej tersebut untuk mengenal pasti kesahihannya. Seterusnya, saya akan menghubungi rakan saya untuk memastikan bahawa dia yang menghantar mesej tersebut. Di samping itu, saya akan bertanya kepada ahli keluarga rakan untuk memastikan sama ada mesej itu betul ataupun tidak.

**PRAKTIS 1 TEMA: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Isu kos sara hidup sebenarnya amat terikat dengan gaji. Peningkatan pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup menyebabkan masyarakat dibelenggu masalah kewangan. Kos sara hidup meliputi perbelanjaan keperluan asas. Jika terdapat kenaikan kos pengeluaran barang dan perkhidmatan keperluan asas, maka kos sara hidup juga akan meningkat. Di sisi lain, kenaikan kos sara hidup yang tidak disertai peningkatan pendapatan individu atau keluarga akan menyebabkan taraf hidup semakin merosot. Keadaan ini amat dirasakan ketika pandemik COVID-19 apabila banyak rakyat yang kehilangan punca pendapatan atau gaji dipotong oleh majikan. Sementara itu, rakyat selaku pengguna perlu bijak berbelanja, mula belajar tidak bermewah dalam perbelanjaan makan minum seharian dan bijak membeli barang pada harga yang murah menerusi kaedah membandingkan harga barang di premis berbeza. Sedikit sebanyak perkara ini dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tingkat Komunikasi, Pemahaman Rakyat Hadapi Kenaikan Sara Hidup'
oleh Prof. Madya Dr. SS Doris Padmini
Berita Harian

Bahan 2

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia berkata, isu rakyat kurang menyimpan bukanlah disebabkan oleh faktor pandemik COVID-19 semata-mata, sebaliknya kos sara hidup jelas menjadi faktor utama yang menyukarkan pengguna untuk *membuat tabungan*. Sehubungan dengan itu, pengguna sendiri perlu mengubah cara hidup. Pengguna tidak boleh lagi berbelanja terlalu mewah sebaliknya mengamalkan konsep kesederhanaan. Faktor gaji tinggi atau rendah tidak bermakna kita langsung tidak boleh menyimpan. Andainya gaji bulanan kita RM2 000.00, bukan bermaksud kita perlu menyimpan RM1 000.00 setiap bulan. Simpanan sekecil RM30.00 sebulan sudah memadai dan dalam setahun jumlah terkumpul sebanyak RM360.00. Pada masa yang sama, beliau menasihati pengguna supaya berusaha mengurangkan perbelanjaan yang kurang perlu dan memberikan keutamaan kepada perkara penting seperti pendidikan anak-anak, keperluan kesihatan dan seumpamanya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kos Sara Hidup tak Sepadan Gaji Punca Sukar Menabung'
oleh Ahmad Suhael Adnan
Berita Harian

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *membuat tabungan*. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cara-cara yang boleh dilakukan oleh pengguna untuk menghadapi kenaikan kos sara hidup. [3 markah]

- (iii) Ketidakseimbangan antara pendapatan dengan kos sara hidup boleh menyebabkan masyarakat dibelenggu masalah kewangan.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah peranan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini? [4 markah]

- (iv) Gaji bapa anda telah dipotong oleh majikannya. Ibu anda pula ialah seorang suri rumah tangga. Dengan jumlah ahli keluarga yang agak ramai, ibu bapa anda perlu berjimat cermat untuk menampung keperluan seharian.

KBAT

Sebagai anak yang masih bersekolah, bagaimanakah anda dapat mengurangkan beban perbelanjaan keluarga anda? [4 markah]

**PRAKTIS 2 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Warga kota disarankan agar mengamalkan gaya hidup lestari untuk memastikan usaha kerajaan dalam melindungi alam sekitar terjamin. Hal ini bertujuan memastikan khazanah alam kekal lestari untuk generasi akan datang. Oleh sebab itu, para petani perlu mengurangkan penggunaan bahan kimia. Hal ini dikatakan demikian kerana bahan kimia akan menyebabkan pencemaran alam sekitar. Bahan kimia akan mendatangkan impak yang negatif dalam jangka masa yang panjang kepada alam sekitar. Sebagai contohnya, penggunaan racun serangga akan menyebabkan tanah tercemar dan sungai terjejas. Perkara ini akan menyebabkan makanan yang kita makan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, daging dan ikan tercemar dengan bahan kimia. Kita akan mengalami keracunan yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Oleh itu, penggunaan bahan kimia perlu dikawal oleh semua pihak supaya usaha melestarikan alam sekitar akan membuahkan hasil.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ubah Gaya Hidup untuk Kelestarian Alam Sekitar Masa Depan'
oleh Kumara Sabapatty
MalaysiaGazette

Bahan 2

Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya. Walau bagaimanapun, penggunaan sumber secara sembarangan, berleluasa dan tidak teratur akan menyebabkan pencemaran dan kerosakan alam sekitar. Mulakan langkah pertama kita pada hari ini dengan menjaga alam di sekeliling kita. Pemuliharaan alam sekitar adalah amat penting untuk mengelakkan kepupusan flora dan fauna. Melalui cara ini, kita dapat memastikan habitat hidupan darat dan air terpelihara. Selain itu, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat penting agar manusia mendapat sumber air yang bersih dan tidak tercemar. Oleh itu, kita perlu menjaga kebersihan sungai agar sumber air yang kita peroleh selamat untuk digunakan. Sebaliknya, jika sungai tercemar pastilah hidupan air juga akan mati.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Kita'
Majlis Keselamatan Negara

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan kesan-kesan penggunaan racun serangga. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2** apakah usaha-usaha untuk melestarikan alam sekitar? [3 markah]

- (iii) Masyarakat kian memandang enteng terhadap pemeliharaan alam sekitar. Mereka sepatutnya memelihara alam sekitar untuk mengelakkan kepupusan flora dan fauna.

KBAT

Selain kepentingan di atas, apakah kepentingan-kepentingan lain memelihara alam sekitar? [4 markah]

- (iv) Ketika anda dan keluarga beriadah di salah sebuah kawasan air terjun, anda terlihat beberapa orang pelancong sedang membuang pembungkus makanan ke dalam air.

KBAT

Sebagai masyarakat yang prihatin, cadangkan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah ini. [4 markah]

PRAKTIS 3 TEMA: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Para penerbit filem disaran agar meningkatkan lagi produksi yang menonjolkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Filem berunsur patriotik seperti filem Mat Kilau dapat menyemarakkan semangat untuk melindungi keharmonian dan kedamaian tanah air. Malah, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut bertitah agar filem berunsur patriotik dapat dibanyakkan lagi untuk menyemarakkan dan mengukuhkan semangat perpaduan serta rasa cinta akan negara dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, kita dapat melihat betapa masyarakat terkesan dengan kisah perjuangan yang berlaku di Pahang sehingga ada yang hadir menggunakan pakaian pahlawan untuk menonton filem Mat Kilau di pawagam. Kita dapat melihat bahawa mesej yang disampaikan melalui filem tersebut mampu mempengaruhi orang ramai untuk bersama-sama berjuang demi negara tercinta.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Semangat Patriotik dalam Filem'
oleh Mohd Zahid Ahmad Zaki
www.suarasarawak.my

Bahan 2

Filem genre patriotik biasanya mengandungi elemen sejarah yang mengaitkan pemimpin atau seseorang tokoh sebagai daya tarikan. Selain itu, elemen fiksiyen turut disuntik dalam filem genre ini sebagai daya tarikan agar penonton tidak berasa bosan. Antara filem berunsur patriotik yang pernah ditayangkan seperti Sarjan Hassan, Bukit Kepong, Kanang Anak Langkau dan Mat Kilau. Para penonton dapat melihat semangat para pahlawan terdahulu yang bangkit untuk berjuang menentang penjajah. Filem-filem ini sedikit sebanyak dapat membangkitkan semangat patriotik dalam diri masyarakat tanpa mengira usia. Kejayaan filem Mat Kilau meraih kutipan yang tinggi telah menyangkal pandangan segelintir pihak yang menyatakan bahawa selera masyarakat di negara ini lebih meminati filem genre ringan dan naratif cinta. Realitinya, masih banyak rakyat Malaysia mencari-cari filem yang dapat menyedarkan mereka tentang akar bangsa dan menjunjung tinggi nilai nilai ketimuran.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Menyemarakkan Patriotisme Melalui Filem dan Lagu'
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham
www.dewanbudaya.jendaladbp.my

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan elemen-elemen yang terkandung dalam filem genre patriotik.

[2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, berikan kesan-kesan apabila penonton menonton filem Mat Kilau.

[3 markah]

- (iii) Para penerbit filem disaran untuk meningkatkan lagi produksi dengan menerbitkan filem yang menonjolkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menggalakkan para penerbit menerbitkan lebih banyak filem berunsur seperti ini?

[4 markah]

- (iv) Sebuah filem patriotik telah ditayangkan di pawagam di seluruh negara. Filem ini mendapat ulasan yang baik daripada pelbagai pihak. Anda ingin menonton filem tersebut di pawagam bersama dengan rakan-rakan namun, bimbang ibu bapa anda tidak mengizinkan.

KBAT

Sebagai seorang anak, bagaimanakah anda dapat meyakinkan ibu bapa anda agar mereka memberikan keizinan untuk menonton filem tersebut?

[4 markah]

PRAKTIS 4 TEMA: Kesihatan dan Kebersihan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan bahawa sebanyak 17.9 juta orang penduduk di dunia ini meninggal dunia akibat penyakit kardiovaskular, iaitu serangan jantung dan angin ahmar. Kematian akibat serangan jantung dalam kalangan usia muda sangat membimbangkan. Rata-rata pesakit yang menghidap penyakit ini kelihatan sihat serta cergas melakukan rutin harian seperti biasa. Perkara ini menyebabkan masyarakat *sukar mengesan* tanda-tanda seseorang itu akan diserang penyakit jantung. Amalan merokok merupakan penyebab utama penyakit jantung. Nikotin dan karbon monoksida daripada asap rokok membuatkan jantung bekerja dengan lebih pantas. Merokok bukan sahaja boleh meningkatkan risiko penyakit jantung, malah amalan ini juga boleh menyebabkan kerosakan pada dinding arteri. Mereka yang merasakan diri sentiasa sihat tanpa membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala juga terdedah kepada penyakit jantung.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Orang Muda dan Serangan Jantung'
Harian Metro

Bahan 2

Amir, tadi saya ada membaca satu artikel tentang serangan jantung. Masyarakat yang kurang bersenam boleh terkena serangan jantung kerana jantung mereka kurang berfungsi dengan efisien.



Betul, Haikal. Jangan lupa juga tabiat minum minuman yang manis membolehkan seseorang itu mempunyai risiko dua kali ganda menghidap penyakit jantung.



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *sukar mengesan*. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan sebab-sebab berlakunya masalah jantung. [3 markah]

- (iii) Amalan gaya hidup sihat perlu diamalkan oleh masyarakat untuk menghindari pelbagai penyakit. Namun begitu, amalan ini semakin dipandang ringan oleh masyarakat. Pada pendapat anda, mengapakah amalan ini kurang diamalkan oleh segelintir masyarakat? [4 markah]

KBAT

- (iv) Baru-baru ini, ayah anda telah terkena serangan jantung. Perkara itu amat membimbangkan anda dan keluarga. Sebagai anak sulung, cadangkan tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi. [4 markah]

KBAT

**PRAKTIS 5 TEMA: Pertanian, Penternakan dan Perikanan**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dalam satu spesies tanaman, terdapat pelbagai perbezaan dari segi bentuk tanaman dan hasil, kadar pertumbuhan dan pengeluaran hasil serta banyak lagi. Perbezaan yang jelas termasuklah rasa, warna dan bentuk hasil. Namun, bagi petani terdapat pelbagai ciri lain yang memainkan peranan dalam pemilihan kepelbagaian jenis tanaman untuk pengeluaran hasil. Semua ciri tanaman tersebut tidak semestinya ada pada satu jenis tanaman. Sebagai contoh, tanaman variasi 1 (V1) mungkin mengeluarkan banyak hasil tetapi mempunyai rasa yang tidak memuaskan manakala tanaman variasi 2 (V2) pula mengeluarkan hasil yang sedikit tetapi mempunyai rasa yang lebih baik. Hibridisasi ialah proses pembiakan silang dua jenis tanaman yang berlainan untuk menghasilkan tanaman yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki daripada dua tanaman tersebut. Penyilangan antara V1 dan V2 akan menghasilkan tanaman yang mengeluarkan hasil yang banyak serta mempunyai rasa yang memuaskan. Tanaman yang terhasil ini dipanggil tanaman hibrid.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Apakah Tanaman Hibrid?'
www.kebuna.com

Bahan 2

Pengamalan teknik pertanian sudah dikembangkan melalui banyak penyelidikan dan biak baka. Bagi sesetengah negara maju, sektor pertanian mampu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dengan jumlah sumbangan yang besar apabila berjaya mengeksport pelbagai produk makanan berkualiti ke seluruh dunia. Negara pertanian maju ini bukan sahaja mengeksport produk pertanian segar malahan lebih banyak terlibat dalam penghasilan produk pertanian atau produk makanan proses. Kini pertanian sudah meluas aktivitinya termasuk penghasilan produk farmaseutikal dan perubatan. Perkataan 'agronomi' yang berkaitan dengan ilmu pertanian moden termasuk aspek pembiakbakaan tumbuhan, racun perosak dan baja, serta peningkatan teknologi telah menambah hasil tanaman secara mendadak tetapi pada waktu yang sama tidak menjejaskan ekologi dan juga kesihatan manusia. Prospek aktiviti pembiakbakaan tanaman, ternakan dan sebagainya ialah aspek penting untuk mendapatkan baka yang berkualiti, berhasil tinggi dan sesuai diusahakan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pertanian Moden - Apa Status di Malaysia?'
animhosnan.blogspot.com

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan perbezaan yang jelas berdasarkan spesies tanaman. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan pengamalan teknik pertanian. [3 markah]

- (iii) Bidang pertanian bukanlah kerjaya pilihan generasi muda walaupun mendatangkan keuntungan yang lumayan.

KBAT

Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku?

[4 markah]

- (iv) Rakan anda telah mengusahakan tanah terbiar dengan menanam sayur-sayuran. Namun, projek tanaman tersebut tidak membuahkan hasil sehingga menyebabkan dia berputus asa.

KBAT

Sebagai seorang sahabat, cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

[4 markah]

PRAKTIS 6 TEMA: Pendidikan

Baca **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Apabila membaca maklumat terbaharu bahawa terdapat 435, 000 orang murid di sekolah rendah dan menengah berhadapan dengan isu keciciran pembelajaran merupakan sesuatu yang amat mengejutkan pelbagai pihak. Namun, masyarakat tidak perlu cemas memandangkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewujudkan pelan untuk menangani isu keciciran murid seperti memperkenalkan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) dengan tujuan agar semua murid kekal bersekolah, terutama murid di luar bandar dan di kawasan pedalaman. Secara umum, jika murid menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) pada peringkat sekolah rendah, sekurang-kurangnya mereka mampu berdikari apabila menginjak usia remaja. Kemahiran 3M membantu mereka membuat pilihan dan keputusan yang lebih baik untuk menguruskan kehidupan, terutama soal kewangan serta bersosial dengan masyarakat. Oleh itu, keciciran *dapat dibendung* apabila penekanan 3M diberikan kepada murid prasekolah dan sekolah rendah.


Dipetik dan diubah suai daripada
'Tangani Bersama Isu Keciciran Murid dalam Pembelajaran'
oleh Dr. Samsul Farid Samsuddin
Berita Harian

Bahan 2



Bahan 3

PROGRAM INTERVENSI LITERASI DAN NUMERASI TAHUN SATU



Tempoh Program Intervensi

- Tiga bulan pertama guru akan membuat proses saringan
- Murid yang dikenal pasti akan ditempatkan dalam program intervensi
- Murid yang masih lemah akan terus mengikuti program ini untuk tempoh tiga bulan lagi

122, 000 orang murid tahun satu (2025) belum boleh **membaca, menulis dan mengira (3M)**

Bermula sesi akademik 2025/2026

Sebagai langkah pengesanan awal

Selama tiga bulan



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *dapat dibendung*. [2 markah]
-
-
-
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3**, nyatakan langkah-langkah untuk memastikan murid-murid menguasai kemahiran 3M. [4 markah]
-
-
-
-
-
- (iii) Kajian menunjukkan bahawa masih banyak murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira. Pada pendapat anda, mengapakah murid-murid lemah dalam penguasaan kemahiran ini? [3 markah]
-
-
-
-
-
- (iv) Anda ialah seorang guru. Baru-baru ini, rakan sejawat anda mengeluh kerana tahap pencapaian murid di dalam kelasnya masih rendah walaupun pelbagai program peningkatan seperti kelas tambahan telah dilakukan. Salah satu punca pencapaian yang rendah ialah murid-murid di kelasnya tidak menguasai kemahiran 3M. Sebagai rakan sejawat, apakah cadangan anda untuk membantu rakan anda meningkatkan penguasaan kemahiran 3M dalam kalangan muridnya? [4 markah]
-
-
-
-
-

TOPIK 9

Pemahaman [Petikan Sastera]

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

SOALAN 7 – PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA

- 1 Baca dahulu bahan-bahan yang diberikan sebelum menjawab soalan.
- 2 Jawapan mesti ditulis dalam ayat yang penuh.

Soalan (i)	• Jika soalan maksud rangkai kata – tukar rangkai kata dengan rangkai kata lain yang sama maksud • Jika soalan pemahaman – pindahkan maklumat daripada bahan
Soalan (ii)	• Fahami kehendak soalan dan jawab mengikut kehendak soalan • Isi mesti menyentuh semua bahan • Tip: Pindahkan maklumat daripada bahan tanpa mengubah maklumat tersebut
Soalan (iii)	Fahami kehendak soalan dengan teliti sebelum mengemukakan jawapan
Soalan (iv)	Fahami situasi/ permasalahan yang diberi sebelum mengemukakan langkah penyelesaian masalah

- 3 Rujuk markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan untuk menentukan jumlah isi jawapan.
- 4 Sekiranya **3 markah**: kemukakan sekurang-kurangnya dua isi.
- 5 Sekiranya **4 markah**: kemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PETIKAN SASTERA

MODEL SPM TEMA: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dengan berbekalkan USD400 yang bersamaan dengan RM1 800.00, aku sama sekali tidak berniat untuk membeli jaket kulit kijang dari Istanbul. Aku telah membuat senarai barang yang ingin dibeli sebelum berlepas mengikuti rombongan *Passage Tours and Travels* ke negara Mustafa Kamal Attaturk itu. Senarainya lebih kurang begini. Cenderamata untuk keluarga, 29 helai baju-T. Mesti ada perkataan *Made in Turkey*. Anggaran harga maksimum: USD150. Lima helai untuk keluarga Long, enam helai untuk keluarga Angah, enam helai untuk keluarga Poji, tujuh helai untuk keluarga Leha, dua helai untuk keluarga Anim, masing-masing sehelai untuk Tahrir, Nadia dan Salleh. Cenderamata untuk saudara-mara, tujuh keping pelekat magnet peti sejuk dengan tulisan Turkey atau makanan kering. Anggaran harga maksimum USD30. Masing-masing satu untuk paman dan bibikku seperti Man Bini, Man Amat, Cik Yah, Cik Esah, Cik Nah, Cik Kam dan Cik Alip.

Dipetik daripada
cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'
oleh Maskiah Haji Masrom
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Pantun Empat Kerat (Berjimat Cermat)

Pergi ke belukar memasang pikat,
Pulangnya lewat di hujung petang;
Jikalau sentiasa berjimat cermat,
Rezeki secupak terasa segantang.

Indah nian pemandangan dunia,
Dari timur hingga selatan;
Sikap berjimat amalan dunia,
Orang boros sahabat syaitan.

Masak meranum buah ara,
Jatuh sebiji di atas papan;
Jika berjimat setiap perkara,
Pasti terjamin masa hadapan.

Sungguh pahit buah peria,
Dimakan juga dibuat sayuran;
Membesar belanja sikap sesia,
Hanya menambah beban kewangan.

Singgah berehat di Kota Lama,
Kuih dijamah air dihirup;
Berjimat cermat suruhan agama,
Jika diamal sejahteralah hidup.

Inderagiri pasirnya lumat,
Tempat berkelah putera raja;
Baik sedikit tetapi berjimat,
Daripada banyak membazir sahaja.

Turun ke ladang memetik kacang,
Hendak dibuat masak lemak;
Segala urusan jika terancang,
Sikap membazir pasti terelak.

Zailiani Taslim (Penyelenggara)
Koleksi Pantun Berjimat Cermat, 2007
Edutech Publisher

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah akibat-akibat apabila seseorang itu bersikap boros. [2 markah]

*Berdasarkan Bahan 2, akibat apabila seseorang itu tidak mengamalkan sikap berjimat cermat ialah **menjadi sahabat syaitan dan menambah beban kewangan**.*

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan ciri-ciri seseorang yang berhemat dalam perbelanjaan. [3 markah]

*Berdasarkan Bahan 1, ciri-ciri seseorang yang berhemat dalam perbelanjaan ialah **aku telah membuat senarai barang yang ingin dibeli**.*

*Berdasarkan Bahan 2, ciri-ciri seseorang yang berhemat dalam perbelanjaan ialah **sentiasa berjimat cermat dan segala urusan terancang**.*

- (iii) Kemahiran pengurusan kewangan amat penting didedahkan kepada anak-anak sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa untuk menerapkan kemahiran tersebut dalam kalangan anak? [4 markah]

*Pada pendapat saya, peranan ibu bapa untuk menerapkan kemahiran pengurusan kewangan dalam kalangan anak ialah **ibu bapa boleh menyediakan tabung untuk memudahkan anak-anak menyimpan wang**. Selain itu, **ibu bapa perlulah menjadi contoh teladan apabila berbelanja secara berhemah supaya dapat menjimatkan wang**.*

- (iv) Bapa Sara terpaksa berhenti kerja kerana masalah kesihatan. Keadaan ini menyebabkan keluarga Sara berhadapan dengan masalah kewangan. Hal ini ditambah pula dengan peningkatan harga barang keperluan harian yang semakin membebankan keluarga mereka. Ibu Sara pula hanya bekerja sambilan dengan pendapatan yang tidak menentu.

KBAT

Sekiranya anda ialah Sara, apakah tindakan anda untuk mengatasi masalah tersebut? [4 markah]

*Sekiranya saya ialah Sara, tindakan saya untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa ialah **saya akan mengurangkan pembelian barangan yang tidak penting untuk menjimatkan wang**. Selain itu, **saya akan menjimatkan penggunaan elektrik dan air untuk mengurangkan beban kewangan**. Seterusnya, **saya akan menabung sebahagian wang saku untuk membantu ibu bapa pada waktu kecemasan**.*


PRAKTIS 1 TEMA: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1
Syair Malaysiaku

Dengarlah semua hamba berpesan
 Dalam hidup jangan beralasan
 Apabila berkata selitkan kiasan
 Terimalah syair sebagai bingkisan.

Pelbagai bangsa hidup bersama
 Berbeza budaya mahupun agama
 Bertolak ansur saling menerima
 Bersatu hati senjata utama.

Dari kota hingga ke desa
 Hidup damai penuh selesa
 Teguh bersama memacu nusa
 Budaya dijulung ekonomi diperkasa.

Nikmat merdeka penuh berharga
 Setiap kita perlu berbangga
 Pertiwi ini perlu dijaga
 Perkukuh perpaduan bersiap siaga.

Amirah Syazwani
 Dewan Siswa Bil 9/2022
 Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

31 Ogos 1957 – ketika bulan merdeka sangat terang di langit, kami beriktikaf di surau. Sesuai dengan semangat warisan moyang-poyang sejak kampung itu dipugar, kami meraikan merdeka dengan dua matlamat: rezeki dan ibadat.

Surau penuh sesak – kami menganjurkan majlis doa kesyukuran dan bacaan tahlil, khusus untuk orang yang sangat kami cintai. Kami selalu mengenangkan kata-katanya: Perihal lurusnya hati Melayu, berbudi cara Melayu, bersahabat cara Melayu. Malah, segala debar cinta kepada bangsa dan negara. Kami sentiasa rindu akan kata-kata semangat anak muda itu: “Tanah Melayu pasti merdeka!”

Tuan Booth sekeluarga balik ke England seminggu selepas merdeka, tapi setahun kemudian – ketika kami bersiap-siap di surau meraikan setahun merdeka – gadis Inggeris berambut perang dan bermata biru lembut itu muncul semula.

Sejak itu, di banglo estetik peninggalan Tuan Booth, anak-anak kampung kami bebas keluar masuk pada setiap hari.

Dipetik daripada
 cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’
 oleh Zainal Rashid Ahmad
 dalam antologi *Sejadah Rindu*
 Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3

Pantun Berkait Sayangi Malaysia

Pohon kelapa di tepi selat,
Tempat tempua membuat sarangnya;
Negara Malaysia negara berdaulat,
Hendaklah kita mempertahankannya.

Tempat tempua membuat sarangnya,
Tampak halus seni tenunan;
Hendaklah kita mempertahankannya,
Supaya maju sejahtera dan aman.

Tampak halus seni tenunan,
Sungguh cantik bila dipandang;
Supaya maju sejahtera dan aman,
Pastikan berilmu pelbagai bidang.

Mohd Kassim Mahmud
Dewan Siswa Bil 8/2022
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, gambarkan keadaan fizikal anak Tuan Booth. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan kehidupan rakyat selepas negara mencapai kemerdekaan. [4 markah]

- (iii) Pelbagai aktiviti dijalankan oleh pihak sekolah bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan saban tahun.

KBAT

Pada pandangan anda, apakah tujuan aktiviti diadakan pada sambutan tersebut? [3 markah]

- (iv) Anda terpilih untuk menghadiri satu program kepimpinan pengawas bagi mewakili sekolah anda. Ketika menjalani aktiviti dalam kumpulan, anda telah dilantik sebagai ketua kumpulan. Pada malam penutupan program, anda dan ahli kumpulan diwajibkan untuk membuat persembahan kebudayaan yang bertemakan perpaduan kaum.

KBAT

Sebagai ketua kumpulan, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan untuk menjayakan persembahan tersebut? [4 markah]

PRAKTIS 2 TEMA: Sejarah dan Warisan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

“Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. Di kota nanti carilah seorang sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya kerana masih ada nilainya di kota sana.”

Saya akur dengan permintaan bonda yang mahu saya menjaga buku-buku itu dengan baik. Kata bonda, hanya insan bernama Munsyi sahaja yang layak menyimpan khazanah lama itu. Lalu, sebaik sahaja tiba di ibu kota, saya berusaha menjejak kediaman sahabat bonda melalui peta yang dibekalkan bonda. Pencarian saya membawa saya ke sebuah perkampungan tradisi di pinggir kota yang merupakan tanah rizab Melayu.

Akhirnya, selepas bertanya beberapa kali, saya tiba di sebuah rumah kayu berukir indah dengan pelbagai seni dan corak. Salam saya akhirnya dijawab seorang lelaki pada usia emas dengan janggut putih menutupi sebahagian muka yang putih bersih. Pakaianya lengkap dengan tengkolok dan baju Melayu bersamping bagaikan seorang maharaja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Jari-jemarinya lengkap menggenggam sebilah keris bersarung cantik. Dia memandang saya lama-lama.

“Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya?”

Selepas saya memperkenalkan diri, dia mula tersenyum meramahi saya sebelum menjemput saya masuk.

Kami bersalaman erat. Saya menyampaikan salam bonda kepadanya sebelum menghulurkan beg berisi puluhan kitab lama yang saya bawa dari kampung.

Dipetik daripada cerpen “Munsi”

oleh Husna Nazri

dalam antologi *Jaket Kulik Kijang dari Istanbul*

Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Pantun Adat

Laksamana berbaju besi,
Masuk ke hutan melanda-landa;
Hidup berdiri dengan saksi,
Adat berdiri dengan tanda.

Anak teruna tiba di darat,
Dari Makasar langsung ke Deli;
Hidup di dunia biar beradat,
Bahasa tidak dijual beli.

Berbuah lebat pohon mempelam,
Rasanya manis dimakan sedap;
Bersebarlah adat seluruh alam,
Adat pusaka berpedoman kitab.

Ikan berenang di dalam lubuk,
Ikan belida dadanya panjang;
Adat pinang pulang ke tampuk,
Adat sirih pulang ke gagang.

Rahman Shaari (Penyelenggara)

Antologi *Lukisan Zaman*

Penerbitan Marwilis, Selangor

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan pesanan-pesanan bonda kepada ‘saya’. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, bagaimanakah cara-cara memelihara adat warisan nenek moyang? [3 markah]

- (iii) Adat dan warisan seperti pakaian, muzik dan permainan tradisional semakin dilupakan oleh generasi kini. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan perkara tersebut berlaku? [4 markah]

KBAT

- (iv) Pada bulan hadapan, kakak anda akan menghadiri majlis makan malam yang bertemakan busana tradisional di salah sebuah hotel terkemuka anjuran syarikat tempatnya bekerja. Kakak anda yang kurang meminati busana tradisional agak tertekan dengan situasi ini sehingga enggan menghadiri majlis makan malam tersebut.

KBAT

Sebagai adik yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah kakak anda itu? [4 markah]

PRAKTIS 3 TEMA: Bahasa dan Kesusasteraan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bahasa Merdeka

Merdeka tahun ini
mari kita bangunkan bahasa tercinta
kembangkan menjadi laut ilmu
mengukir pemikiran bijaksana bersama
cahayanya menyuluh citra nusa.

Merdeka tahun ini
kita mekarkan tulis dan baca
perjalanan bahasa padat estetika
menulis dengan tertib cara
berbicara dengan laras waras.

Merdeka tahun ini
duduklah di ruang sumbang saran
kita janakan fikrah saujana
demi bahasa warisan sejahtera.

Merdeka tahun ini
bernafaslah dengan bahasa
bergeraklah dengan bahasa
berjuanglah dengan bahasa
busana hayat akan seragam
sejahtera terus berkekalan.

Solihin Osman

Dangau Seni, Kangar
Dewan Bahasa, Bil 8 2020

Bahan 2

Bonda tersenyum melihat saya tidak sabar untuk meninggalkan bumi kelahiran saya ini. “Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun.

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota. Sebelum berangkat, bonda menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama miliknya di dalam sebuah beg sarat untuk dikirimkan kepada sahabat lama di kota.

“Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. Di kota nanti carilah sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya kerana masih ada nilainya di kota sana.”

Dipetik daripada cerpen *Munsi*
oleh Husna Nazri

dalam antologi *Jaket Kulik Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3

Bahasa Jiwa Bangsa

Ikut jerami muat ke kandar,
 Selepas makan mandi di telaga;
 Ucapan difahami wasangka terhindar,
 Bahasa kebangsaan penyatu warga.

Batang halban dibawa ke huma,
 Hendak didirikan sebuah taman;
 Bahasa kebangsaan milik bersama,
Kita ungkapkan sepanjang zaman.

Terbang tempua ke semak berduri,
 Singgah sekali di pohon rumbia;
 Bahasa kita lambang jati diri,
 Tidak rugi berbahasa Malaysia.

Berbanjar cemara di tanah rata,
 Tempat teduhan sekumpulan murai;
 Segar dan mesra bahasa kita,
 Anugerah warisan usah terburai.

Suhaimi Mohd Salleh
 Blog Tintis Tinta

- (i) Berdasarkan **Bahan 3**, berikan maksud frasa *kita ungkapkan sepanjang zaman*. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan faedah-faedah yang diperoleh apabila rakyat memelihara bahasa Melayu. [4 markah]

- (iii) Memartabatkan bahasa Melayu bukanlah satu tugas yang mudah. Oleh itu, pihak sekolah seharusnya memainkan peranan untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid.

KBAT

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan pihak sekolah untuk memartabatkan bahasa tersebut?

[3 markah]

- (iv) Anda dan keluarga menaiki kereta untuk berkelah di salah sebuah pusat peranginan di selatan tanah air. Sepanjang perjalanan tersebut, anda dapat melihat banyak papan iklan tentang pelbagai produk. Namun begitu, anda amat kecewa apabila melihat pelbagai kesalahan bahasa dalam papan iklan tersebut.

KBAT

Sebagai rakyat yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang dapat anda lakukan untuk mengatasi masalah ini.

[4 markah]

PRAKTIS 4 TEMA: Integriti

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Mengintai Ruang Insaf

Semakin berat kejahilan
terpikul di bahu
semakin jauh perjalanan
memburu nur-Mu

Sewaktu berlari di padang hidup
kerap kakiku tersadung selirat akar
tubuhku tercalar duri pidana
pada samar kejauhan
ancala mulia makin kabur
dan menghilang

Sekadar songsong aksara kata
tanpa kembali ke tunjang makna,
“Apakah dalam sarat khilaf
masih terbuka ruang untuk dianugerahkan
keinsafan?”

Rabb,
moga pintu taubat-Mu terbuka
sebelum api dari bara itu menyala.

Shukri Abdullah
Antologi *Harga Remaja*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

“Maafkan saya, Doktor Raiha. Maafkan saya, doktor. Saya takut untuk menyatakan kebenaran itu!” raung Felicia Landosi, tersekat-sekat *dibelenggu emosi*. “Sejak peristiwa itu, hidup saya lebih parah daripada sebelumnya. Saya semacam tidak mampu lagi membuka pintu dunia saya tanpa melihat kembali peristiwa malang yang telah berlaku kepada anak puan itu. Saya rela mati sahaja daripada terus-terusan hidup begini, doktor. Sungguh!”

Raiha menghela nafas yang panjang. Sedetik itu, dia menutup matanya rapat-rapat. ‘Ya Allah, berikan hamba-Mu ini kekuatan, berikanlah,’ rintih Raiha dalam hatinya. ‘Berikanlah kepadaku kekuatan, agar aku mampu membuka kembali pintu dunia yang telah kututup dahulu. Yang pasti, hanya dengan cara seperti itu sahaja, aku dapat bertindak sebagai pengabdikan kemanusiaan yang jujur menjalani kehidupan.’

Dipetik daripada
novel *Pantai Kasih*
oleh Azmah Nordin
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *dibelenggu emosi*. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, apakah kesan-kesan apabila seseorang itu melakukan kesalahan? [3 markah]

- (iii) Setiap orang pasti pernah melakukan kesilapan dalam menjalani kehidupan seharian. Adakalanya kesilapan memberikan kesan kepada orang di sekeliling. Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh masyarakat terhadap individu yang melakukan kesilapan? [3 markah]

- (iv) Anda mempunyai seorang sahabat yang telah menghabiskan wang simpanannya tanpa pengetahuan ibu bapanya dengan membeli permainan video dalam talian. Dia amat menyesali kesalahannya itu namun dia bimbang untuk berterus terang kepada ibu bapanya. Keadaan itu telah membuatkan dirinya berasa tertekan. Sebagai sahabat yang prihatin, bagaimanakah anda harus menasihati sahabat anda itu? [4 markah]

PRAKTIS 5 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pantun Sayangi Hutan

Di tepian lata mengail ikan,
Dikail teruna waktu malam;
Hutan kita usah binasakan,
Kelak merana seisi alam.

Tumbuh terbiar pohon putat,
Gugur daunan jatuh ke tanah;
Hidupan liar hilang habitat,
Kerana hutan semakin musnah.

Ikan siakap di dalam timba,
Hendak dikukus Cik Siantan;
Lantaran sikap tamak haloba,
Hampir pupus harimau di hutan.

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pelajaran Malaysia

Bahan 2

Beribu-ribu dan mungkin berjuta-juta tahun iklim alam mengambil masa menenun busana hijau untuk bumi, tetapi dalam sekelip mata jentolak yang dipandu oleh Pak Tua telah merobek dan mengoyak habis busana rimba. Sesal Pak Tua semakin melebat. Pak Tua cuba meraih kembali ingatannya sewaktu 30 tahun yang lalu. Jemari tangannya terketar-ketar mengurut kerut di dahinya yang menyimpan begitu banyak memori. Setitis dua air mengalir di sudut kelopak matanya.

‘Aku ingin kawasan hutan ini kembali rimbun’, kata Pak Tua, sendirian sambil memejamkan mata. Dalam layar gelap yang nampak hanya lori-lori balak yang mengaum sombong sambil mengangkut batang-batang kayu sebesar sepemeluk hingga dua pemeluk orang dewasa. Timbunan batang kayu itu terikat kemas di atas tubuh sang lori. Sese kali tubuh lori-lori balak itu terenjut-enjut ketika lapan biji rodanya melalui jalan tanah merah yang berdebu dan tidak rata. Musim hujan antara bulan Oktober dan Disember sering membina lopak yang akan menghiasi sepanjang jalan tanah merah itu.

Dipetik dan diubah suai daripada
cerpen ‘Hutan Rimba’
oleh Sasjira
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah harapan Pak Tua terhadap kawasan hutan tersebut? [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan akibat-akibat penerokaan hutan. [3 markah]

- (iii) Alam sekitar merupakan khazanah alam dan anugerah Tuhan yang paling berharga.

KBAT Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memelihara alam sekitar? [4 markah]

- (iv) Anda dan rakan anda pergi memancing di sebuah tasik pada hujung minggu yang lalu. Ketika sedang memancing, kalian ternampak beberapa orang pengunjung yang datang untuk memancing sedang membuang sampah ke dalam tasik tersebut. Anda berasa sangat kecewa dengan tindakan pengunjung tersebut.

KBAT Sebagai seorang yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang wajar anda lakukan untuk menghentikan perbuatan pengunjung tersebut? [4 markah]

PRAKTIS 6 TEMA: Pendidikan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Harga Remaja

Berapakah sebenarnya harga remaja
yang bersih
dari gelodak kecewa
bagai kehijauan daun
bagai kesegaran pohon
di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kaupenuhi
piala remajamu
adakah cuka kesangsian
dari cinta murah
atau madu ajaran
dari ilmu susah?

Remaja amat mahal
sesungguhnya
tiada terbeli oleh perjanjian
harga remaja adalah
pendirian
keberanian dan ilmu.

Penuhilah remajamu
dengan ketentuan tuju.

Rahman Shaari
Antologi *Harga Remaja*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

- SALMAH : Betul ke ni?
MU I : Tapi, jangan terlalu seronok!
CHONG : Mengapa pulak?
MU II : Kerana saudara belum lagi menjadi pemimpin!
MU I : Sebagai bakal pemimpin, saudara perlu menjalani banyak ujian dan cabaran. Ini disebabkan muda-mudi masa kini, iaitu generasi saudara sedang mengalami suatu era kritikal baik dari segi moral, sosial mahupun mental.
SALMAH : (*Kembali tidak sabar*) Nampaknya saudara menghina kami ni!
MU I : Bertenang saudara. Bukan menghina, tapi kenyataan. Kehidupan moden hari ini semakin menjadi materialistik! Ia sedang menyerang masyarakat manusia seluruh dunia! Dan generasi mudalah yang bakal menjadi mangsanya.
CHANDRAN: Saudara bercakap sewenang-wenangnya. Cuba buktikan kata-kata saudara itu.
MU I : Tidakkah saudara membaca, mendengar radio atau menonton televisyen? Tiap-tiap hari tersiar berita keruntuhan moral generasi muda.
MU II : Generasi muda sudah tidak tahu dan tidak mahu menghormati lagi. Tidak menghormati orang tua, tidak menghormati guru, tidak menghormati sesama manusia dan tidak menghormati diri sendiri.

Dipetik daripada
drama 'Forum Remaja 2020'
oleh Sharif Shaary
dalam antologi *Harga Remaja*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkap keempat. [2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, apakah cabaran yang dihadapi remaja? [3 markah]

- (iii) Masalah sosial yang melibatkan remaja sering dipaparkan dalam media massa.

KBAT Pada pendapat anda, mengapakah remaja hari ini sering melakukan perkara-perkara yang tidak memberikan manfaat kepada kehidupan mereka? [4 markah]

- (iv) Anda dan rakan-rakan anda sedang menunggang basikal di kawasan rekreasi. Di kawasan tersebut terdapat parit besar yang agak dalam. Ketika anda dan rakan-rakan berhenti untuk berehat, anda terpandang beberapa orang kanak-kanak sedang bermain berhampiran dengan parit tersebut.

Sebagai remaja yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang perlu anda dan rakan-rakan lakukan? [4 markah]

TOPIK 10

Novel

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

SOALAN 8 – PEMAHAMAN NOVEL

Soalan 8 (i)

- Soalan pemindahan maklumat
- Soalan pemahaman berdasarkan satu petikan novel (salah satu daripada novel-novel tingkatan 4 dan tingkatan 5.)

Soalan 8 (ii)

- Soalan KBAT
- Berdasarkan satu atau dua buah novel yang telah dipelajari.

Panduan Menjawab Soalan

- 1 Untuk soalan (i), baca petikan dengan teliti dan kenal pasti maklumat berdasarkan soalan yang dikemukakan.
- 2 Untuk soalan (ii), fahami kehendak soalan dengan menyatakan peristiwa dan alasan/ ulasan/ huraian berdasarkan kehendak soalan.
- 3 Lihat jumlah markah yang diperuntukkan.
- 4 Jumlah isi bergantung pada jumlah markah.
- 5 Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN NOVEL

MODEL SPM Novel

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Akhirnya, orang yang ditunggu sudah tiba. Leftenan Adnan menyambut kedatangan pegawai Inggeris itu. Pegawai baharu itu turun dari jip. Mukanya kelihatan serius sahaja. Leftenan Adnan berdiri tegak dan memberikan tabik hormat diikuti semua anggota pasukan. Kemudiannya, Leftenan Adnan memperkenalkan setiap pegawai yang berada di situ. Kapten Rix berjabat tangan dengan mereka. Selesai upacara itu, Leftenan Adnan membawa Kapten Rix masuk ke dalam pejabat untuk memberikan peraturan-peraturan yang wajib dipatuhi semua anggota tentera di situ. Selepas taklimat, Kapten Rix dibawa mengelilingi kawasan pangkalan untuk memeriksa kawasan kubu pertahanan, bilik bekalan senjata, dan tempat tinggal anggota.

Dipetik daripada
novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*
karya Abdul Latip Talib
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagaimanakah Leftenan Adnan menyambut kedatangan pegawai Inggeris?

[4 markah]

*Cara Leftenan Adnan menyambut kedatangan pegawai Inggeris ialah **Leftenan Adnan berdiri tegak dan memberikan tabik hormat**. Seterusnya, **Leftenan Adnan memperkenalkan setiap pegawai yang berada di situ**. Di samping itu, **Leftenan Adnan membawa Kapten Rix masuk ke pejabat untuk memberikan taklimat tentang tahap keselamatan kawasan di bawah jagaannya**.*

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel yang berikut:
Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat memberikan pedoman kepada pembaca. [6 markah]

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib. Terdapat banyak peristiwa yang dapat memberikan pedoman kepada pembaca novel ini.

Peristiwa pertama yang memberikan pedoman kepada pembaca ialah peristiwa Pak Samad menegur Nordin dan rakan-rakannya yang kerap menghabiskan masa di warung kopinya. Warung kopi Pak Samad menjadi tempat orang kampung berbual-bual kosong seharian. Ketika Pak Saidi dan Adnan singgah di warung kopi Pak Samad, Pak Samad telah memuji kerajinan dua beranak itu sambil menyindir anak muda yang membuang masa di kedainya termasuklah Nordin. Kesannya, Nordin dan kawan-kawannya secara sinis memerli Pak Saidi dengan mengatakan bahawa kerja kuat pun tidak boleh jadi kaya. Peristiwa ini perlu dijadikan pedoman kerana setiap masyarakat perlulah menegur perbuatan negatif yang berlaku di hadapan mereka.

Peristiwa kedua yang memberikan pedoman kepada pembaca ialah peristiwa Pak Karim dan Tauke Chong yang membantu menyelesaikan masalah Pak Saidi untuk menghantar Adnan ke sekolah kerana basikalnya telah dirosakkan akibat perbuatan khianat. Pak Karim membantu meminjamkan basikal kepada Pak Saidi manakala Tauke Chong pula memberikan cadangan kepada Pak Saidi untuk membeli basikal baharu yang dijual di kedainya dan dia bersedia menerima bayaran secara ansuran untuk memudahkan Pak Saidi. Peristiwa ini perlu dijadikan pedoman kerana sebagai anggota masyarakat kita haruslah sentiasa bekerjasama membantu orang lain tanpa mengira kaum.

PRAKTIS NOVEL Soalan 8 (i)

- 1 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Daerah itu pada dasarnya mempunyai kedudukan strategik untuk dimajukan dalam sektor pertanian dengan mengambil kira faktor geografi dan bentuk muka bumi serta tanah yang subur, sehingga membolehkan semua jenis tanaman tumbuh subur, termasuklah buah-buahan, getah, dan kelapa sawit.

Kesuburan tanah ini menjadikan penduduk Tenom berupaya memperoleh pendapatan lumayan melalui pertanian, mereka mampu menyara kehidupan harian dengan hasil jualan pertanian mencecah ribuan ringgit pada setiap bulan.

Malah ada antara penoreh getah, penjual buah-buahan seperti pisang, betik, kelapa sawit dan tanaman lain kelihatan hidup mewah dan kejayaan ini dinikmati terutamanya oleh mereka yang memiliki tanah sendiri untuk diteroka dan ditanam dengan tanaman sendiri.

Dipetik daripada
novel *Jendela Menghadap Jalan*
karya Ruhaini Matdarin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan manfaat-manfaat kesuburan tanah kepada penduduk Tenom.

- 2 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Leftenan, peluru hampir habis. Orang-orang kita tidak akan dapat bertahan lebih lama.”
 “Sistem perhubungan kita telah musnah. Kita tidak dapat meminta bantuan,” kata Leftenan Adnan.
 “Apa yang perlu kita lakukan sekarang?” tanya Sarjan Hasan lagi.
 “Teruskan bertahan. Jimatkan peluru dan pastikan satu peluru menumbangkan satu musuh,” perintah Leftenan Adnan.

Dalam hingar-bingar bunyi bom dan tembakan yang memekak telinga itu, Leftenan Adnan berusaha memberi semangat kepada anggotanya supaya terus berjuang. Ketika itu dilihatnya semakin ramai anggotanya terkorban. Kubu pertahanan bermandikan darah. Peluang menang amat tipis, tetapi dia tidak akan semudah itu mengaku kalah. Serangan tentera Jepun semakin hebat menjadikan keadaan semakin teruk.

Dipetik daripada
 novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*
 karya Abdul Latip Talib
 Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan arahan-arahan yang diberikan oleh Leftenan Adnan kepada Sarjan Hasan.

- 3 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Berapa kali aku harus beritahu kau, hah? Anak dalam kandunganmu itu hanya akan menyusahkan kita nanti!” herdik Doktor Sadiz kepada Raiha, sambil menegangkan tulang rahangnya.

“Kenapa?” cabar Raiha.

“Kehadiran anak itu kelak tidak akan kurestui,” pintas Doktor Sadiz. Riak wajahnya sangat serius.

“Terutama sekali, setelah gambar ultrasound, hal tersebut sudah jelas memperlihatkan bentuk bayi dalam kandunganmu itu lain daripada bayi lain yang normal tetapi kau degil terus. Kenapa?”

“Janin dalam kandunganku itu, anak kita juga bang. Anak yang halal dari segi hukum,” tingkah Raiha yang dibalut kedukaan yang amat pedih itu. “Janin itu juga bernyawa dan mempunyai roh seperti kita. Tidak mungkin saya tergamak untuk ...”

“Tidak tergamak, konon,” sela Doktor Sadiz, biarpun dengan nada yang perlahan, tetapi tetap kedengaran menggerunkan di telinga Raiha.

Dipetik daripada
 novel *Pantai Kasih*
 karya Azman Nordin
 Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan punca-punca Raiha berdegil untuk mempertahankan kandungannya.

- 4 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah berhempas pulas memikirkan strategi paling berkesan, Leftenan Renya Mutuguchi mendapat idea. Hasil risikan yang terbaharu memberikan keyakinan kepadanya strategi itu akan berjaya. Sebelum itu, dia harus berbincang terlebih dahulu dengan Mejar Kimura sebelum rancangan itu dijayakan. Hasil daripada perbincangan, jeneral itu menyatakan persetujuannya. Mereka benar-benar berazam untuk menumpaskan pasukan askar Melayu. Leftenan Renya Mutuguchi yakin hanya dengan menggunakan tipu helah sahaja askar Melayu itu dapat ditumpaskan.

Keesokan harinya, beratus-ratus orang tentera Jepun sudah siap dengan pakaian seragam tentera Sikh. Mereka mendapat pakaian itu daripada tentera Sikh yang dapat ditawan mereka. Muka dan tangan mereka disapu dengan pewarna supaya menyamai tentera Sikh. Pada perhitungan Leftenan Renya Mutuguchi, hanya ini sahaja satu-satunya jalan yang dapat mengelirukan musuh serta menghancurkan benteng pertahanan askar Melayu di Bukit Candu. Mereka mula bergerak menuju ke Pepys Road yang menghala ke Bukit Candu. Kemudian dari Pepys Road mereka menuju benteng pertahanan Pasukan Rejimen Askar Melayu.

Dipetik daripada
novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*
karya Abdul Latip bin Talib
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan tipu helah Leftenan Renya Mutuguchi untuk menumpaskan pasukan askar Melayu.

- 5 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Apabila Farisha dan Rosman telah masuk kembali ke dalam dewan, Aqram turun ke lobi hotel dan duduk di sebuah sofa empuk yang disediakan tidak jauh dari meja *conciierge*. Dia bersandar dan memejamkan mata. Kotak ingatannya mula memainkan semula setiap maklumat yang berjaya dirangkum dan disalin daripada fikiran Farisha sebentar tadi.

Aqram dapat melihat rasa ragu, risau, dan marah yang bercampur aduk. Nampaknya ada sedikit keraguan yang terpalit di minda Farisha tentang projek yang ditawarkan oleh Aqram sebentar tadi. Farisha tidak yakin tawaran itu serius. Dia juga rupanya berasa risau akan kereta Rosman yang kerap rosak. Mungkin nanti ada tugas-tugas yang bakal tertangguh akibat ketiadaan kenderaan. Di sebalik rasa itu, dia juga menyimpan sekelumit amarah terhadap tindakan abangnya, Azraai yang dirasakannya agak mengongkang hidupnya dan membataskan kebebasan akhir-akhir ini.

Dipetik daripada
novel *Di Sebalik Dinara*
karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan sebab-sebab Farisha berasa ragu, risau dan marah.

- 6 Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kau selalu marah-marah kepada orang putih kerana menjajah negeri kita. Tetapi hari ini kau puji pula mereka. Aku tak faham lah kau ini, Saidi,” kata Pak Karim pula sambil menggaru-garu kepalanya yang botak.

“Aku marah kerana mereka menjajah negeri kita. Aku suka kerana ilmu yang ada pada mereka. Kita perlu mempelajari ilmu daripada mereka,” kata Pak Saidi pula.

“Kerana itu kau hantar Adnan belajar di sekolah Inggeris?” tanya Pak Karim lagi.

“Itu sahaja caranya untuk anak aku mendapat ilmu pengetahuan. Kalau sekolah Melayu, cuma setakat sekolah rendah sahaja. Lepas itu anak aku tidak boleh belajar lagi. Tetapi kalau sekolah Inggeris, setelah tamat sekolah rendah boleh sambung ke sekolah menengah dan sampai ke sekolah tinggi. Mereka yang tamat sekolah tinggi boleh menjadi pegawai. Apabila banyak anak-anak Melayu berpelajaran tinggi dan menjadi pegawai, maka hidup kita tidak lagi miskin. Itu sahaja caranya untuk maju.”

Dipetik daripada
novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*
karya Abdul Latip bin Talib
Kementerian Pendidikan Malaysia

Mengapakah Pak Saidi menghantar Adnan belajar di sekolah Inggeris?



PRAKTIS NOVEL

Soalan 8 (ii)

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel yang berikut:

Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib

- 1 Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat memberikan inspirasi kepada pembaca.

- 2 Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

- 3 Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang perlu dihindari oleh masyarakat.

- 4 Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat memberikan iktibar kepada pembaca.

-
- This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper has a slight shadow on the right side, suggesting it's resting on a surface.

-
- This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

TOPIK 11

Rumusan

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

SOALAN 9 – RUMUSAN

- 1 Calon diberikan sekurang-kurangnya dua bahan daripada pelbagai sumber yang berbeza.
- 2 Semua bahan yang diberikan mempunyai tema yang sama.
- 3 Bahan petikan mempunyai tidak kurang daripada dua fokus.
- 4 Calon perlu mengenal pasti semua fokus yang terdapat dalam semua bahan.

Panduan Menulis

Pendahuluan

Pendahuluan perlu mengandungi tema dan fokus yang terdapat dalam bahan.

Isi/ Fokus

- Perlu mengemukakan sekurang-kurangnya lapan isi daripada bahan yang diuji.
- Ambil sekurang-kurangnya satu isi daripada setiap fokus yang terdapat dalam setiap bahan.
- Semua isi berdasarkan pemindahan maklumat sahaja.
- Isi bahan puisi mestilah diubah menjadi ayat bahasa Melayu standard yang gramatis (jika isinya tersirat)

Kesimpulan

Ditulis dalam satu ayat yang mengandungi tema, cadangan, kata kerja pasif, harapan dan kesan positif (huraian).

PANDUAN MENJAWAB SOALAN RUMUSAN

MODEL SPM TEMA: Keselamatan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Musim perayaan memberikan peluang kepada individu untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan melalui amalan ziarah-menziarahi. Walaupun amalan ini membawa kegembiraan kepada masyarakat, namun boleh menyebabkan peningkatan trafik yang ketara dengan aktiviti perjalanan lebih tinggi di jalan raya pada musim perayaan. Oleh hal yang demikian, keadaan keselamatan jalan raya semasa musim perayaan sering kali menjadi perhatian utama kerana risiko pengguna jalan raya terlibat dalam kemalangan adalah lebih tinggi. Menurut statistik kemalangan jalan raya daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), 90 peratus kemalangan berlaku berpunca daripada sikap pemandu. Sehubungan dengan itu, bersempena dengan musim perayaan Aidilfitri yang akan bermula dalam masa kurang daripada seminggu lagi, sikap pemandu yang berhemah merupakan salah satu usaha yang penting untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dan menjadikan perjalanan semasa musim perayaan lebih selamat.

Untuk memastikan pengguna jalan raya tiba dengan selamat ke destinasi masing-masing, beberapa sikap yang baik untuk dicontohi pemandu boleh diamalkan sebelum dan semasa perjalanan. Pemeriksaan kenderaan sebelum memulakan perjalanan ialah amalan yang bijak. Dengan melakukan pemeriksaan ini, individu boleh mengesan masalah kecil sebelum menjadi masalah besar yang akhirnya boleh menyebabkan kemalangan jalan raya berlaku. Selain itu, setiap individu perlu memastikan pemakaian tali pinggang keledar. Menurut kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat, individu yang tidak memakai tali pinggang keledar berisiko 30 kali lebih

cenderung tercampak keluar dari kenderaan semasa kemalangan. Ditambah lagi dengan sikap pemandu yang sering memotong kenderaan lain ketika berada di jalan raya menyebabkan kemalangan jalan raya berlaku.

Di samping itu, setiap individu perlu merancang perjalanan jauh semasa musim perayaan. Pemandu disarankan untuk berhenti berehat dan menghirup udara segar setiap dua jam perjalanan untuk merehatkan mental. Selain itu, minum air secara kerap boleh mengelakkan keletihan akibat dehidrasi. Pemandu juga digalakkan untuk memeriksa keadaan jalan, cuaca dan keadaan trafik sebagai sebahagian daripada perancangan perjalanan ke destinasi. Diharapkan kita tidak tergolong dalam individu yang menyumbang kepada statistik kemalangan jalan raya. Setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi undang-undang jalan raya dan mengamalkan pemanduan yang berhemah untuk keselamatan semua pengguna jalan raya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tingkat Keselamatan Jalan Raya, Kurang Risiko Kemalangan Musim Perayaan'
oleh Dr. Nurrul Hafeezah Sahak dan Dr. Zuritah A. Kadir
www.bernama.com

Bahan 2

Pantun Keselamatan di Jalan Raya

Dari Johor pulang ke Pekan,
Singgah terbuka di Seri Menanti;
Sika bersabar perlu diamalkan,
Ingatlah mereka yang menanti.

Banyak menderma si orang kaya,
Jiwa tenang kehidupan berkat;
Pandu berhemah di jalan raya,
Kekal fokus akan selamat.

Air surut sampan tersekat,
Ditolak ke tengah tanpa berpaut;
Hati kusut badan pun penat,
Boleh menyebabkan kemalangan maut.

Bahan 3

Kadar kemalangan di jalan raya terus meningkat. Rakyat seperti tidak sayang akan nyawa masing-masing.

Mungkin mereka mengantuk semasa memandu. Pemandu perlu segar semasa memandu.

Betul, tu. Lagi satu, ketika memandu usah melayan telefon pintar untuk mengelakkan kehilangan fokus semasa memandu.



Pendahuluan: Rumusan membincangkan punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor berlakunya kemalangan di jalan raya dan usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk mengatasi kemalangan di jalan raya.	
Fokus 1: Punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor berlakunya kemalangan di jalan raya	
Bahan 1	
A1	sikap pemandu
A2	individu yang tidak memakai tali pinggang keledar
A3	sikap pemandu yang sering memotong kenderaan lain ketika berada di jalan raya
Bahan 2	
B1	hati yang kusut dan badan yang penat
Bahan 3	
C1	rakyat seperti tidak sayang akan nyawa masing-masing
C2	mereka mengantuk semasa memandu
Fokus 2: Usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk mengatasi kemalangan di jalan raya	
Bahan 1	
D1	sikap pemandu yang berhemah
D2	pemeriksaan kenderaan sebelum memulakan perjalanan
D3	setiap individu perlu memastikan pemakaian tali pinggang keledar
D4	setiap individu perlu merancang perjalanan jauh semasa musim perayaan
D5	minum air secara kerap boleh mengelakkan keletihan akibat dehidrasi
D6	pemandu juga digalakkan untuk memeriksa keadaan jalan, cuaca dan keadaan trafik
Bahan 2	
E1	pemandu mengamalkan sikap bersabar
E2	memandu secara berhemah di jalan raya
Bahan 3	
F1	pemandu perlu segar semasa memandu
F2	usah melayan telefon pintar
Penutup: Kesimpulannya, kemalangan di jalan raya perlu dielakkan agar dapat menghindari kecederaan dan kematian.	

Rumusan Lengkap

Rumusan membincangkan punca-punca berlakunya kemalangan di jalan raya dan usaha-usaha untuk mengatasi kemalangan di jalan raya.

Punca berlakunya kemalangan di jalan raya ialah individu yang tidak memakai tali pinggang keledar dan sikap pemandu yang sering memotong kenderaan lain ketika berada di jalan raya. Seterusnya, hati yang kusut dan badan yang penat juga menyebabkan kemalangan di jalan raya. Di samping itu, rakyat seperti tidak sayang akan nyawa masing-masing boleh menyebabkan kemalangan di jalan raya.

Usaha-usaha untuk mengatasi kemalangan di jalan raya ialah setiap individu perlu memastikan pemakaian tali pinggang keledar. Selain itu, setiap individu perlu merancang perjalanan jauh semasa musim perayaan. Seterusnya, pemandu mengamalkan sikap bersabar dan memandu secara berhemah di jalan raya. Malahan, pemandu perlu segar semasa memandu dan usah melayan telefon pintar.

Kesimpulannya, kemalangan di jalan raya perlu dielakkan agar dapat mengelakkan kecederaan dan kematian.

(111 patah perkataan)



PRAKTIS 1 TEMA: Kesenian, Kebudayaan dan Estetika

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal setiap bahan.

Bahan 1

Setiap kaum di Malaysia mempunyai kuih tradisional masing-masing. Contoh kuih tradisional yang terdapat di negara ini ialah kuih ketayap, nekbak, bee koh, kaswi dan wade. Namun demikian, generasi kini semakin tidak mengenali kuih-muih tradisional apatah lagi generasi akan datang. Kita perlu sama-sama memikirkan cara yang sesuai supaya warisan ini tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Masalah utama yang dihadapi ialah resipi kuih tradisional tidak diselaraskan. Kebanyakan resipi kuih tradisional tidak disukat dengan unit yang selaras sebaliknya hanya menggunakan sukatan cawan. Apabila generasi akan datang mahu memasak, mereka menghadapi kesukaran kerana menggunakan alat sukatan yang tidak selaras.

Selain itu, kebanyakan kuih tradisional mengambil masa yang lama untuk disediakan. Tambahan pula, bahan-bahan untuk membuat kuih tradisional seperti ubi kayu sukar didapati di sesetengah tempat terutamanya di kawasan bandar. Keadaan ini menyebabkan ramai yang mengambil langkah mudah dengan hanya membeli kuih yang dijual. Masyarakat pada zaman ini juga kebanyakannya sibuk dengan kerjaya menyebabkan sukar untuk mereka meneruskan tradisi ini. Ramai yang lebih gemar untuk membeli dan menikmati makanan segera yang lebih cepat dan mudah disediakan. Golongan muda pula sering didedahkan dengan makanan ala Barat yang dianggap lebih enak daripada kuih tradisional.

Sebagai generasi yang masih mengetahui kewujudan kuih-muih tradisional ini, kita perlu melaksanakan pelbagai langkah supaya kuih-muih ini tidak hilang begitu sahaja. Pihak sekolah boleh mengadakan hari terbuka dengan meminta murid-murid menyediakan kuih-muih tradisional. Kemudian, murid-murid boleh mempromosikan kuih tradisional kepada pelawat-pelawat yang datang semasa hari terbuka tersebut. Pihak sekolah juga boleh mengadakan pertandingan memasak kuih-muih tradisional. Guru-guru boleh menganjurkan pertandingan memasak yang melibatkan warga sekolah. Hal ini secara tidak langsung dapat mempromosikan kuih-muih tradisional dengan lebih meluas. Diharap kita dapat meneruskan warisan ini sehingga generasi akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kuih Tradisional Semakin Dilupai'
oleh Ilaza
rezckitimor12.blogspot.com

Bahan 2

Hari Ahad nanti ada pesta makanan tradisional. Ada macam-macam kuih tradisional pelbagai kaum akan dijual. Adakah awak berdua akan pergi ke sana?

Saya akan pergi ke sana kerana saya suka mencuba pelbagai jenis makanan. Kita perlu hebakkannya dalam media sosial supaya lebih ramai yang akan mengunjungi pesta itu nanti.

Sudah tentu pergi. Ibu saya terlibat dalam demonstrasi memasak kuih seri muka dan tepung talam.



Bahan 3**Gurindam Istimewanya Kuih Tradisional**

Kuih tradisi warisan berzaman,
Perlu dijaga sepanjang zaman.

Promosi meluas dalam media sosial,
Menambah tarikan pandangan visual.

Gabung resipi dengan inovasi,
Rasa kekal tetap mengisi.

Jualan dalam talian strategi canggih,
Pembeli mencari penuh gigit.

Kuih tradisional perlu dimasyhur,
Supaya kekal subur dan unggul.

Haziq
Serdang

PRAKTIS 2 TEMA: Kesihatan dan Kebersihan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Kesihatan aset penting dalam kehidupan manusia dan menjadi aspek utama untuk kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat atau negara. Tanpa disedari, corak pengambilan makanan harian menunjukkan secara jelas tahap kesihatan seseorang pada masa depan. Meskipun ramai yang mengamalkan gaya hidup sihat namun ramai juga yang tidak berdisiplin dalam isu membabitkan pengambilan makanan dan penjagaan kesihatan. Tahap kesihatan masyarakat bermula dengan kesedaran dan celik kesihatan yang berasal dari dalam diri. Gaya hidup pula memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian sebagai langkah menjaga kesihatan diri. Kita tidak boleh bergantung pada sistem dan kemudahan kesihatan semata-mata jika konsep gaya hidup yang betul tidak diamalkan.

Kesihatan tidak hanya melibatkan kesalahan memilih makanan tetapi berkait rapat dengan proses gaya hidup seperti penjagaan diri dan emosi. Selain pengambilan makanan tidak seimbang, masalah emosi dan tekanan juga merupakan salah satu punca kesihatan merosot dan kemudian timbulnya penyakit. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa kesihatan yang baik turut merangkumi kesihatan mental, bukan fizikal semata-mata. Hal ini menunjukkan komponen kesihatan mental dalam kehidupan seseorang sangat penting. Gaya hidup kini yang serba pantas dan mencabar telah mengakibatkan peningkatan masalah kesihatan dan penyakit yang ketara. Sama ada sedar atau tidak, kemerosotan tahap kesihatan boleh menjejaskan kehidupan secara menyeluruh apatah lagi jika anda tidak mempunyai kewangan mencukupi untuk merawat dan mengubati penyakit yang dihidapi.

Kemajuan teknologi dan penemuan perubatan pada abad ini amat membanggakan. Pelbagai penyakit boleh diubati melalui teknologi. Kesimpulannya, kita berhadapan dengan pelbagai pilihan dalam urusan harian. Membuat pilihan dan keputusan merupakan sebahagian daripada proses kematangan. Kesihatan mempengaruhi aktiviti harian dan juga gaya hidup seseorang individu. Oleh hal yang demikian, individu, masyarakat, komuniti dan negara bertanggungjawab untuk bersama-sama menggembleng usaha untuk mencapai kehidupan yang sejahtera. Sebenarnya, tiada istilah terlambat bagi setiap orang untuk memulakan amalan gaya hidup sihat.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Selamatkan Diri dengan Ubah kepada Gaya Hidup Sihat’

www.mkn.gov.my

Bahan 2

Pantun Panduan Menjaga Kesihatan

Dari Kukup pergi ke Banting,
Bawa raga di dalam raga;
Tidur cukup sangatlah penting,
Bangun pagi lebih bertenaga.

Daun palas dianyam jemari,
Rendang dimasak berkuah santan;
Air diminum enam gelas sehari,
Minumlah banyak demi kesihatan.

Terbang ligat si anak kumbang,
Terpikat warna putih melati;
Pilihlah makanan yang seimbang,
Supaya tubuh tidak obesiti.

Jika sikap macam itu, susahlah. Dia juga tidak mahu ke klinik jika sudah demam beberapa hari. Sebaliknya dibiarkan baik sendiri.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

PRAKTIS 3 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Saban hari kita dikejutkan dengan berita-berita tentang kegiatan jenayah alam sekitar yang boleh disifatkan semakin meruncing. Mungkin itu risiko dan cukai yang perlu dibayar jika ingin menjadi negara yang maju. Namun, alam tidak boleh dikorbankan sewenang-wenangnya. Kita tidak boleh mengamalkan sikap acuh tak acuh dan mengambil mudah terhadap masalah pencemaran yang terus berlaku. Dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar maka pendidikan alam sekitar perlulah diterapkan sedari awal lagi.

Kesedaran untuk terus memulihara dan memelihara alam sekitar harus bermula dari dalam diri sendiri. Malaysia memiliki kepelbagaian biologi yang tidak ternilai dengan wang ringgit, justeru usaha harus digiatkan untuk menjaga amanah Tuhan yang sangat bermakna ini. Marilah kita bersama-sama terus memainkan peranan masing-masing sebagai warga yang bertanggungjawab untuk memelihara dan memulihara alam kurniaan Tuhan. Pemuliharaan terhadap alam sekitar adalah amat penting untuk mengelakkan kepupusan flora dan fauna. Penebangan hutan yang tidak terancang akan menyebabkan cuaca menjadi panas dan kering. Perkara ini akan menjejaskan pertumbuhan flora dan fauna pula akan kehilangan habitatnya. Pemuliharaan terhadap alam sekitar adalah penting untuk mengelakkan kepupusan. Dengan itu, habitat hidupan darat dan air terpelihara.

Selain itu, pemuliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat penting agar manusia mendapat sumber air yang bersih dan tidak tercemar kerana hutan dapat berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan. Kehadiran hutan-hutan tadahan hujan akan menakung air hujan secara semula jadi dalam kuantiti yang besar. Oleh itu, kita perlu menjaga kebersihan sungai agar sumber air yang kita peroleh selamat untuk digunakan. Hidupan air juga akan mati sekiranya hidup dalam air yang tercemar. Hutan juga perlu dipelihara untuk mengelakkan suhu bumi meningkat dan pemanasan global. Melalui persekitaran yang segar dan nyaman juga, orang ramai boleh melakukan aktiviti luar dan beriadah tanpa gangguan yang boleh menimbulkan perasaan rimas, marah dan tidak selesa. Aktiviti riadah yang dijalankan dalam keadaan bersih akan menguatkan kesihatan kita. Dengan ini, kesihatan manusia akan terjamin.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Kita'
www.mkn.gov.my

Bahan 2

Indahnya Alam

Hijau daun biru langit
Indah sungguh alam semesta
Namun kini mula sakit
Kerana tangan kita semua.

Hutan itu sumber kehidupan
Jagalah jangan disakiti
Pokok ditanam hutan dijaga
Sungai jernih jangan dicemari
Airnya bersih tatapan generasi.

Alisa
Puchong, Selangor

Cikgu mahu anda menjawab soalan cikgu pada hari ini. Bagaimanakah anda dapat memelihara alam sekitar?

Kita boleh menanam pokok, cikgu.
Pokok membekalkan oksigen dan boleh
menyejukkan bumi.

Kita boleh menanam pokok, cikgu.
Pokok membekalkan oksigen dan boleh
menyejukkan bumi.

Kita boleh kitar semula barang seperti plastik, kertas dan tin.

Kita kena buang sampah di tempatnya. Jangan buang sampah ke dalam sungai atau longkang.

Kita kena buang sampah di tempatnya. Jangan buang sampah ke dalam sungai atau longkang.



PRAKTIS 4 TEMA: Pendidikan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Membaca Jambatan Ilmu. Peribahasa yang ringkas dan padat ini membawa maksud amalan membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan kita. Namun begitu, sesetengah rakyat Malaysia dilihat seolah-olah kian malas membaca pada hari ini. Jika ingin dibandingkan generasi dahulu dengan generasi hari ini, sudah pastinya terdapat banyak perbezaan. Perkembangan teknologi membolehkan maklumat yang diakses semudah dengan satu ketikan di hujung jari. Bukankah sepatutnya teknologi ini membawa banyak manfaat jika digunakan dengan sebaiknya? Sesungguhnya, amatlah tidak adil jika kita memukul rata semua rakyat Malaysia culas untuk membaca.

Realitinya masih ada generasi pada hari ini yang gemar membaca. Cuma kebanyakan daripada mereka tidak lagi membaca bahan bacaan yang berbentuk fizikal. Sebaliknya, rata-rata telah beralih kepada medium pembacaan melalui peranti komputer riba dan telefon pintar. Bagaimanapun, generasi muda pada hari ini dilihat lebih gemar membaca berita berbentuk hiburan semasa seperti berita tentang artis daripada pembacaan berbentuk ilmiah. Golongan belia dan remaja pada hari ini kebanyakannya tidak lagi menjadikan membaca sebagai satu hobi atau aktiviti untuk dilakukan pada masa senggang. Selain itu, melalui pemerhatian dalam laman media sosial, segelintir rakyat Malaysia gemar membaca tajuk sesuatu berita tanpa membaca inti pati kandungan sebenarnya. Maka tidak hairanlah jika berita palsu mudah disebarkan secara berleluasa menerusi aplikasi media sosial. Sikap malas membaca dan membuat andaian terus daripada tajuk sahaja haruslah dibuang demi kemaslahatan bersama.

Bagi golongan murid pula, mereka tidak dapat dipisahkan dengan aktiviti membaca khususnya bahan bacaan akademik. Namun begitu, mentaliti para murid kebanyakannya ialah mereka membaca hanya untuk lulus peperiksaan. Ramai yang tidak sedar bahawa membaca boleh meningkatkan daya pemikiran dan memperkaya ilmu pengetahuan. Dalam mendepani era teknologi yang semakin pesat, budaya membaca dilihat semakin pudar dalam kalangan rakyat Malaysia. Sejarah telah merakamkan bahawa bangsa yang berjaya ialah bangsa yang membaca. Membaca merupakan titik permulaan dalam eksplorasi ilmu golongan cendekiawan. Mampukah tokoh-tokoh besar ataupun golongan ilmuwan wujud seandainya mereka enggan atau culas membaca? Tepuk dada, tanyalah minda.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Benarkah Rakyat Malaysia Culas Membaca?'
oleh Farhanah Abd Hamid
www.bernama.com

Bahan 2

Seloka Membaca Jambatan Ilmu

Membaca itu jambatan ilmu
Buka minda, janganlah jemu
Tua dan muda bersatu padu
Dengan membaca bangsanya maju.

Aduhai masyarakat mari berfikir
Tanpa ilmu pasti berakhir
Berusahalah membaca janganlah kikir
Agar masa depan harum terukir.

Amalan membaca bukanlah susah
Ibarat hidup di taman raudah
Budaya membaca menjadi mudah
Hidup ceria hilanglah gundah.

Haiqal
Cyberjaya

Bahan 3**MEMO PROGRAM BACAAN 10 MINIT**

- ❖ Semua murid diingatkan agar tiba di sekolah 10 minit sebelum loceng berbunyi. Pengawas akan mencatat nama murid yang lewat untuk tindakan yang sesuai.
- ❖ Murid yang datang awal hendaklah terus berkumpul di tapak perhimpunan. Manfaatkan masa terluang dengan aktiviti yang berfaedah.
- ❖ Murid-murid diingatkan agar mengeluarkan sebarang bahan bacaan untuk Program Bacaan 10 Minit.
- ❖ Melalui program ini, murid dapat menggunakan masa senggang dengan perkara yang berfaedah. Murid juga dapat mengulang kaji pelajaran secara sendiri apabila membaca.



PRAKTIS 5 TEMA: Pelancongan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Pandemik COVID-19 dianggap kejutan besar yang hampir melumpuhkan industri pelancongan dunia dalam tempoh 48 bulan antara tahun 2020 hingga 2022. Namun, dedikasi badan dunia dengan sokongan negara global berjaya mengawal penularan COVID-19 daripada terus menganas sekali gus memberikan nafas baharu kepada seluruh industri penting termasuk pelancongan. Dalam konteks Malaysia, sektor pelancongan dijangka terus meningkat dan berkembang dengan jangkakan menerima kunjungan 15 juta orang pelancong antarabangsa walaupun negara masih berada dalam fasa peralihan ke endemik.

Berikutan itu, kesiapsiagaan sektor ini dalam menghadapi sebarang musibah seperti banjir atau wabak penyakit sangat penting untuk mencapai sasaran yang dijangkakan. Banjir menyebabkan kerosakan kemudahan pelancongan seperti hotel, restoran dan tempat tarikan pelancong seterusnya mengurangkan jumlah kunjungan pelancong ke kawasan terabit. Banjir juga membahayakan keselamatan pengembara dan mungkin menghalang pelancong ke kawasan yang dilanda banjir. Hal ini boleh menyebabkan penurunan jumlah kunjungan pelawat, sekali gus menjejaskan pendapatan sektor pelancongan. Secara keseluruhan, banjir atau bencana alam boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada penggiat sektor pelancongan, lebih-lebih lagi mereka terpaksa mengambil masa dan usaha yang besar untuk memulihkan kerugian ini semula.

Walau bagaimanapun, kerajaan dan pihak berkaitan boleh berkolaborasi untuk mengelola risiko dan mengambil tindakan awal. Tindakan ini dapat mencegah atau mengurangi impak negatif bencana alam, menjamin keamanan pelancong dan penduduk serta persekitaran kesihatan terkawal. Dalam hal ini, kerajaan boleh menyediakan fasiliti dan bantuan kesihatan yang sesuai untuk menangani masalah kesihatan yang mungkin terjadi kepada pelancong seperti serangan wabak COVID-19 sebelum ini. Pembangunan sistem maklumat yang cepat dan efektif juga wajar untuk menyebarkan laporan terkini keadaan semasa dan arahan pemindahan kepada pelancong jika berlaku perkara yang tidak diingini. Untuk memastikan penggiat industri sentiasa bersedia dengan perkara luar jangka, setiap pekerja dalam industri pelancongan perlu diwajibkan mengikuti latihan kemahiran menangani situasi bencana dan menjaga keselamatan pelancong sebagai langkah awal.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sektor Pelancongan Kena Siap Siaga Berdepan Bencana'
oleh Syukuriah Idrus
www.bharian.com.my

Bahan 2

BELANJAWAN SEKTOR PELANCONGAN NEGARA

Peruntukan sebanyak RM350 juta untuk sektor pelancongan

- Penganjuran Kempen Melawat Malaysia 2026
- Kerjasama dengan industri untuk promosi dan penganjuran acara pelancongan dalam dan luar negara
- Bantuan kepada penggiat kebudayaan untuk menganjurkan aktiviti seni dan budaya
- Dana untuk membangunkan industri pelancongan mesra Muslim

Ali : Hai, John! Lama tidak nampak. Awak dari mana? Nampak letih saja.

John : Hai, Ali! Saya baru balik dari Pulau Langkawi. Tapi sayangnya, cuaca tidak begitu baik kebelakangan ini. Hujan lebat dan banjir menyebabkan banyak kawasan tarikan pelancongan ditutup.

Ali : Oh, saya dengar juga tentang itu! Bencana alam seperti hujan lebat, banjir dan tanah runtuh memang memberikan kesan besar kepada sektor pelancongan negara kita.

John : Betul, Ali. Apabila banjir berlaku, banyak pelancong asing membatalkan tempahan hotel dan penerbangan. Mereka takut terkandas. Peniaga kecil yang bergantung pada pelancongan pun hilang pendapatan.

Ali : Tepat sekali. Selain banjir, gempa bumi kecil dan ribut taufan pun boleh menjejaskan pelancongan. Apabila berlaku bencana, infrastruktur seperti jalan raya, hotel dan lapangan terbang rosak teruk. Jadi, ramai yang memilih untuk pergi ke destinasi lain yang lebih selamat.

John : Semoga keadaan akan pulih dengan cepat, Ali. Saya pasti banyak pelancong akan kembali jika langkah sewajarnya diambil.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

PRAKTIS 6 TEMA: Sukan dan Rekreasi

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Visi Sukan Negara 2030 (VSN2030) akan menjadi hala tuju dan perancangan baharu pembangunan sukan negara yang dipetakan secara komprehensif, bersepadu dan kolektif bagi tempoh 10 tahun. Selaras dengan Visi Sukan Negara 2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), program pembangunan sukan penting untuk mewujudkan budaya bersukan. Pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan dalam usaha menyokong budaya bersukan dan aktiviti sukan di negara ini termasuk Inisiatif Sukan Rahmah yang dilancarkan oleh Menteri Belia dan Sukan pada awal bulan ini untuk membantu lapisan masyarakat yang kurang berkemampuan untuk bersukan.

Model Pembangunan Belia MADANI 2030 juga memberikan penekanan terhadap kecergasan dan kesejahteraan hidup terutama golongan belia dinamik, kompeten, berdaya saing serta berdaya tahan untuk menghadapi cabaran. Peraturan individu yang terbabit dalam sukan masih rendah dan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa dengan cara menggalakkan aktiviti sukan dengan tawaran ganjaran melalui pertandingan. Program sukan berbentuk pertandingan seumpama ini menawarkan ganjaran yang berbaloi kepada pemenang, sekali gus menjadi antara faktor penarik individu untuk menyertainya. Objektif program ini adalah untuk melatih masyarakat tempatan melaksanakan aktiviti sukan, menggalakkan masyarakat membudayakan sukan, sekali gus meningkatkan kemahiran sukan dalam kalangan komuniti setempat.

Namun demikian, cabaran utama dalam usaha menggalakkan aktiviti sukan ialah desakan kehidupan masyarakat. Keperluan mencari jalan meneruskan kelangsungan hidup lebih utama daripada bersukan. Selain itu, tuntutan melaksanakan tugas dalam pelajaran juga memerlukan pengorbanan masa. Malahan terdapat juga masyarakat yang tidak gemar bersukan kerana kurangnya kesedaran tentang kebaikan bersukan kepada diri. Tidak hairanlah, bersukan tidak menjadi keutamaan dalam perancangan aktiviti seharian sebahagian besar rakyat Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pertandingan Pupuk Budaya, Minat Bersukan'
oleh Shahhanim Yahya dan Nur Shazwanie Rosehan
www.bharian.com.my

Bahan 2

Saya minat dalam sukan berbasikal trek, tetapi kurang kemudahan untuk sukan itu di kawasan tempat tinggal saya.

Saya pula bukan tidak gemar bersukan tetapi masalah kesihatan yang saya alami menyukarkan saya untuk aktif bersukan.



TOPIK 12

Bertutur

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN
rb.gy/kuOmx

ASPEK YANG DITAKSIR (UJIAN BERTUTUR INDIVIDU)

Murid perlu menggunakan bahasa yang gramatis, iaitu penggunaan kosa kata sangat tepat dan sangat betul. Selain itu, sebutan perlulah tepat, jelas, intonasi dan nada betul seperti penutur jati. Intonasi sesuai dan ayat yang sesuai. Idea perlulah relevan dan tepat dengan tugas, diuraikan dengan jelas dan matang mengikut konteks.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN BERTUTUR


BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BERSATU KITA TEGUH



Kementerian Perpaduan Negara melancarkan Minggu Perpaduan untuk memperkasa agenda perpaduan negara dan integrasi nasional. Program ini mampu memberi peluang kepada masyarakat mempelajari dan memahami kepelbagaian adat, budaya dan kaum di negara ini. Antara aktiviti utama program ini ialah Pameran Panel *Moment of Unity* yang menunjukkan perpaduan dan kepelbagaian adat masyarakat berbilang kaum di negara kita selain persembahan kebudayaan pelbagai etnik dan pameran Rumah KAMI yang memaparkan maklumat berkaitan dengan pakaian, makanan, sukan rakyat masyarakat Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak. Inisiatif ini perlu disokong oleh semua agensi kerajaan dan juga NGO kerana usaha memperkasa perpaduan ialah tanggungjawab kita bersama. Setiap agensi kerajaan juga perlu melaksanakan program yang boleh merapatkan tali persaudaraan. Aktiviti memupuk semangat kekitaan juga perlu disemarakkan pada peringkat sekolah dan universiti untuk memelihara jambatan perpaduan yang ada dan menjamin kestabilan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.bharian.com.my>

Soalan Rangsangan


- 1 Apakah aktiviti utama yang dijalankan dalam program Minggu Perpaduan.
- 2 Mengapakah aktiviti kekitaan perlu disemarakkan?
- 3 Pada pendapat anda, apakah kepentingan perpaduan kepada rakyat dan negara?
- 4 Jelaskan program yang boleh diadakan di sekolah untuk membentuk perpaduan dalam kalangan murid.

PANDUAN JAWAPAN BAGI SOALAN UJIAN BERTUTUR

- 1 Aktiviti utama pada program ini ialah Pameran Panel *Moment of Unity* yang menunjukkan perpaduan dan kepelbagaian adat masyarakat berbilang kaum di negara kita selain persembahan kebudayaan pelbagai etnik dan pameran Rumah KAMI yang memaparkan maklumat berkaitan dengan pakaian, makanan serta sukan rakyat masyarakat Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak.
- 2 Aktiviti memupuk semangat kekitaan juga perlu disemarakkan pada peringkat sekolah dan universiti untuk memelihara jambatan perpaduan yang ada dan menjamin kestabilan negara.
- 3 Pada pendapat saya, kepentingan perpaduan kepada rakyat dan negara:
 - perpaduan mengelakkan konflik dan memastikan keamanan dalam kalangan rakyat
 - memupuk semangat kekitaan dan saling menghormati antara kaum dan agama
 - kerjasama antara rakyat membantu menjayakan program pembangunan ekonomi dan sosial
 - negara yang aman dan bersatu menjadi destinasi pilihan untuk pelabur luar
 - perpaduan menggalakkan masyarakat bersikap terbuka dan bersedia bekerjasama demi kemajuan bersama
- 4 Program yang boleh diadakan di sekolah untuk membentuk perpaduan dalam kalangan murid ialah:
 - sambutan perayaan pelbagai kaum seperti hari kebudayaan atau pesta perpaduan diadakan untuk mengenali adat dan tradisi kaum lain
 - pertandingan sukan diadakan melibatkan kerjasama antara murid pelbagai kaum diadakan di sekolah
 - program rakan sebaya dijalankan untuk menggalakkan interaksi antara murid berlainan bangsa melalui kumpulan belajar atau mentor-mentee
 - projek gotong-royong untuk memupuk semangat kerjasama
 - ceramah dan forum perpaduan diadakan untuk berkongsi kepentingan perpaduan dan cara mengamalkannya
 - menjalankan aktiviti seperti perkhemahan yang melibatkan murid daripada latar belakang yang berbeza

BAHAGIAN A **INDIVIDU****PRAKTIS 1** **TEMA: Sains, Teknologi dan Inovasi**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

REVOLUSI INDUSTRI KEEMPAT (IR 4.0)


Perkembangan revolusi industri keempat (IR 4.0) kini telah menyebabkan penggunaan teknologi dalam pertanian moden semakin meluas dengan melibatkan pelbagai penggunaan teknologi baharu. Penggunaan teknologi data raya yang mengintegrasikan sistem dengan kecerdasan buatan (AI) membolehkan petani mendapat maklumat melalui pelantar tambahan pengkomputeran awan dan proses simulasi untuk membuat keputusan dengan cepat dan tepat. Selain itu, pertanian pintar dalam sektor perladangan seperti penggunaan dron membolehkan operasi tanaman atau perladangan dapat dijalankan secara dalam talian. Pada peringkat pengkomersialan pula, penggunaan teknologi rantai blok dilihat sangat sesuai digunakan, iaitu dengan penggunaan mata wang yang berbentuk digital. Dalam hal ini, sistem perdagangan yang juga dikenali sebagai e-dagang dapat dilaksanakan secara maya pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Memperkasa Pertanian Moden Melalui Penggunaan Teknologi Terbaharu’
 oleh Prof. Dr. Rusli Abdullah
<https://www.hmetro.com.my>

PRAKTIS 2 TEMA: Sejarah dan Warisan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

WAU



Wau pelbagai bentuk, saiz dan warna berterbangan megah di ruang angkasa membuatkan penciptanya bangga dengan karya seni yang melambangkan kemegahan warisan budaya permainan tradisional itu. Mohd Haniff, 42, pembuat wau termuda di Kelantan berjaya meraih tempat pertama dalam pertandingan mencipta wau baru-baru ini. Kesungguhan Mohd Haniff memelihara seni kraf yang semakin ditelan zaman ini haruslah diberikan pujian. Kesungguhan beliau dapat dilihat apabila beliau mengendalikan bengkel yang disertai oleh penduduk tempatan dan pelancong dari Amerika Syarikat dan Korea. Beliau turut menganjurkan kelas untuk murid sekolah menengah dan rendah mengenai selok-belok pembuatan wau dengan harapan dapat menyemai minat mereka terhadap seni kraf ini. Selain itu, beliau turut berkongsi video tentang cara pembuatan wau melalui media sosialnya kerana beliau mahu memartabatkan simbol warisan budaya itu.


Dipetik dan diubah suai daripada
'Wau Gah Terbang di Ruang Angkasa'
www.bharian.com.my



PRAKTIS3 TEMA: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PEMULIHARAAN HUTAN



Pelaksanaan projek pemuliharaan hutan penting untuk melindungi kepelbagaian biodiversiti di negara ini. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh sektor awam dan swasta untuk melindungi hutan di negara kita. Sebagai langkah untuk memulihara alam sekitar, syarikat peruncit pakaian global, UNIQLO telah menyumbangkan dana berjumlah RM200,000.00 kepada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menyokong program pemuliharaan hutan di negara ini. Sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada hasil yang diperoleh menerusi pembelian beg beli-belah kertas UNIQLO. Sumbangan ini digunakan untuk projek inventori pokok dan pemetaan, aktiviti pemantauan serta penyelenggaraan. Menurut Pengarah Undang-undang, Kelestarian dan Perhubungan Awam Korporat UNIQLO Malaysia, Evelyn Tan, kerjasama antara UNIQLO dengan FRIM dapat meningkatkan inisiatif pemuliharaan hutan dan meningkatkan kesedaran tentang keperluan untuk melindungi kawasan hijau tempatan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Sumbang RM200,000 Usaha Pemuliharaan Hutan Malaysia’
 oleh Zuraini Mohd Khalid
www.kosmo.com.my

PRAKTIS 4 TEMA: Pendidikan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERANAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI SEKOLAH


Guru bimbingan dan kaunseling sekolah memainkan peranan penting untuk melahirkan murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Antara peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah termasuklah memotivasikan murid-murid yang kurang yakin akan kebolehan diri, murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran, murid yang mudah berputus asa dan murid yang mempunyai masalah disiplin. Selain itu, guru bimbingan dan kaunseling juga berperanan untuk membimbing murid memperoleh kemahiran belajar, cara-cara mengawal tekanan, kemahiran mengurus masa dan teknik belajar berkesan serta menjawab peperiksaan. Guru bimbingan dan kaunseling hendaklah mengadakan sesi kaunseling sama ada secara individu ataupun berkelompok dalam usaha membantu menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan murid. Guru bimbingan dan kaunseling perlulah mematuhi etika, bijaksana dan bertindak secara profesional untuk menangani masalah yang dihadapi oleh murid-murid.

Sumber: Internet

PRAKTIS 5 TEMA: Sukan dan Rekreasi

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERMAINAN TRADISIONAL



Malaysia kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional. Namun, permainan tradisional ini kian dilupakan kerana pengaruh permainan moden yang terdapat dalam telefon bimbit ataupun dalam Internet. Permainan tradisional merupakan satu warisan kebudayaan yang pernah popular suatu masa dahulu. Masyarakat dahulu menjadikan permainan tradisional sebagai wahana memupuk semangat ukhuwah antara penduduk selain mengisi masa senggang dengan perkara berfaedah. Antara permainan tradisional yang dikenali sebagai permainan rakyat termasuklah guli, congkak, wau, sepak raga dan gasing. Pelbagai pihak sama ada kerajaan, ibu bapa, masyarakat dan media massa haruslah memainkan peranan masing-masing untuk mempopularkan permainan tradisional ini kepada seluruh masyarakat agar permainan ini akan terus kekal dalam kehidupan masyarakat. Festival Permainan Tradisional secara besar-besaran perlu diadakan untuk memberikan peluang kepada seluruh rakyat mengenali permainan tradisional ini secara lebih dekat.


Sumber: Internet



PRAKTIS 6 TEMA: Sains, Teknologi dan Inovasi

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENGUNAAN DRON DALAM SEKTOR PERTANIAN




Pengenalan dron dalam landskap pertanian telah berubah. Kaedah pertanian konvensional yang sering dikekang oleh keterbatasan tenaga kerja manusia dan jentera berasaskan darat, kini telah ditingkatkan secara radikal melalui penggunaan teknologi dron. Dron menawarkan pandangan mata burung ke ladang, membolehkan petani memantau kesihatan tanaman, menilai keadaan tanah dan mengurus sumber dengan ketepatan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Perspektif udara ini bukan hanya mengenai pemerhatian tetapi membolehkan campur tangan yang disasarkan, sama ada penyemburan racun perosak yang tepat, penggunaan air yang cekap atau strategi penanaman. Penyepaduan dron dalam amalan perladangan mewakili lonjakan ke hadapan dalam kecekapan pertanian, kemampanan dan pembuatan keputusan berasaskan data, membuka jalan kepada pendekatan pertanian yang lebih produktif dan mesra alam. Penggunaan dron membolehkan produk pertanian dijaga dengan lebih baik dan memudahkan para petani mengusahakan kawasan pertanian dengan lebih cekap, berkualiti dan berkesan. Kepentingan penggunaan dron termasuklah menjimatkan masa, memudahkan kerja penyelenggaraan tanaman dan mengurangkan penggunaan tenaga manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bagaimanakah Dron Digunakan dalam Pertanian?'

www.spideruav.com


PRAKTIS 7 TEMA: Perpaduan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEMANGAT PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA


Malaysia telah mencapai kemajuan luar biasa sejak mencapai kemerdekaan dengan mewujudkan peluang pekerjaan, pendidikan, ekonomi, malahan politik untuk semua kaum dan agama supaya dapat berkembang maju. Sistem pendidikan yang merangkumi pelbagai bahasa memberikan peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk menerima pendidikan yang berkualiti. Pembangunan infrastruktur moden, sektor perindustrian yang berkembang maju dan pelbagai inisiatif pembangunan sosial mencerminkan semangat cinta akan negara melalui kemajuan ekonomi yang cemerlang. Kepentingan membangkitkan semangat cinta akan negara dapat dilihat melalui usaha pelbagai kaum dan agama dalam menjalankan kerja-kerja amal serta sukarela. Contohnya, program kebajikan dan kemasyarakatan yang dijalankan oleh badan agama serta pertubuhan sukarela daripada pelbagai lapisan masyarakat. Kebersamaan dalam membantu golongan yang memerlukan merupakan contoh jelas tentang semangat cinta akan negara boleh diterjemahkan dalam bentuk tindakan positif. Untuk mengekalkan semangat cinta akan negara, rakyat Malaysia dituntut memainkan peranan penting dalam menghayati kepelbagaian budaya serta menghormati perbezaan agama.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Membina Malaysia Cemerlang melalui Perpaduan Kaum’
 oleh Dr. Ahmad Nasir Mohd. Yusoff
www.kosmo.com.my

PRAKTIS 8 TEMA: Kesihatan dan Kebersihan

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENGAMBILAN MAKANAN TAMBAHAN

Menjelang abad ke-21, permintaan untuk makanan tambahan meningkat secara mendadak selaras dengan peningkatan taraf hidup masyarakat di seluruh dunia. Manusia cuba memanjangkan jangka hayat dan memastikan kualiti hidup yang lebih baik dengan penggunaan perubatan alternatif dan produk semula jadi seperti makanan tambahan. Makanan tambahan merupakan bahan gantian yang baik sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam pemakanan seharian. Namun begitu, ramai yang tidak sedar akan kesan pengambilan makanan tambahan lebih daripada kadar keperluan harian yang disyorkan serta pengambilan bersama dengan ubat-ubatan yang biasa diberikan oleh doktor. Sekiranya seseorang itu mengamalkan pemakanan yang betul dan cukup, mereka tidak memerlukan makanan tambahan untuk keperluan nutrisi. Namun begitu, terdapat pengecualian seperti penyakit-penyakit yang memerlukan makanan tambahan untuk membantu mengurangkan simptom atau dapat menjadi penyembuh. Sehubungan dengan itu, seseorang yang sempurna kesihatan dan ingin mengambil makanan tambahan harus berhati-hati agar tidak melebihi keperluan harian yang disyorkan kerana pengambilan tanpa kawalan mungkin akan memudaratkan kesihatan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Makanan Tambahan: Apa yang Anda Perlu Tahu'
oleh Chong Fui Pin
www.mm Gazette.com

BAHAGIAN B KUMPULAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

1 Sukan dan Rekreasi

Aktiviti sukan banyak membawa manfaat kepada masyarakat dan negara.

Bincangkan.

2 Pendidikan

Budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia perlu dipupuk sejak kecil lagi.

Bincangkan.

3 Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Keusahawanan

Amalan berjimat cermat membawa seribu satu kebaikan.

Bincangkan.

4 Sejarah dan Warisan

Keunikan budaya masyarakat majmuk di Malaysia telah memberikan kesan kepada ekonomi negara.

Bincangkan.

5 Pelancongan

Industrian pelancongan telah memberikan sumbangan yang besar kepada penduduk.

Bincangkan.

6 Budaya dan Kesusasteraan

Penguasaan pelbagai bahasa mampu meningkatkan kebolehpasaran seseorang individu.

Bincangkan.

7 Integriti

Rasuah perlu dibendung demi kepentingan negara.

Bincangkan.

8 Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Semangat patriotik amat penting untuk mengekalkan kestabilan politik negara.

Bincangkan.

9 Perpaduan

Pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Bincangkan.

TOPIK 13

Mendengar

VIDEO ULASAN
JAWAPANVIDEO
PEMBELAJARAN

AUDIO



PETIKAN PERTAMA FRIM FOREST PARK SELANGOR

Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Dokumen pencalonan FRIM Forest Park Selangor sebagai Tapak Warisan Dunia telah dikemukakan kepada pihak _____ UNESCO di Paris.
- [1 markah]

- 2 Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (X) pada pernyataan yang **salah**.

(i) Usaha pencalonan tapak ini telah bermula sejak tahun 2017.	
(ii) Keputusan bagi pencalonan ini dijangka bakal diketahui pada Mei atau Julai tahun 2025.	
(iii) Proses penilaian sekitar 18 bulan bermula dari tarikh penghantaran dokumen pencalonan.	

[2 markah]


Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 3**.

- 3 Malaysia telah mempunyai empat Tapak Warisan Dunia UNESCO, iaitu

- I Taman Kinabalu.
- II FRIM Forest Park Selangor.
- III Taman Negara Gunung Mulu.
- IV Warisan Arkeologi Lembah Lenggong.
- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan III
- D I, III dan IV

[1 markah]

- 4 Lengkapkan maklumat di bawah.



[2 markah]

- 5 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berharap agar usaha ini memberikan nilai tambah kepada FRIM Forest Park Selangor sebagai salah satu _____ pelancongan utama di negeri Selangor.

[1 markah]



PETIKAN KEDUA

KECERDASAN BUATAN (AI)

Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Dalam bidang perubatan, teknologi AI dapat membantu doktor untuk _____ penyakit dengan lebih cepat.

[1 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 2.

- 2 Penggunaan AI dalam pertanian dapat membantu petani, **kecuali**

- A hasil tanaman berkualiti.
- B merancang penanaman.
- C memantau tanaman.
- D mengesan pesakit.

[1 markah]

- 3 Lengkapkan maklumat yang berikut.

masalah sosial	kadar pengangguran meningkat
(i) melemahkan _____	(ii) menjadi _____ atau kecurian identiti


[2 markah]

- 4 Tandakan (✓) pernyataan yang **betul** dan (X) pada pernyataan yang **salah**.

(i) Negara-negara maju dapat memanfaatkan AI dengan sepenuhnya.	
(ii) Negara-negara yang kurang maju mungkin ketinggalan.	
(iii) Jurang ekonomi antara negeri semakin melebar.	

[2 markah]

- 5 Apakah cara-cara mengawal penggunaan AI?



[2 markah]

**PETIKAN KETIGA****SEKTOR PELANCONGAN DI MALAYSIA**

Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Sektor pelancongan di Malaysia menyasarkan kedatangan sebanyak _____ juta orang pelancong dengan anggaran pendapatan _____ bilion tahun ini.

[2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 2**.

- 2 Apakah fokus utama kempen Tahun Melawat Malaysia yang dijalankan oleh kementerian?

- A Membina lebih banyak hotel baharu
- B Menawarkan pakej pelancongan luar negara
- C Menyediakan pengangkutan percuma untuk pelancong
- D Mempergiat promosi ekopelancongan dan warisan budaya

[1 markah]

- 3 Tandakan (✓) pada **dua** kenyataan yang betul berdasarkan wawancara.

(i) Program inap desa membantu menjana pendapatan kepada penduduk tempatan.	
(ii) Sektor pelancongan Malaysia bebas daripada persaingan serantau.	
(iii) Kementerian bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk tambang murah.	
(iv) Malaysia hanya menumpukan kepada pelancongan bandar.	

[2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 4**.

- 4 Apakah cabaran utama sektor pelancongan Malaysia?

- A Kos tinggi untuk promosi global
- B Kekurangan pelancong tempatan
- C Ketiadaan kerjasama komuniti tempatan
- D Persaingan serantau dan standard perkhidmatan

[1 markah]

- 5 Komuniti tempatan melalui program _____ memberikan peluang kepada pelancong untuk merasai _____ setempat sambil menjana pendapatan bagi penduduk tempatan.

[2 markah]



Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 825) yang berkuat kuasa pada Selasa ini dijangka mampu memberi impak positif kepada _____ dan _____.

[2 markah]

- 2 Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad mengumumkan bahawa Akta 825 akan dikuatkuasakan mulai 1 Oktober ini yang merangkumi peraturan yang berikut, **kecuali**

penjualan	
pembelian	
pembungkusan	
pelabelan	

[1 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi Soalan 3.

- 3 Persidangan Pelan Tindakan Kesihatan Alam Sekitar Kebangsaan (NEHAP) kali ke-10 ini yang bertemakan
- A Kesihatan Alam Sekitar dalam Era Baharu: Perjalanan Menuju Masa Depan Lestari.
 - B Kesihatan Alam Sekitar dalam Era Baharu: Perjalanan Menuju Masa Depan Bestari.
 - C Kesihatan Alam Sekitar: Perjalanan Menuju Masa Depan Lestari.
 - D Kesihatan Alam Sekitar: Perjalanan Menuju Masa Depan Bestari.

[1 markah]

- 4 Persidangan Pelan Tindakan Alam Sekitar Kebangsaan (NEHAP) kali ke-10 turut menjadi medium bagi pembentangan _____ yang merangkumi bidang kesihatan alam sekitar serta medium bagi peserta untuk berinteraksi dan _____ mengenai masalah kesihatan alam sekitar negara.

[2 markah]

- 5 Hari Kesihatan Alam Sekitar Sedunia disambut pada _____ setiap tahun.

[1 markah]

Kertas Model Tingkatan 4

KERTAS 1

Masa: 2 jam

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan penggunaan media sosial.

Huraikan pendapat anda tentang **penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

KUALA LUMPUR: Akses terlalu mudah kepada media sosial antara penyebab masalah sosial dalam kalangan kanak-kanak kini. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata perkara itu berlaku kerana kanak-kanak mudah mendapatkan akses kepada perkara-perkara negatif yang terkandung dalam media sosial.

Sumber: www.astroawani.com

Kajian serantau dan tempatan mengesahkan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan meningkatkan risiko kepada kesihatan mental. Di Singapura, kajian oleh *Today Online* pada tahun 2023 mendapati bahawa belia yang menggunakan media sosial melebihi tiga jam sehari berisiko tinggi mengalami kemurungan dan tekanan emosi.

Sumber: www.bernama.com

Jumlah pengguna media sosial di Malaysia adalah seramai 28.68 juta pengguna. Media sosial yang menunjukkan jumlah pengguna tertinggi di Malaysia ialah:

Media Sosial	Jumlah
<i>Youtube</i>	25.1 juta
<i>Facebook</i>	23.1 juta
<i>TikTok</i>	19.3 juta
<i>Instagram</i>	15.5 juta



Sumber: *Digital 2025: Malaysia*

Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

- 1 Ledakan perniagaan dalam talian atau e-dagang melonjak dengan pesat akibat permintaan pasaran yang tinggi daripada pengguna tanpa mengira peringkat umur dan status. Perkara ini disebabkan oleh trend pembelian pengguna yang beralih seratus peratus kepada platform perniagaan dalam talian atau e-dagang. Hal ini dikatakan demikian kerana platform ini banyak memberikan manfaat kepada pengguna. Antaranya kos penghantaran barang yang murah, promosi pemasaran yang berterusan dan kaedah pembayaran yang mudah dan selamat.
- Dipetik dan diubah suai daripada
'Kelebihan Perniagaan dalam Talian di Platform e-Marketplace-Shopee',
Dimensi Koop, Bil.69,2021

Berdasarkan petikan, bincangkan manfaat-manfaat tersebut.

- 2 Karya sastera bukan sahaja memberikan pengalaman malah membolehkan pembaca menganalisis perihal manusia dan masyarakat. Dengan membaca dan mengkaji karya sastera, banyak perkara yang dapat dipelajari. Sastera sangat diperlukan untuk melengkapkan nilai sesuatu masyarakat. Melalui sastera, masyarakat dapat mempelajari sejarah, bahasa dan budaya untuk memperbaiki kehidupan mereka.
- Dipetik dan diubah suai daripada
"Kepentingan Sastera dalam Masyarakat 1 Malaysia",
www.theborneopost.com

Pada pendapat anda, selain manfaat yang dinyatakan di atas, apakah manfaat-manfaat lain apabila membaca karya tersebut?

- 3 Permainan tradisional kian dilupakan oleh golongan remaja. Remaja hari ini lebih banyak meluangkan waktu lapang mereka dengan bermain permainan video dan menggunakan media sosial untuk berhibur. Remaja sewajarnya menjadikan permainan tradisional sebagai salah satu aktiviti pada waktu lapang. Pelbagai pihak perlulah mengambil langkah untuk menghidupkan permainan tradisional semula. Ibu bapa hendaklah memperkenalkan permainan tradisional kepada keluarga di samping kerajaan mengadaptasi permainan ini dengan menggunakan teknologi terkini. Selain itu, media massa perlu memasukkan elemen permainan tradisional dalam drama.
- Sumber: Internet

Jelaskan peranan pelbagai pihak untuk mempopularkan permainan tersebut.

- 4 Laporan tentang remaja yang merosakkan kereta guru atau melakukan vandalisme terhadap harta benda sekolah sejurus tamat penggal persekolahan telah beberapa kali dilaporkan. Perbuatan tersebut bukan sahaja merugikan pemilik harta persendirian, malah menjejaskan harta awam. Masalah ini berpunca daripada sikap remaja yang ingin mencari keseronokan melalui perbuatan merosakkan harta benda.
- Dipetik dan diubah suai daripada
'Selami Punca Vandalisme Remaja, Didik Tingkah Laku Positif'
www.bharian.com.my

Selain faktor yang dinyatakan dalam petikan, huraikan faktor-faktor lain berlakunya masalah tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata ganda. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata ganda tersebut untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Dewasa ini, isu kegagalan mengawal perasaan marah semakin menjadi-jadi dalam kalangan masyarakat. Perasaan ini perlu dikawal untuk mengelakkan kesan-kesan buruk berlaku tidak kira di mana-mana kita berada. Terdapat langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengawal perasaan ketika marah. Salah satu langkah untuk mengurus kemarahan ialah seseorang itu perlu bertenang dengan menarik nafas dalam-dalam dan kosongkan fikiran. Tindakan ini mungkin dapat membantu seseorang itu untuk menenangkan diri. Selain itu, gunakan daya imaginasi untuk menggambarkan suasana yang tenang sambil menutup mata dan lepaskan nafas perlahan-lahan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengurusan Kemarahan: Pengenalan dan Latihan'
oleh Saedah A. Ghani dan Rezki Perdani Sawai
Universiti Sains Islam Malaysia
[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan telitinya. Cerakinkan ayat majmuk yang bergaris kepada enam ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kegiatan sukan mendatangkan banyak faedah kepada remaja kerana sukan dapat menyihatkan tubuh badan seseorang. Sebagai contoh, aktiviti sukan seperti berbasikal, mendaki gunung dan bermain bola sepak akan membantu remaja untuk membina tubuh badan yang sihat, cergas dan menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana bersukan boleh menguatkan otot dan tulang. Bersukan juga boleh mencerdas minda dan mampu mendorong remaja cemerlang dalam pelajaran.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Faedah Sukan kepada Remaja'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1


Kesihatan merupakan perkara yang sangat penting dalam kehidupan kita. Untuk mengekalkan tubuh badan yang sihat dan bebas daripada penyakit, tidaklah suatu perkara yang mudah. Terdapat pelbagai langkah-langkah yang boleh diambil untuk memiliki tahap kesihatan yang baik. Langkah pertama, perlu kita melakukan pemeriksaan secara berkala. Perkara yang kedua ialah kita perlu mendapatkan infomasi terkini tentang penjagaan kesihatan. Aspek makanan juga amat penting sekali untuk menjamin kesihatan yang baik. Pengambilan makanan mengikut piramid makanan sangat disarankan oleh pakar kesihatan. Diet yang seimbang dapat memastikan tubuh seseorang memiliki khasiat yang diperlukan.

[8 markah]

Bahan 2

5 sebab yang perlu diamalkan oleh anda ketika melakukan transaksi tanpa tunai

- ✓ Selamat dan terjamin
- ✓ Pembayaran lebih mudah
- ✓ Efisien dan menjimatkan masa
- ✓ Bersih dan kurang risiko penyebaran pesakit
- ✓ Penerimaan kewangan digital
- ✓ Berubah mengikut kembangan teknologi



[5 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiadalah menyuruh orangnya berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu.”

Dipetik daripada
‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 markah]

- 5 Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai untuk melengkapi tempat kosong dalam dialog tersebut.

Hasfa: Secara fitrahnya manusia tidak terlepas daripada naluri ingin mengenali dan bercampur gaul dengan orang lain persis peribahasa (i) _____.

Shah : Ikatan silaturahim hendaklah kita jaga walaupun berlainan bangsa, budaya dan agama.

Hasfa: Kita tidak wajar bertindak seperti (ii) _____ dan tidak mengambil tahu hal sekeliling.

Shah : Jauhilah sikap sebegitu dalam kehidupan kita.

Hasfa: Mulai sekarang, eloklah kita muhasabah diri dan tidak mementingkan diri sendiri bagai (iii) _____.

Shah : Itulah hal yang sebaik-baiknya kita amalkan sepanjang masa.

[6 markah]

Bahagian B: Pemahaman

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pemakanan seimbang kunci utama untuk menjaga kesihatan tubuh badan. Namun, terdapat banyak mitos berkaitan dengan konsep pemakanan sihat dalam masyarakat kita. Mitos ini kadangkala mengelirukan dan menyebabkan kita membuat keputusan yang salah dalam memilih makanan. Oleh itu, amat penting untuk kita mengetahui fakta sebenar mengenai diet seimbang agar kita dapat membuat pilihan pemakanan yang lebih baik. Salah satu mitos yang sering kita dengar ialah semua lemak adalah jahat. Tanggapan ini tidak benar. Sebagai contoh, lemak tak tepu yang terdapat dalam minyak zaitun, kekacang dan ikan berlemak seperti salmon sebenarnya baik untuk kesihatan. Lemak jenis ini membantu menurunkan kadar kolesterol jahat dalam darah dan memberikan manfaat kepada sistem jantung. Selain itu, mitos mengenai tidak makan selepas pukul tujuh malam akan membantu menurunkan berat badan. Walaupun waktu makan memainkan peranan, namun faktor utama yang menentukan penurunan berat badan ialah jumlah kalori yang dimakan berbanding dengan jumlah kalori yang dibakar sepanjang hari. Oleh itu, makan lewat malam tidak semestinya menyebabkan penambahan berat badan selagi jumlah kalori yang diambil dalam keadaan terkawal.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Mitos Diet Seimbang yang Perlu Diketahui’
www.bharian.com.my

Bahan 2

Pusat tabung darah di negara ini sangat memerlukan bekalan darah yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pesakit di seluruh negara. Darah amat diperlukan untuk pesakit yang mengalami pendarahan, terutama untuk pesakit trauma kemalangan atau mereka yang menghidap penyakit kronik seperti kanser. Bekalan darah juga diperlukan semasa pesakit menjalani pembedahan atau menerima rawatan transfusi darah sepanjang hidup seperti pesakit talasemia. Ada yang beranggapan bahawa menderma darah boleh menyebabkan kegemukan. Berdasarkan kajian yang pernah dilakukan di University of California, San Diego, seorang penderma darah akan membakar lebih kurang 650 kalori apabila mereka menderma satu beg darah. Terdapat juga anggapan bahawa menderma darah boleh menyebabkan penyakit berjangkit. Hakikatnya, prosedur mengambil darah daripada penderma sentiasa menggunakan teknik aseptik untuk memastikan penderma dan orang yang didermakan darah bebas daripada kontaminasi kuman. Jarum dan picagari yang telah digunakan ini akan dibuang selepas setiap prosedur pendermaan darah dan tidak akan digunakan untuk penderma lain. Hal ini penting untuk memastikan keselamatan terhadap penderma darah dan juga produk darah yang akan digunakan oleh pesakit yang memerlukan.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Fakta atau Auta: Pendermaan Darah’
oleh Marysia Gapin dan Nur Arzuar Abdul Rahim
news.amdi.usm.my

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan individu-individu yang memerlukan bekalan darah.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah anggapan salah oleh sesetengah pihak tentang pemakanan seimbang dan pendermaan darah?
[3 markah]
- (iii) Pusat Darah Negara (PDN) sangat memerlukan bekalan darah yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pesakit di seluruh negara.
Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai takut untuk menderma darah?
[3 markah]
- (iv) Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 menunjukkan bahawa sebanyak 54.4 peratus rakyat Malaysia mengalami berat badan berlebihan atau obesiti.
Sebagai rakyat yang prihatin, cadangkan langkah untuk mengurangkan masalah ini dalam kalangan masyarakat.
[4 markah]

7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Kera dan monyet melompat lalu bergayutan dan lari meninggalkan habitatnya. Begitu juga dengan gajah, babi hutan, payau, dan kijang, namun ada juga yang tidak sempat menyelamatkan diri. Seekor dua ular melata mati terjepit di celah gigi roda besi. Belum lagi soal mati katak serangga dan hidupan kecil yang lainnya. Ayam hutan dan burung-burung terbang membelah udara. Begitu lemah kepakan sayap mereka akibat sesak nafas terhidu asap hitam daripada cerobong jentolak itu. Keruing, selangan batu, belian, kapur, seraya, dan aneka tumbuhan lainnya rebah menyembah bumi. Daun yang berguguran malas cuba menutupi rimba yang mula terdedah. Kabus perlahan-lahan meruap naik ke udara. Terik mentari yang memanah kini menghangatkan maya. Dalam seketika sahaja hutan dara itu telah ternoda. Kini, hutan itu telanjang polos, sedangkan selama ini busana hijau menutupinya. Segala-galanya sirna dalam sekelip mata.

Dipetik daripada
'Hutan Rimba'
oleh Sasjira
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2**Ternodanya Alam Sekitar**

Suatu pagi yang hening,
Tatkala fajar menyinsingkan cahayanya...
baru aku sedar akan keindahan desa...
Tidak ternilai khazanah alamnya...

ironinya..
ketika kita sedang leka mengejar pembangunan...
ketika negara sedang rakus mengejar pemodenan...
kita lupa dan alpa!
pencemaran air yang menghapus hidupan akuatik,
pencemaran udara yang meragut kesegaran oksigen...
telah membawa 1001 masalah...
kepada seisi bumi...

kita tidak sedar..
bumi sedang sakit ketika ini...
kepada siapa yang harus dipersalahkan...
ketika berlakunya bencana alam...
pencemaran sungai...
masalah suhu pemanasan global,
berfaktorkan penipisan ozon!
berpuncakan sikap manusia...!

bangkitlah rakyat Malaysia...
masih belum terlambat untuk kita...
memelihara khazanah alam!
berkonsepkan bumi hijau...
melindungi lapisan ozon...
dan kehidupan flora dan fauna...
masih dapat dikekalkan,
keindahan alam semesta...
kepada generasi akan datang.

Sajak Alam Sekitar

putikbungamawar.blogspot.com

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan jenis-jenis pencemaran yang boleh memusnahkan alam sekitar.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, apakah kesan-kesan kemusnahan alam sekitar kepada fauna?
[3 markah]
- (iii) Kerajaan memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terpelihara dan terjaga supaya kehidupan rakyat lebih sempurna. Lantaran itu, pihak kerajaan sewajarnya mengambil tindakan yang proaktif untuk memastikan alam sekitar sentiasa bersih.
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha tersebut?
[4 markah]
- (iv) Dalam perjalanan pulang daripada memancing ikan, anda ternampak beberapa buah lori dan jentolak memasuki kawasan hutan simpan. Selain itu, anda juga mendapati air sungai tempat anda memancing ikan itu agak keruh.
Sebagai penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan hutan tersebut, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan?
[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kau harus terima kenyataan ini, Raiha. Kerjaya sebagai seorang pakar bedah, memang tidak sesuai denganmu. Tidak sesuai sama sekali! Tidak berfaedah kepada hidupmu, dalam jangka masa panjang,” tegas bapanya yang juga seorang pakar bedah, sejak Raiha mula-mula menyatakan hasratnya untuk mengikuti pengajian perubatan di sebuah institusi pengajian tinggi dahulu.

“Kenapa tidak, pak? Padahal, bapa sendiri seorang pakar bedah,” tingkah Raiha, waktu itu.

“Aku ini orang lelaki, Raiha. *IQ* orang lelaki tidak sama dengan kaum wanita seperti kau dan ibumu!” tegas bapanya, serius. “Sepatutnya, engkau menyediakan diri untuk menjadi suri rumah sepenuhnya. Engkau harus menumpukan perhatian yang sepenuhnya kepada bakal suami dan anak-anakmu kelak. Jangan kau jadi seperti arwah ibumu.”

“Bapa!” bantah Raiha, tidak senang dengan nada suara bapanya yang mengandungi sindiran itu.

Dipetik daripada novel *Pantai Kasih*,
karya Azmah Nordin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Mengapakah bapa Raiha mengatakan bahawa anaknya itu tidak sesuai menjadi seorang pakar bedah?
[4 markah]

- (ii) Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat memupuk sikap jujur dalam diri pembaca.

[6 markah]

Bahagian C: Rumusan

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Peningkatan kes penipuan kewangan dalam talian di Malaysia telah memberikan impak yang besar. Sejak Januari hingga 15 Disember 2024, pihak berkuasa telah merekodkan 6, 909 kes penipuan e-dagang dengan kerugian RM62.2 juta. Penipuan ini paling banyak berlaku melalui platform media sosial. Selain itu, setakat September lalu, kira-kira 22, 000 kes penipuan dengan kerugian melebihi RM147 juta dilaporkan kepada Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC). Kerugian akibat jenayah kewangan dalam talian ini merangkumi sekitar 3.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bersamaan dengan RM54 bilion dan telah memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara dan keyakinan pelabur. Selain memberikan kesan kepada rakyat, penipuan ini turut menggugat integriti sistem kewangan negara.

Tindakan lebih agresif dan efektif diperlukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya penipuan dalam talian. Penubuhan NSRC berfungsi untuk menangani dan melaporkan penipuan kewangan. Pihak berkuasa juga membekukan akaun keldai yang digunakan oleh penjenayah, terutama dalam kalangan orang awam dan mengambil tindakan terhadap institusi kewangan yang terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram. Walaupun begitu, penipuan dalam talian semakin berkembang dan semakin sukar dibendung kerana penjenayah terus menggunakan teknik baharu dan lebih licik. Di samping itu, golongan yang menjadi mangsa penipuan bukan hanya terbatas kepada individu biasa, tetapi juga golongan profesional dan ahli perniagaan yang berjaya.

Program kesedaran seperti kempen ‘Awais Scammer! Kami Pun Pandai Juga’ perlu diperluas dan dilaksanakan pada semua peringkat termasuk agensi kerajaan, korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), serta masyarakat di kawasan bandar dan di luar bandar. Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan juga wajar diperhebat untuk memastikan mesej keselamatan dan cara melindungi diri daripada penipuan dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat. Pendekatan pendidikan berbeza perlu diambil untuk golongan sasaran berbeza. Misalnya, golongan belia dan pelajar perlu dididik mengenai bahaya akaun keldai dan kesan undang-undang akibat terbabit dalam aktiviti penipuan. Sesungguhnya, jenayah siber semakin licik dan mudah dilakukan kerana penjenayah memanfaatkan perkembangan teknologi, termasuk media sosial untuk mengakses maklumat peribadi mangsa, termasuk maklumat kewangan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Kempen Elak Jerat ‘Scammer’ Perlu Diperluas, Beri Nafas Baharu’
oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Bahan 2**PENIPUAN DALAM TALIAN
SEMAKIN BERLELUASA**

- 1** Jangan sesekali dedahkan maklumat akaun, PIN atau TNC anda
- 2** Jangan jawab e-mel atau panggilan daripada pihak yang tidak dikenali
- 3** Sentiasa dapatkan maklumat daripada institusi kewangan anda
- 4** Sentiasa sahkan dengan sumber yang boleh dipercayai dengan melayari web atau media rasmi

**Bahan 3****Sajak Elak Terpedaya**

Binalah benteng ilmu di jiwa,
Teliti setiap janji yang tiba.
Bijak berfikir, jangan terpedaya,
Bersatu cegah, elak musibah.

Laporkan segera kepada pihak berwajib,
Jangan biar penipu terus aktif.
Sebarkan maklumat, cegah dari awal,
Agar insan lain tak jadi mangsa yang malang.

Jika terpedaya wang pun lesap,
Hidup tertekan dikelilingi hutang,
Jangan menjadi mangsa durjana,
Akibatnya sukar tidur nak lena.

Hasif Danish
Puchong, Selangor

KERTAS SOALAN TAMAT

Bahagian A: Taksiran Individu
[40 markah]



SET 1

TEMA: KERJAYA

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat-ayat yang gramatis.

CABARAN PASARAN KERJA

PEMBELAJARAN KERJAYA BERJAYA

**Bersediakah Anda
Menghadapi Cabaran
Mencari Kerja?**



**Sesi perkongsian yang membantu graduan serta pencari kerja
untuk mendapatkan kerja yang menjamin masa depan.**

Sertai Kami
carikerja.my

Kira-kira 41, 161 (13.8 peratus) daripada 330, 557 orang graduan yang lulus pada 2019 masih menganggur berdasarkan kajian pengesanan graduan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Hari ini, banyak syarikat yang terjejas dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bukan sahaja ramai yang diberhentikan kerja, malah kajian berkaitan dengan pengangguran graduan mendapati banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pelbagai syarikat tidak sepadan dengan kemahiran dan tahap pendidikan graduan. Kerja banyak ditawarkan dengan gaji yang rendah sama ada untuk kategori berkemahiran rendah atau separa mahir, berbanding untuk mereka yang berkemahiran tinggi. Graduan tidak ada pilihan dan terpaksa juga bekerja supaya tidak menganggur terlalu lama atau untuk menampung perbelanjaan harian. Buktinya, banyak graduan yang memiliki ijazah sarjana muda bekerja sebagai kerani, penghantar makanan, atau operator pengeluaran. Hal ini menjadi realiti semasa yang tidak dapat dielakkan. Sebagai solusinya mereka perlu segera menyiapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Graduan perlu mengambil tahu trend pasaran buruh, industri, pekerjaan dan kerjaya. Kualiti diri juga perlu mula ditingkatkan melalui kemahiran insaniah (soft-skills) dan ilmu teknikal, selain membina jaringan kepintaran sosial yang lebih luas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pasaran Kerja Kian Mencabar Tuntut Graduan Persiapkan Diri'
oleh Baktiar Hasnan
www.bharian.com.my

SET 2

TEMA: PELANCONGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat-ayat yang gramatis.

PELANCONGAN DOMESTIK

KARNIVAL CUTI-CUTI MALAYSIA

Meraikan Pelancongan Domestik & Warisan Budaya



Tonton di Saluran Perdana 1

Isnin • 21 Oktober 202_ • 8.30 pagi

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia perlu digalakkan melancong di dalam negara kerana memberikan banyak manfaat kepada pelbagai pihak. Pelancongan domestik bukan sahaja menjimatkan wang, malah juga sebagai usaha meningkatkan pemulihan ekonomi negara selain dapat mempromosikan tempat-tempat pelancongan yang menarik kepada warga tempatan. Presiden Persatuan Pelancongan Cina Malaysia (MCTA) (Chapter Perak), Law Weng Sum berkata pihaknya sendiri giat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak untuk merangka rancangan Tahun Melawat Perak 2024 sebagai salah satu daripada usaha mempromosikan pelancongan domestik. Selain tempat pelancongan, pengisian program kami termasuklah jejak makanan di seluruh negeri. Negeri ini mempunyai pelbagai daya tarikan makanan berasaskan pelbagai kaum. Kepelbagaian makanan ini sudah pasti dapat menggamit kehadiran pelancong dari seluruh pelosok negara. Kami juga bercadang untuk menubuhkan kumpulan pelancongan gastronomi yang memberikan tumpuan khusus kepada aktiviti mencari pelbagai jenis makanan yang ditawarkan di negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Galakkan Pelancongan Domestik, Rangsang Pemulihan Ekonomi'
oleh Teh Kuan Hong
www.bernama.com

SET 3

TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PEMERKASAAN TEKNOLOGI HIJAU

KEPENTINGAN TEKNOLOGI HIJAU

SOSIAL

Mengurangkan masalah kesihatan

Meningkatkan kualiti hidup

Mewujudkan bandar rendah karbon



Pemeriksaan teknologi hijau seiring dengan teknologi terkini seperti Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dapat mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar akibat daripada sisa buangan seperti kertas dan plastik. Sisa buangan ini memberikan impak yang besar kepada alam sekitar. Contoh implementasi teknologi hijau ialah penjagaan alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan kertas dalam kehidupan seharian, termasuk di tempat kerja. Pada hari ini, dunia juga telah mengiktiraf tarikh 6 November pada setiap tahun sebagai Hari Tanpa Kertas. Penggunaan kertas tanpa had dan kawalan akan mengakibatkan kemusnahan alam sekitar. Fenomena ini, jika tidak dibendung, sudah pasti akan meningkatkan penghasilan karbon dioksida yang menyebabkan peningkatan pemanasan global secara lebih pantas. Malaysia sendiri pernah digelar 'tong sampah dunia' apabila negara maju membuang sisa plastik mereka ke negara ini. Jika pembuangan sisa plastik tidak dapat dikawal, implikasinya akan mengakibatkan pembebasan bahan kimia ke alam sekitar yang akan mendatangkan pencemaran dan juga pelbagai penyakit. Bahan kimia yang dibebaskan daripada pembakaran plastik akan merosakkan organ dalaman manusia secara tidak sedar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perkasa Teknologi Hijau ke Arah Alam Sekitar Lestari'
oleh Dr. Shamsul Arrieya Ariffin
www.bharian.com.my

SET 4

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BAHASA JIWA BANGSA

MUSNAH BAHASA PUNAHLAH BANGSA

Oleh sebab bahasa mempunyai sistem ekologi sendiri, maka apabila sistem ekologi ini diusik dan diganggu, kita tunggu sahajalah kemusnahannya. Musnah bahasa, punahlah sesuatu bangsa itu. – Nor Hazizah Talib, Dewan Bahasa (Disember 2001)

KUALA LUMPUR: Kekecewaan Tokoh Bahasa dan Persuratan Negara, Senator Datuk Seri Prof. Dr. Awang Sariyan terhadap kedudukan bahasa Melayu bukan sedikit. Menurut beliau, pelaksanaan dasar penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan masih belum mencapai tahap memuaskan, terutamanya dalam sektor pentadbiran, kehakiman, pendidikan dan ruang awam. Malah, slogan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ seakan-akan tidak membawa makna jika jiwa bahasanya dipinggirkan, diinjak dan dibuang, meskipun sesudah lebih enam dekad negara mencapai kemerdekaan. Perkara 152 (6) Perlembagaan Persekutuan secara jelas menetapkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, tetapi perkara yang berlaku hari ini sering bercanggah dengan semangat itu. Pada hari ini, masih banyak mesyuarat dilangsungkan dalam bahasa asing atau penggunaan bahasa yang bercampur-campur. Begitu juga dengan penamaan program sesetengah kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang lebih cenderung menggunakan bahasa asing seperti Program Food Bank Malaysia, Malaysia Fit, Program MyBrain dan Klinik Extended Hours.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Bahasa Jiwa Bangsa seperti Tiada Makna’
oleh Mohammad Noh Othman
www.bharian.com.my

SET 5

TEMA: SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SUKAN PENAWAR STRES



Statistik Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi tahunan menunjukkan bahawa masalah kesihatan mental semakin meningkat dalam kalangan penduduk di negara kita. Dalam kajian itu, mahasiswa atau belia merupakan golongan yang mudah mengalami tekanan akibat perubahan landskap pendidikan, sosial, persekitaran dan psikologi dalam suasana kampus. Pada dasarnya, stres memberikan kesan buruk kepada kesihatan individu seperti gangguan tidur, insomnia, peningkatan selera makan, kadar denyutan jantung lebih cepat dan risiko kegemukan. Bagi menangani isu ini, aktiviti sukan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Aktiviti sukan bukan sahaja menyihatkan malah dapat mengurangkan tahap stres murid apabila murid dapat melakukan aktiviti sukan secara konsisten. Bersukan juga dapat merangsang kembali tubuh badan agar sentiasa bertenaga, sihat dan fokus. Jelaslah bahawa setiap individu pasti tidak akan terlepas daripada mengalami tekanan dan perlu bijak menguruskannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Aktiviti Bersukan Bantu Pelajar Tangani Tekanan’
 oleh Prof. Madya Dr. Muhamad Saufi Che Rusuli
www.bharian.com

SET 6

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BAHASA JIWA BANGSA



Di Malaysia, bulan Oktober ialah bulan yang istimewa dan penting kerana merupakan Bulan Bahasa Kebangsaan. Namun begitu, peranan bahasa Melayu pada masa ini dilihat semakin kurang fungsinya. Tanpa kita sedari, penggunaannya dalam kehidupan seharian semakin dipandang enteng. Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sejak negara mencapai kemerdekaan. Slogan Bahasa Jiwa Bangsa yang disebar luas di negara ini jelas menggambarkan kepentingan bahasa Melayu sebagai agen untuk menyatupadukan semua bangsa di negara ini. Usaha memartabatkan bahasa Melayu dapat dilihat melalui usaha murni Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang sentiasa menyemarakkan fungsi bahasa Melayu. Selain itu, pihak sekolah juga melaksanakan pelbagai program berkaitan dengan bahasa Melayu untuk memartabatkan bahasa Melayu. Semangat cinta akan bahasa Melayu patut diterapkan dalam kalangan generasi muda kerana mereka bakal meneruskan agenda negara untuk mengangkat bahasa Melayu agar tidak hilang ditelan zaman.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Martabatkan Bahasa Melayu demi Nilai dan Identiti Bangsa Malaysia’
 oleh Nurulisyazila Othaman dan Siti Hajar Bidin
www.bernama.com.my

SET 7

TEMA: KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

ANCAMAN SIBER



Kes-kes penipuan dalam talian terus meningkat di negara ini sejak akhir-akhir ini. Menurut Pakar Keselamatan Siber, Aaron Ikram Mokhtar, orang ramai perlu lebih peka terhadap ancaman siber supaya mereka lebih bijak ketika melakukan transaksi kewangan atau berkongsi data peribadi. Menurut beliau, penjenayah siber mempunyai pelbagai taktik untuk melakukan penipuan seperti menggunakan nombor telefon palsu untuk memperoleh maklumat peribadi mangsa melalui panggilan sebagai pegawai berkuasa. Pengguna yang terperdaya akan memberikan maklumat secara sukarela apabila dihubungi oleh pegawai berkuasa yang menyamar. Oleh itu, orang ramai disarankan agar tidak menggunakan perkhidmatan jalur lebar umum ketika melakukan transaksi kewangan. Orang ramai boleh menghubungi dan mendapatkan bantuan Cyber999 sekiranya berlaku penggodaman atau kecurian data peribadi secara dalam talian. Beliau juga menyeru orang ramai agar tidak memandang enteng tentang aspek keselamatan siber sebelum semuanya terlambat.


Dipetik dan diubah suai daripada
‘Penipuan dalam Talian: Orang Ramai Perlu Peka Jenis Ancaman Siber’
oleh Azyyati Ahmad
www.astroawani.com.my

SET 8

TEMA: PERPADUAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERPADUAN TERAS KEAMANAN NEGARA



Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Padang Akasia & Begonia, Angsana Mall, Johor Bahru bermula pada 23 hingga 26 Mei 2024 telah menyajikan pelbagai aktiviti menarik untuk memupuk perpaduan dan keharmonian di negara ini. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata terdapat kira-kira lebih 50 aktiviti menarik turut diadakan seperti pameran jabatan agensi kerajaan dan swasta, sesi perkongsian ilmu melalui forum dan wacana perpaduan, jualan Rahmah, persembahan kebudayaan serta aktiviti sukan yang membabitkan masyarakat pelbagai kaum. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) juga menekankan penghayatan dan pemahaman Rukun Negara dengan melancarkan inisiatif Eksplorasi Rukun Negara (ERN) pada tahun lalu yang membabitkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat sebagai medium penyatupaduan rakyat Malaysia. Bukan itu sahaja, perpaduan pada peringkat komuniti dapat dibentuk melalui Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sosial, Sekretariat Rukun Negara dan Kelab Rukun Negara. Oleh itu, agenda perpaduan tidak seharusnya diletakkan atas bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya masyarakat di negara ini turut bertanggungjawab memainkan peranan masing-masing untuk membentuk perpaduan kaum.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘KPN Terus Pupuk Semangat Perpaduan, Keharmonian’
oleh Saadiah Ismail
www.bharian.com.my

Masa: 12 hingga 15 minit

Bahagian B: Taksiran Kumpulan
[30 markah]

SET 1

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA: SUKAN DAN REKREASI

Aktiviti sukan dan rekreasi sewajarnya dilaksanakan oleh segenap lapisan masyarakat secara konsisten. Terdapat pelbagai manfaat apabila masyarakat melakukan aktiviti sukan dan rekreasi ini.

Bincangkan.

SET 2

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Dalam era dunia tanpa sempadan hari ini, penggunaan sains, teknologi dan inovasi telah memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat untuk menjalani kehidupan dan membantu dalam kerjaya mereka.

Bincangkan.

SET 3

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA: PENDIDIKAN

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong remaja untuk menceburi bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Bincangkan.

SET 4

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Pelbagai pihak hendaklah bekerjasama menyediakan pelbagai kemudahan untuk membantu golongan muda menceburi bidang pertanian.

Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS 4

Masa: 12 hingga 15 minit

PETIKAN PERTAMA: RENCANA LOTONG KELABU

Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.



- 1 Lotong kelabu berperanan penting dalam ekosistem hutan kerana membantu proses _____ melalui tabiat pemakanannya.


[1 markah]

- 2 Antara berikut merupakan ciri lotong kelabu, **kecuali**

- A mempunyai ekor yang panjang
B berehat di bawah pokok
C tidur pada waktu petang
D aktif pada siang hari

[1 markah]

- 3 Lengkapkan maklumat berkaitan dengan bulu bayi lotong kelabu.



[2 markah]

- 4 Nyatakan tabiat pemilihan makanan lotong kelabu.

- (i) daun matang
(ii) _____

[1 markah]

- 5 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang **betul** dan (✗) bagi pernyataan yang **salah**.

(i) Lotong kelabu mendiami kawasan hutan paya tawar.	
(ii) Panjang ekor lotong kelabu betina dewasa 68.6 sentimeter.	
(iii) Kantung dalam perutnya membenarkan proses pencernaan berlaku.	

[2 markah]

PETIKAN KEDUA: PENGUMUMAN BENGKEL PENAMPILAN DIRI

Petikan ini mengandungi enam soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1 Lengkapkan maklumat di bawah.

BENGKEL PENAMPILAN DIRI		
Tarikh: 21 Jun 2025 Hari: Sabtu		
	Tempat: (i) _____ Masa: 9:00 pagi hingga 12:00 tengah hari	

[1 markah]

2 Antara berikut, yang manakah merupakan aktiviti yang akan diadakan dalam Bengkel Penampilan Diri?

- I Sesi ceramah interaktif
- II Latihan praktikal cara mengurus diri untuk tampil kemas
- III Demonstrasi cara menjaga kebersihan diri dan penampilan
- IV Perbincangan kumpulan kecil untuk berkongsi pengalaman
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

[1 markah]

3 Lengkapkan maklumat di bawah.

Peraturan yang Perlu Dipatuhi		
Hadir (i) _____ pada masanya.	Telefon bimbit dalam (ii) _____ senyap.	Murid wajib memakai pakaian rasmi sekolah.

[2 markah]

- 4 Antara berikut merupakan perkara yang disediakan oleh pihak penganjur, **kecuali**
- A minuman pagi
 - B cabutan bertuah
 - C sijil penghargaan
 - D makanan tengah hari

[1 markah]

- 5 _____ murid sahaja dibenarkan menyertai bengkel ini.

[1 markah]

- 6 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang **betul** dan (✗) bagi pernyataan yang **salah**.

(i) Yuran pendaftaran ialah sebanyak RM15.00.	
(ii) Penyertaan hendaklah dibuat sebelum atau pada 16 Jun 2025.	
(iii) Bengkel ini memberi pendedahan tentang cara menjaga kebersihan diri.	

[2 markah]

PETIKAN KETIGA: CARA BERMAIN CONGKAK

Petikan ini mengandungi lima soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1 Alatan utama dalam permainan congkak ialah

(i) papan congkak

(ii) _____

[1 markah]

2 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri congkak?

I Diperbuat daripada pelbagai jenis kayu.

II Mempunyai lubang besar dikenali sebagai rumah.

III Lima atau tujuh lubang sebaris dikenali sebagai kampung.

IV Panjang papan congkak tujuh lubang sekitar 18 sentimeter.

A I, II dan III


B I, II dan IV

C I, III dan IV

D II, III dan IV

[1 markah]

3 Lengkapkan rajah berkaitan dengan cara bermain congkak.

CARA BERMAIN CONGKAK

[2 markah]

4 Seseorang pemain congkak dikira sebagai pemenang apabila mempunyai _____

[1 markah]

5 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

(i) Papan congkak berbentuk seperti sampan.	
(ii) Papan congkak tujuh lubang diisi tujuh biji buah congkak setiap kampung.	
(iii) Jika buah terakhir jatuh ke dalam kampung kosong, pemain boleh meneruskan permainan.	

[2 markah]

PETIKAN KEEMPAT: CERPEN SESEGAR KENANGAN


Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

- 1 Ambon menghulurkan seikat petai, seikat _____ dan seplastik _____ kepada ‘aku’.

[2 markah]

- 2 Lengkapkan rajah berkaitan hasil-hasil hutan pemberian penduduk kampung.



[2 markah]

- 3 Nyatakan hidangan penduduk Kampung Sungai Baru kepada ‘aku’ dan Junainah ketika mereka berteduh di balai raya.

(i) ubi rebus

(ii) _____

[1 markah]

- 4 ‘Aku’ tersenyum puas kerana kanak-kanak dan warga emas di Kampung Sungai Baru semakin _____

[1 markah]

- 5 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang **betul** dan (✗) bagi pernyataan yang **salah**.

(i) Bilangan pesakit di Klinik Desa Sungai Baru semakin ramai.	
(ii) Hasil-hasil hutan segar dan berkhasiat menjadi makanan kegemaranku.	
(iii) ‘Aku’ dan Junainah akan ke Kampung Sungai Baru dengan menaiki kereta.	

[2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN

TOPIK
1

Karangan Bahagian A

PRAKTIS 1

Pencemaran udara ialah keadaan apabila bahan kimia, zarah pepejal atau bahan biologi berbahaya dilepaskan ke atmosfera melepasi paras normal. Di Malaysia, masalah pencemaran udara semakin meruncing sejajar dengan arus pembangunan dan perindustrian pesat. Terdapat punca-punca yang menyebabkan berlakunya pencemaran udara di Malaysia.

PRAKTIS 2

Kesimpulannya, terdapat pelbagai manfaat sambutan Hari Kebangsaan di sekolah. Oleh itu, semua warga sekolah sewajarnya melibatkan diri secara aktif dalam program sambutan Hari Kebangsaan di sekolah. Sekiranya perkara ini terus diamalkan, semangat patriotisme dan perpaduan dapat diperkukuh dalam diri murid.

PRAKTIS 3

Daripada	nurhayati@gmail.com
Kepada	siti32@gmail.com
Subjek	Persediaan-persediaan Menghadiri Temu Duga

Salam sejahtera sahabatku Siti,

Terima kasih kerana mengutus e-mel kepada saya. Saya dan keluarga sihat-sihat belaka di sini. Syabas, kerana saudara telah diberikan peluang untuk ditemu duga! Izinkan saya untuk berkongsi beberapa perkara penting sewaktu menghadiri temu duga.

Penampilan dan etika memainkan peranan penting untuk memberikan tanggapan pertama yang baik semasa temu duga. Saudari perlu memastikan pakaian yang dipilih sesuai sebagai seorang guru tadika dan mematuhi budaya kerja sekolah berkenaan. Penampilan diri hendaklah kemas, termasuk rambut yang rapi, kuku bersih dan kasut digilap. Selain itu, etika seperti memberikan salam, berjabat tangan dengan sopan dan menjaga bahasa tubuh yang positif dapat meningkatkan keyakinan penemu duga terhadap saudara.

Persediaan mental dan fizikal juga penting untuk memastikan saudara berada dalam keadaan terbaik semasa temu duga. Saudari perlu mendapatkan rehat yang cukup pada malam sebelumnya agar tidak kelihatan lesu bagi bulan kesiangan. Amalan menarik nafas dalam-dalam sebelum masuk ke bilik temu duga boleh membantu mengurangkan rasa gugup. Dari segi mental, saudara harus yakin akan kebolehan diri dan bersedia menjawab soalan dengan tenang serta penuh keyakinan.

Saya berharap saudara dapat menjalani sesi temu duga tersebut dengan tenang dan berjaya mendapat tawaran pekerjaan yang dipohon. Saya menunggu berita baik daripada saudara. Jumpa lagi pada warkah seterusnya.

Sahabatmu,

Yati

PRAKTIS 4

Salah satu kebaikan aktiviti kemasyarakatan ialah aktiviti ini dapat mengeratkan silaturahim. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti kemasyarakatan lazimnya melibatkan komuniti setempat seperti komuniti kejiranan dan kampung. Sebagai contoh, rumah terbuka yang diadakan sempena dengan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Tahun Baru Cina dapat menghimpunkan masyarakat berbilang kaum. Kesannya, mereka dapat beramah mesra sekali gus mewujudkan komuniti yang harmoni.

Selain itu, aktiviti kemasyarakatan juga dapat melahirkan masyarakat yang membudayakan penjagaan kebersihan. Hal ini dikatakan demikian kerana kebersihan merupakan tanggungjawab setiap komuniti. Sebagai contoh, aktiviti gotong royong membersihkan kawasan kampung atau kejiranan dapat menyemai sikap bertanggungjawab terhadap persekitaran. Kesannya, masyarakat akan lebih peka terhadap kepentingan menjaga kebersihan demi menjamin kesihatan, keselesaan dan keharmonian hidup bersama.

PRAKTIS 5

Umum mengetahui bahawa aktiviti melancong merujuk kepada lawatan atau kunjungan ke tempat tertentu untuk tujuan tertentu. Kini, ramai ibu bapa menjadikan aktiviti melancong bersama dengan keluarga sebagai cara untuk mengisi hari cuti mereka. Terdapat pelbagai manfaat yang diperolehi melalui aktiviti melancong bersama-sama keluarga.

Salah satu manfaat aktiviti melancong bersama-sama keluarga ialah aktiviti ini dapat mengajar nilai murni dalam kalangan ahli keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa melancong, ahli keluarga perlu bekerjasama dalam merancang perjalanan, mengurus masa dan menjaga keselamatan antara satu sama lain. Sebagai contoh, anak-anak belajar bertolak ansur apabila berkongsi bilik atau kenderaan serta membantu ibu bapa membawa barang. Kesannya, hubungan kekeluargaan bertambah erat dan anak-anak akan membesar sebagai individu yang mengamalkan nilai murni dalam kehidupan.

Selain itu, aktiviti melancong bersama-sama keluarga juga membolehkan kita meluangkan masa berkualiti bersama dengan insan tersayang. Hal ini dikatakan demikian kerana kesibukan harian sering mengehadkan masa kita bersama dengan keluarga. Sebagai contoh kawasan tarikan

pelancong yang sesuai dikunjungi di Malaysia ialah Pulau Langkawi, Cameron Highlands, Kota A' Famosa, Melaka dan Taman Tema Air Splash Mania. Kesannya, hubungan kekeluargaan lebih erat, komunikasi bertambah baik dan kenangan indah dapat dicipta bersama-sama.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai manfaat aktiviti melancong bersama-sama keluarga. Oleh itu, ibu bapa haruslah memanfaatkan hari cuti dengan membawa anak-anak bercuti sama ada di dalam mahupun luar negara. Melalui usaha ini, hubungan kekeluargaan bukan sahaja bertambah erat, malah hasrat kerajaan untuk melahirkan keluarga penyayang akan dapat direalisasikan.

PRAKTIS 6

Aktiviti kesukarelawan ialah aktiviti atau pekerjaan yang dilakukan atas kemahuan sendiri tanpa sebarang paksaan. Namun begitu, penyertaan murid-murid dalam aktiviti kesukarelawan masih kurang mendapat sambutan kerana kurangnya pendedahan serta minat murid terhadap aktiviti ini. Persoalannya, apakah manfaat-manfaat aktiviti kesukarelawan dalam kalangan murid?

Salah satu manfaat aktiviti kesukarelawan dalam kalangan murid adalah dapat memberikan kesedaran tentang kesusahan yang dialami oleh masyarakat yang tidak bernasib baik. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa menyertai aktiviti sukarelawan, murid dapat menyaksikan sendiri kehidupan individu yang hidup dalam kesusahan atau ditimpa bencana. Sebagai contoh, murid menyertai aktiviti kesukarelawan agihan bantuan makanan dan pakaian ke rumah kebajikan. Kesannya, murid menjadi lebih prihatin serta empati sekali gus mengamalkan tanggungjawab sosial dalam diri mereka.

Selain itu, aktiviti kesukarelawan juga dapat memupuk nilai murni dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan, murid dilatih untuk bekerjasama, bertimbang rasa dan mengutamakan kepentingan orang lain. Sebagai contoh, aktiviti kesukarelawan yang boleh disertai oleh murid ialah aktiviti membersihkan pantai, lawatan ke rumah orang tua, membersihkan kawasan yang dilanda banjir dan derma darah. Kesannya, murid menjadi lebih bertanggungjawab, berdisiplin dan prihatin, sekali gus mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai manfaat aktiviti kesukarelawan dalam kalangan murid. Oleh itu, semua murid seharusnya menjadikan aktiviti ini sebagai suatu kelaziman dalam kehidupan mereka. Sekiranya perkara ini diamalkan, masyarakat yang berakhlak mulia dan prihatin terhadap kebajikan orang lain dapat dilahirkan.



Karangan Bahagian B

PRAKTIS 1

Pengurusan kewangan yang bijak merupakan aspek penting dalam kehidupan, terutama dalam memastikan kestabilan kewangan individu. Namun begitu, banyak individu yang gagal mengurus kewangan dengan baik sehingga terjerumus dalam masalah hutang dan akhirnya diisytiharkan mufis. Oleh itu, amat penting untuk setiap individu memahami dan mengamalkan cara-cara mengurus kewangan dengan bijak untuk menikmati kehidupan yang

lebih teratur dan sejahtera serta bebas daripada krisis kewangan.

PRAKTIS 2

Sebagai penutup bicara, jelaslah bahawa pemanasan global bukan sekadar isu alam sekitar, malah merupakan ancaman besar terhadap kelangsungan hidup manusia dan keseimbangan dunia. Oleh itu, semua pihak tanpa mengira latar belakang harus memainkan peranan masing-masing dengan mengamalkan gaya hidup lestari, mengurangkan pembebasan karbon serta memelihara khazanah alam dengan penuh tanggungjawab. Maka, marilah kita bersama-sama menjadi agen perubahan demi memastikan bumi ini terus terpelihara dan lestari. Akhir kata, sebelum tirai bicara dilabuhkan, renungilah kata-kata hikmah bahawa bumi ini bukan warisan nenek moyang, sebaliknya pinjaman untuk anak cucu kita.

PRAKTIS 3

Antara cara menunjukkan rasa cinta akan negara yang perdana termasuklah bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membangun dan memajukan negara secara produktif dan proaktif. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap warganegara berperanan sebagai modal insan kelas pertama yang wajib melunaskan amanah dengan penuh integriti untuk menjana kestabilan ekonomi negara. Tamsilnya, golongan petani moden yang mengaplikasikan bioteknologi terkini dalam sektor pertanian bukan sahaja berjaya meningkatkan hasil tuaian secara optimum, malah mampu menjamin sekuriti makanan domestik tanpa terlalu bergantung pada import asing. Impaknya, usaha gigih ini membolehkan Malaysia mencapai tahap swadaya yang utuh, sekali gus duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara maju lain. Tegasnya, iltizam rakyat untuk berbakti menerusi kecemerlangan kerjaya merupakan bukti cinta akan negara yang paling pragmatik.

PRAKTIS 4

Antara kepentingan utama aktiviti pelancongan gastronomi ialah para pelancong dapat menikmati sendiri pelbagai variasi hidangan enak yang dijual di destinasi tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap negeri di Malaysia menawarkan cita rasa yang unik dan autentik, yang tidak dapat diperoleh di tempat asal pelancong. Sebagai contoh, pelancong asing sanggup berkelana ke Pulau Pinang semata-mata untuk merasai kenikmatan nasi kandar yang asli. Implikasinya, pengalaman deria rasa ini akan memberikan kepuasan maksimum kepada pelancong, sekali gus menjadikan kunjungan mereka satu memori indah yang tidak dapat dilupakan. Tuntasnya, peluang meneroka keunikan rasa makanan tempatan merupakan daya tarikan utama sektor ini.

PRAKTIS 5

Pada masa yang sama, pihak kerajaan perlu memperhebat kempen kesedaran nasional mengenai kepentingan semangat kejiranan. Kempen ini boleh disalurkan melalui pelbagai medium moden, terutama iklan di media sosial seperti *TikTok* yang menampilkan kisah kejayaan masyarakat berbilang kaum yang saling membantu. Penggunaan platform digital ini penting untuk menyampaikan mesej secara meluas dan pantas kepada

golongan muda, iaitu pewaris masa depan negara. Sebagai contoh, penganjuran kempen berimpak tinggi seperti 'Jiran Sepakat, Komuniti Sihat' yang menekankan aspek keselamatan dan kesihatan komuniti. Melalui kempen ini, masyarakat akan disedarkan tentang kepentingan konsep seikat bak sirih, serumpun bak serai dalam menghadapi apa-apa jua cabaran. Jelaslah, peranan kerajaan sebagai pemangkin kesedaran melalui kempen terancang amat kritikal bagi memastikan nilai kejiranan terus menjadi amalan hidup masyarakat madani.

PRAKTIS 6

Malaysia sememangnya masyhur sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama. Namun, harus diakui bahawa kini, kuih tradisional semakin hilang dalam kalangan generasi baharu dibawa arus kemodenan. Generasi muda juga lebih terdedah kepada makanan ala Barat dan kurang bangga akan makanan warisan. Fenomena yang merisaukan ini memerlukan perhatian serius, justeru pelbagai pihak perlu berganding bahu dan menggembelng usaha secara efektif untuk memastikan warisan budaya makanan ini terus dipertahankan dan dihayati.

Kerajaan melalui agensi dan kementerian berkaitan perlu mengambil peranan dengan melaksanakan usaha berstruktur. Kerajaan boleh terlibat secara langsung dalam penganjuran pesta atau festival makanan tradisional peringkat kebangsaan secara tahunan. Pesta ini bukan sekadar pameran, tetapi menjadi platform untuk mengetengahkan keunikan dan cara penyediaan makanan warisan yang mungkin semakin dilupakan, seperti kuih jala mas dari Kelantan atau kuih cincin dari Sabah. Sebagai contoh, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) boleh menyediakan geran kepada pengusaha kecil makanan tradisional dan menganjurkan 'Festival Warisan Kuih Malaysia' di lokasi tumpuan pelancong. Kesan daripada usaha ini ialah bukan sahaja warisan dapat dilestarikan malah berpotensi menjadi produk pelancongan yang menarik, sekali gus menjana pendapatan kepada komuniti pengusaha. Pendek kata, komitmen kerajaan dalam menjayakan festival ini amat penting dalam memberi pengiktirafan dan nafas baharu kepada makanan tradisional.

Selain itu, ibu bapa memegang peranan dalam membentuk minat generasi muda terhadap makanan warisan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam gaya hidup moden yang semakin sibuk, ibu bapa perlu meluangkan masa untuk mengajar anak-anak resipi turun-temurun, misalnya menguli adonan untuk kuih kapit atau menyediakan inti karpap pusing secara manual. Sebagai contoh, ibu bapa boleh menjadikan aktiviti memasak kuih tradisional sebagai aktiviti hujung minggu keluarga dan berkongsi cerita serta sejarah di sebalik makanan tersebut, seperti asal usul kuih bahulu. Kesannya, anak-anak akan mewarisi kemahiran dan timbul rasa sayang terhadap makanan warisan kerana dikaitkan dengan memori indah bersama dengan keluarga. Kesimpulannya, peranan ibu bapa sebagai 'dapur pertama' dalam mendidik anak-anak tentang warisan makanan ialah asas paling penting dalam rantaian pewarisan budaya.

Akhir sekali, peranan komuniti dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui usaha komuniti adalah vital untuk memelihara warisan makanan. Mereka boleh mengadakan bengkel atau kelas masakan tradisional secara berkala. Dalam konteks ini, NGO seperti Persatuan Sejarah dan

Warisan Makanan Malaysia boleh bekerjasama dengan tukang masak veteran untuk menawarkan bengkel praktikal yang mendalam kepada orang awam, khususnya golongan muda dan suri rumah. Sebagai contoh, bengkel 'Siri Resipi Nenek Moyang' boleh dianjurkan untuk mengajarkan kaedah pembuatan kuih tepung pelita yang autentik menggunakan daun pisang dan kaedah kukusan tradisional, bukannya kaedah moden yang mengubah rasa. Kesannya, kemahiran penyediaan makanan warisan akan disebarluaskan di samping memastikan resipi tulen tidak pupus dan sentiasa ada pewaris yang mahir. Jelaslah bahawa, usaha komuniti yang proaktif melalui bengkel ialah langkah efektif bagi memastikan resipi-resipi unik ini terus hidup dan berkembang.

Kesimpulannya, usaha untuk mempertahankan warisan makanan tradisional memerlukan kerjasama erat daripada semua pihak yakni kerajaan sebagai pemangkin utama, ibu bapa sebagai agen pewarisan dan komuniti sebagai penyebar kemahiran. Sekiranya kita gagal bertindak segera, khazanah makanan tradisional ini berisiko tinggi untuk hilang ditelan zaman. Maka, setiap rakyat Malaysia perlu menyahut cabaran ini dengan berbangga dan menghayati keunikan makanan warisan sendiri kerana warisan makanan merupakan identiti dan cerminan sebenar kepada kepelbagaian budaya negara kita.



Morfologi

1 Senaraikan kata hubung

- (i) walaupun
- (ii) tetapi
- (iii) dan
- (iv) jika

Bina ayat

- (i) Harraz masih berada di pejabatnya **walaupun** jam sudah menunjukkan pukul 9:00 malam.
- (ii) Suhana bercita-cita menjadi seorang jururawat **tetapi** ibunya lebih suka dia menjadi seorang guru.
- (iii) Puan Kamilah membeli jagung madu **dan** buah strawberi semasa bercuti di Cameron Highlands.
- (iv) Tasnim mahu melancong ke Indonesia **jika** permohonan cutinya diluluskan oleh majikannya.

2 Senaraikan akronim

- (i) cerpen
- (ii) pawagam
- (iii) purata
- (iv) tadika

Bina ayat

- (i) Aini menangis selepas membaca **cerpen** itu kerana watak utamanya meninggal dunia.
- (ii) Filem Panglima Awang mendapat sambutan hangat di **pawagam** seluruh negara.
- (iii) Secara **purata**, taburan penduduk Malaysia tidak sekata.
- (iv) Daud menghantar anak bongsunya yang berumur lima tahun ke **tadika** dengan kereta kerana hujan lebat.

3 Senaraikan kata penguat

- (i) sangat
- (ii) amat

Senaraikan kata nafi

- (iii) tidak
- (iv) bukan

Bina ayat

- (i) Amirah **sangat** gemar membaca novel yang bergenre fiksi sains.
- (ii) Encik Shauqi **amat** bersyukur apabila isterinya selamat melahirkan anak.
- (iii) Kamu **tidak** boleh melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat.
- (iv) Buku nota itu **bukan** di atas meja tetapi di dalam beg saya.

4 Senaraikan kata majmuk mantap

- (i) olahraga
- (ii) kerjasama
- (iii) jawatankuasa
- (iv) tanggungjawab

Bina ayat

- (i) Kawan saya akan menyertai kejohanan **olahraga** yang disertai oleh atlet terkenal.
- (ii) Encik Fariz mendapat **kerjasama** yang baik daripada orang kampung untuk menjayakan aktiviti gotong-royong.
- (iii) Pihak **jawatankuasa** akan mengadakan mesyuarat khas petang ini bagi membincangkan program tahunan.
- (iv) Setiap anak mempunyai **tanggungjawab** untuk menjaga kebajikan ibu bapa mereka.

5 Senaraikan kata kerja pasif

- (i) didiami
- (ii) diwarisi
- (iii) dimiliki
- (iv) dipakai

Bina ayat

- (i) Negara Malaysia **didiami** oleh masyarakat pelbagai kaum yang saling bertoleransi.
- (ii) Permainan tradisional pelbagai kaum perlu **diwarisi** oleh masyarakat Malaysia agar permainan ini tidak hilang ditelan zaman.
- (iii) Kepelbagaian budaya yang **dimiliki** oleh rakyat Malaysia berjaya mengangkat nama negara ke persada antarabangsa.
- (iv) Kasut bola Amin yang baharu itu telah **dipakai** oleh adiknya.

6 Senaraikan kata sendi nama

- (i) di
- (ii) dalam

Senaraikan kata bantu aspek

- (iii) masih
- (iv) sedang

Bina ayat

- (i) Ali mengimbau kenangan masa lalunya sewaktu melanjutkan pelajarannya **di** rantau orang.
- (ii) Jasmina berjaya merangkul pingat emas **dalam** pertandingan memanah.
- (iii) Zaquan **masih** berada di pejabatnya untuk menyiapkan kertas kerja walaupun sudah pukul 10:00 malam.
- (iv) Aliah **sedang** belajar cara-cara membuat kuih seri muka daripada neneknya.

**Sintaksis**

- 1 (i) Mengapakah Sungai Gong telah mengalami pencemaran bau?
 (ii) Sudah berapa kalikah pihak berkuasa menyarankan kilang terbabit supaya membuat permohonan lesen selepas dikesan beroperasi sejak enam tahun lalu?
 (iii) Apakah tindakan pihak berkuasa atas kesalahan yang dilakukan oleh kilang tersebut?
- 2 (i) Situasi banjir di negeri ini akan terus dipantau oleh kerajaan Negeri Johor termasuk keselamatan rakyat serta memastikan keadaan terkawal setiap masa.
 (ii) Kawasan yang dinaiki air akan terus diperhatikan oleh semua pegawai dan agensi yang terlibat.
 (iii) Operasi banjir yang melibatkan pelbagai agensi akan diketuai oleh Menteri Besar Johor.
- 3 (i) Subjek: Berat badan
 Predikat: merupakan pengukur penting untuk menilai kesihatan seseorang secara am.
 (ii) Subjek: Pinggan Sihat Malaysia yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
 Predikat: ialah panduan asas yang baik untuk merancang diet yang seimbang dan sihat.
 (iii) Subjek: Pemakanan dan aktiviti fizikal
 Predikat: membantu kita untuk mengawal berat badan.
- 4 (i) Nyanyian Siti Nurhaliza sangat merdu.
 (ii) Adi tersenyum sambil menyanyi apabila dipuji oleh kawan-kawannya.
 (iii) Amirah mengeluh kepenatan setelah menuntun basikalnya yang rosak itu.
- 5 (i) Masyarakat tidak lagi menghargai jasa pejuang tanah air yang telah bersusah payah membebaskan negara daripada dijajah.
 (ii) Generasi muda harus mengingati jasa dan sumbangan tokoh-tokoh tanah air seperti Tunku Abdul Rahman, Tun H.S Lee dan Tun Dr. Ismail.
 (iii) Generasi muda yang mempunyai sifat patriotik perlu menghargai dan menyanjungi pengorbanan pejuang tanah air terdahulu.
- 6 (i) Merupakan antara program yang dijalankan untuk membangunkan sektor gastronomi Program Rating Restoran Kuala Lumpur./ Untuk membangunkan sektor gastronomi Program Rating Restoran Kuala Lumpur merupakan antara program yang dijalankan.
 (ii) Perlu dilakukan untuk mewujudkan keyakinan pelancong mengenai kedudukan Kuala Lumpur sebagai destinasi gastronomi antarabangsa program ini./ Untuk mewujudkan keyakinan pelancong mengenai kedudukan Kuala Lumpur sebagai destinasi gastronomi antarabangsa program ini perlu dilakukan untuk mewujudkan keyakinan pelancong.

- (iii) Merupakan aktiviti yang melibatkan makanan tempatan dan budaya makanan unik untuk menarik pelancong menikmati makanan tempatan pelancongan gastronomi.



Penyuntingan

- 1 (i) Sesetengah – Setengah
(ii) layang – lawang
(iii) mengisar – dikisar
(iv) ibujari – ibu jari
(v) persediaan – penyediaan
(vi) dalam – di dalam
(vii) lekit – pekat
(viii) secukup-cukup – secukup
(ix) adalah – ialah
(x) berkuahkan – berkuah

2 Bahan 1

- (i) mengambiltahu – mengambil tahu
(ii) meracunkan – meracuni
(iii) melayani – melayari
(iv) lansung – langsung
(v) adap – adab

Bahan 2

- (i) jangan – tidak
(ii) bertemu guru – bertemu dengan guru
(iii) karekter – karakter
(iv) gulungan – golongan
(v) dihuatiri – dikhuatiri
(vi) tersingung – tersinggung

3 Bahan 1

- (i) mahu pun – mahupun
(ii) intrumen – instrumen
(iii) pendapat – pendapatan
(iv) umum – awam
(v) jalanraya – jalan raya
(vi) mengekang – mengekalkan

Bahan 2

- (i) dedahkan – pendedahan
(ii) di kalangan – dalam kalangan
(iii) Para murid-murid – Para murid/ Murid-murid
(iv) dikurniakan – diberikan
(v) kerjasa sama – kerjasama

4 Bahan 1

- (i) dalam bekas – di dalam bekas
(ii) lutsinar – lut sinar
(iii) memberangsangkan – memberangsangkan
(iv) dicurahkan – disiram
(v) Letakannya – Letakkannya

Bahan 2

- (i) samada – sama ada
(ii) berbanding oleh – berbanding dengan
(iii) adalah tekstur – ialah tekstur
(iv) dijumpa – didapati
(v) sepatutnya – berpatutan
(vi) sangkak – sangkar

5 Bahan 1

- (i) melanda – dilanda
(ii) berikutan dengan – berikutan

- (iii) lungkang – longkang
(iv) laju – lebat
(v) perpindahan – pemindahan
(vi) pihak bomba lakukan – dilakukan oleh pihak bomba

Bahan 2

- (i) mendapat – mendapatkan
(ii) berkurang – berkurangan
(iii) mini pasar raya – pasar raya mini
(iv) kebanyakan premis-premis – kebanyakan premis
(v) pack – pek

- 6 (i) antara bangsa – antarabangsa
(ii) beli belah – beli-belah
(iii) masaalah – masalah
(iv) di kalangan – dalam kalangan
(v) di atas – ke atas
(vi) merunsingkan – membimbangkan
(vii) mempersiapkan – menyiapkan
(viii) plan – pelan
(ix) keronik – kronik
(x) ketegori – kategori
(xi) merasa – berasa



Bahasa Melayu Standard

- 1 Patih berasa hairan. Patih Gajah Mada berfikir dalam hatinya. ‘Negeri Melaka itu susah dihancurkan dan puas hatiku. Seperti berita tentang penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina itu, jika tidak mati, sudah tentu Melaka kalah.’

Setelah berfikir, Patih Gajah Mada teringat akan Petala Bumi. Kemudian, Patih Gajah Mada segera menyuruh pergi kepada isteri Petala Bumi bertanya anaknya yang bernama Kertala Sari yang pergi mencuri di Daha itu, sama ada sudah balik atau belum.

- 2 Orang Patih Gajah Mada pergi bertemu isteri Petala Bumi. Ketika itu Kertala Sari sudah balik dari Daha, terlalu banyak memperoleh harta daripada emas, perak, pakaian dan mata wang berpuluh-puluh juta dan banyak orang yang dicurinya. Setelah Kertala Sari pulang ke rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, “Ibu, di manakah bapa pergi kerana aku tidak melihatnya?”

- 3 Setelah ibunya mendengar kata-kata anaknya, ibunya menangis sambil berkata, “Wahai anakku, bapamu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata-kata ibunya, Kertala Sari amat marah, katanya, “Siapakah yang menyuruh untuk membunuh bapaku agar negeri Majapahit ini akan habis aku musnahkan?”

- 4 Setelah hari malam, Kertala Sari memakai pakaian yang cantik dan bau-bauan yang harum lalu dia masuk ke dalam kota. Dia berkata di dalam hatinya, “Pada malam ini, aku akan masuk untuk membakar dan mengamuk kerana harta orang Melaka telah habis aku curi kesemuanya.” Seterusnya, Laksamana memakai pakaian perajurit. Laksamana terus berjalan.

5 Tidak lama selepas itu, Patih Gajah Mada mendengar bahawa askar upahan tujuh bersaudara yang dititahkan oleh Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati. Patih berasa hairan. Patih Gajah Mada berfikir di dalam hatinya. 'Jika negeri Melaka itu binasa, puaslah hatiku. Jika tidak mati askar upahan tujuh bersaudara di Bukit Cina seperti yang dikhabarkan itu, sudah pasti Melaka akan kalah.' Setelah habis dia berfikir, Patih Gajah Mada teringat akan Petala Bumi.

6 Laksamana mengarahkan orangnya supaya membawa semua senjata yang banyak, iaitu lembing, tombak dan kayu. Laksamana mengatur semua senjata di sekeliling istana. Lalu diletaknya hikmat/mantera/sihir, senjata itu radak-meradak dan ketak-menetak sesama sendiri dan kayu itu palu-memalu sehingga terlalu kuat bunyinya.

Lalu hari pun malam. Laksamana memakai pakaian serba hitam lalu berjalan. Kertala Sari masuk. Laksamana melihat seorang penjurit/penjarah/askar upahan; Laksamana bersembunyi di suatu tempat. Kertala Sari menyimpang ke tempat lain untuk mencuri.



Peribahasa

- 1 (i) seperti kacang lupakan kulit – Walaupun Yusof tinggal di luar negara tetapi dia sering pulang ke kampung untuk bertemu dengan kawan-kawan lamanya kerana dia tidak mahu dianggap **seperti kacang lupakan kulit**.
- (ii) buah tangan – Aina singgah di gerai buah-buahan untuk membeli **buah tangan** sebagai tanda ingatan kepada sahabatnya.
- (iii) kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya – Ahmad menjaga lembu peliharaannya dengan bersungguh-sungguh walaupun kandang lembunya jauh dari rumah kerana **kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**.
- 2 (i) serumpun bak serai, sesusun bak sirih – Hubungan baik penduduk kampung itu sangat akrab seperti **serumpun bak serai, sesusun bak sirih**.
- (ii) adat pulau limburan pasang – Penduduk yang berbilang kaum harus hidup seperti **adat pulau limburan pasang** supaya tidak terjadi perselisihan faham.
- (iii) ibarat sakit sama mengaduh luka sama menyuiuk – Ahmad menyukai jiran tetangganya kerana sikap mereka **ibarat sakit sama mengaduh, luka sama menyuiuk**.
- 3 (i) kera mendapat bunga
- (ii) bagaimana acuan, begitulah kuihnya
- (iii) diberi betis hendak paha
- 4 (i) muafakat membawa berkat
- (ii) air tangan
- (iii) biar putih tulang, jangan putih mata
- 5 (i) usaha tangga kejayaan
- (ii) melepaskan batuk di tangga
- (iii) menelan mestika embun

- 6 (i) ibarat air dicancang tidak akan putus – carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
- (ii) seperti api dalam sekam – gunting dalam lipatan
- (iii) membuka pekung di dada – menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri



Pemahaman [Petikan Umum]



- (i) Rangkai kata *membuat tabungan* bermaksud melakukan/menjadikan simpanan
- (ii) Cara-cara yang boleh dilakukan oleh pengguna:

Bahan 1

- pengguna perlu bijak berbelanja
- mula belajar tidak bermewah dalam perbelanjaan makan minum seharian
- bijak membeli barang pada harga yang murah

Bahan 2

- pengguna sendiri perlu mengubah cara hidup
- pengguna tidak boleh lagi berbelanja terlalu mewah sebaliknya mengamalkan konsep kesederhanaan
- berusaha mengurangkan perbelanjaan yang kurang perlu
- memberikan keutamaan kepada perkara penting
- (iii) Peranan pihak kerajaan:
 - mengkaji gaji minimum sektor awam dan sektor swasta
 - memantau harga barangan supaya tidak dinaikkan sewenang-wenangnya
 - memberikan subsidi terhadap barangan keperluan
 - melaksanakan bantuan kewangan
 - melaksanakan program pendidikan kewangan
- (iv) Cara untuk saya mengurangkan beban perbelanjaan keluarga saya:
 - berjimat cermat dengan wang saku yang diberikan oleh ibu bapa
 - menabung sebahagian daripada wang saku
 - membawa bekal ke sekolah
 - mengelakkan diri daripada membeli barangan yang tidak penting



- (i) Kesan-kesan penggunaan racun serangga:
 - tanah tercemar
 - sungai terjejas
- (ii) Usaha-usaha untuk melestarikan alam sekitar:

Bahan 1

- para petani perlu mengurangkan penggunaan bahan kimia
- penggunaan bahan kimia perlu dikawal oleh semua pihak

Bahan 2

- menjaga alam di sekeliling kita
- pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
- (iii) Kepentingan-kepentingan lain memelihara alam sekitar:
 - menjamin sumber air bersih
 - mengurangkan pencemaran udara
 - mengawal perubahan iklim
 - memelihara sumber ekonomi
 - mengekalkan keseimbangan ekosistem

- (iv) Tindakan yang boleh saya lakukan untuk mengatasi masalah ini:
- menasihati/ menegur dengan sopan supaya pelancong itu tidak membuang sampah sembarangan
 - meminta ahli keluarga menasihati/ menegur sikap pelancong itu
 - memberitahu kesan buruk membuang sampah ke dalam air
 - melaporkan kejadian itu kepada pihak berkuasa
 - mengutip sampah yang telah dibuang
 - menunjukkan lokasi tong sampah yang disediakan di kawasan tersebut

PRAKTIK 3

- (i) Elemen-elemen yang terkandung dalam filem genre patriotik:
- elemen sejarah
 - elemen fiksiyen
- (ii) Kesan-kesan apabila penonton menonton filem Mat Kilau:
- Bahan 1**
- Dapat menyemarakkan semangat untuk melindungi keharmonian dan kedamaian tanah air
 - untuk menyemarakkan dan mengukuhkan semangat perpaduan serta rasa cinta akan negara dalam kalangan rakyat Malaysia
 - mampu mempengaruhi orang ramai untuk bersama-sama berjuang demi negara tercinta
- Bahan 2**
- telah menyangkal pandangan segelintir pihak yang menyatakan bahawa selera masyarakat di negara ini lebih meminati filem genre ringan dan naratif cinta
 - masih banyak rakyat Malaysia mencari-cari filem yang dapat menyedarkan mereka tentang akar bangsa dan menjunjung tinggi nilai nilai ketimuran
- (iii) Langkah-langkah yang boleh dilakukan:
- pihak kerajaan/ FINAS memberikan peruntukan kewangan kepada penerbit filem
 - pihak kerajaan menyediakan latihan/ bengkel/ kursus kepada penerbit filem
 - pihak kerajaan/ swasta mengadakan lebih banyak pertandingan/ anugerah untuk mengiktiraf penerbit filem
 - masyarakat menonton filem patriotik
 - pihak sekolah menggalakkan murid-murid menonton filem patriotik
 - pihak media massa mempromosikan filem genre patriotik
- (iv) Cara-cara meyakinkan ibu bapa:
- menunjukkan ulasan tentang filem tersebut kepada ibu bapa
 - berjanji akan menjaga diri ketika berada di pawagam
 - menunjukkan bukti pembelian tiket filem tersebut kepada keluarga
 - membawa rakan-rakan yang akan menonton filem untuk bertemu dengan keluarga
 - memujuk ibu bapa dengan bersungguh-sungguh

PRAKTIK 4

- (i) Rangkaian kata *sukar mengesan* bermaksud sulit/ susah/ payah mengenal pasti/ mengetahui/ menjejaki
- (ii) Sebab-sebab berlakunya masalah jantung:
- Bahan 1**
- amalan merokok
 - mereka yang merasakan diri sentiasa sihat tanpa membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala
- Bahan 2**
- masyarakat yang kurang bersenam
 - minum minuman yang manis
- (iii) Sebab-sebab amalan gaya hidup sihat kurang diamalkan oleh segelintir masyarakat:
- kurangnya kesedaran tentang kepentingan gaya hidup sihat
 - kesibukan dengan urusan kerja dan tanggungjawab harian
 - budaya hidup moden yang kurang aktif
 - ketagihan terhadap makanan segera dan kurang berkhasiat
 - kemudahan akses kepada teknologi yang menyebabkan mereka tidak mengamalkan gaya hidup sihat
- (iv) Tindakan-tindakan yang akan saya lakukan:
- menggalakkan ayah mengamalkan pemakanan seimbang dan sihat
 - membantu ayah mengekalkan rutin senaman yang sederhana dan konsisten
 - memastikan ayah mengambil ubat dan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala
 - menyediakan persekitaran yang bebas daripada tekanan untuk ayah
 - menggalakkan ayah mengurangkan pengambilan makanan berlemak dan bergaram tinggi

PRAKTIK 5

- (i) Perbezaan yang jelas berdasarkan spesies tanaman:
- rasa
 - warna
 - bentuk hasil
- (ii) Kepentingan-kepentingan pengamalan teknik pertanian:
- Bahan 1**
- menghasilkan tanaman yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki daripada dua tanaman tersebut
 - akan menghasilkan tanaman yang mengeluarkan hasil yang banyak
 - mempunyai rasa yang memuaskan
- Bahan 2**
- telah menambah hasil tanaman secara mendadak
 - tidak menjejaskan ekologi dan juga kesihatan manusia
 - mendapatkan baka yang berkualiti, berhasil tinggi dan sesuai diusahakan
- (iii) Sebab-sebab bidang pertanian bukanlah kerjaya pilihan generasi muda:
- tidak suka kotor/ kerja berat
 - bekerja di bawah cuaca yang panas
 - persepsi negatif terhadap kerjaya pertanian – pendapatan tidak lumayan
 - serangan penyakit
 - kos yang tinggi/ tiada modal

- (iv) Langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut:
- mencadangkan rakan bertemu dengan individu yang pakar dalam bidang pertanian
 - meminta rakan mendapatkan khidmat nasihat daripada agensi yang terlibat dalam pertanian
 - memintanya menganalisis punca kegagalan projek tanaman yang diusahakan
 - menyarankan penggunaan teknologi moden
 - menggalakkan rakan berkolaborasi dengan rakan-rakan lain yang terlibat dalam pertanian

PRAKTIS 6

- (i) Rangkaian kata *dapat dibendung* bermaksud boleh/ mampu ditahan/ dihalang/ diatasi
- (ii) Langkah-langkah untuk memastikan murid-murid menguasai kemahiran 3M:

Bahan 1

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewujudkan pelan untuk menangani isu keciciran murid seperti memperkenalkan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9)

Bahan 2

- saya akan mengajar kamu mengenal huruf terlebih dahulu

Bahan 3

- Program Intervensi Literasi dan Numerasi Tahun Satu

- (iii) Sebab-sebab murid-murid lemah dalam penguasaan kemahiran ini:
- kurangnya minat murid terhadap pelajaran
 - kurang motivasi untuk belajar
 - sikap malas murid
 - kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kurang menarik
 - kurangnya sokongan ibu bapa/ ibu bapa sibuk bekerja
- (iv) Cadangan saya untuk membantu rakan:
- mengadakan aktiviti pembelajaran yang interaktif/ kuiz
 - menjalankan program mentor-menti/ bantuan rakan sebaya
 - melibatkan ibu bapa untuk terlibat membantu anak-anak menguasai kemahiran 3M
 - menyediakan bahan pembelajaran yang menarik/ video/ modul
 - mewujudkan sudut pembelajaran santai/ sudut khas di sekolah



Pemahaman [Petikan Sastera]

PRAKTIS 1

- (i) Keadaan fizikal anak Tuan Booth:
- berambut perang
 - bermata biru lembut
- (ii) Kehidupan rakyat selepas negara mencapai kemerdekaan:

Bahan 1

- pelbagai bangsa hidup bersama
- bertolak ansur dan saling menerima
- bersatu hati
- hidup aman dan selesa (hidup damai penuh selesa)

Bahan 2

- kami meraikan merdeka dengan dua matlamat: rezeki dan ibadat

Bahan 3

- Malaysia negara berdaulat
- sejahtera dan aman
- berilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang

- (iii) Tujuan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah:

- menghayati pengorbanan pejuang kemerdekaan
- memahami kronologi sejarah kemerdekaan
- menanamkan semangat patriotik/nasionalisme
- mengeratkan hubungan antara kaum
- melahirkan murid yang kreatif

- (iv) Tindakan-tindakan yang perlu saya lakukan:

- membuat perjumpaan dengan ahli kumpulan
- membentuk jawatankuasa/ pembahagian tugas
- menentukan bentuk/ jenis persembahan
- mengadakan/ menjalani latihan
- menyediakan peralatan/ pakaian yang sesuai

PRAKTIS 2

- (i) Pesanan-pesanan bonda kepada 'saya':

- di kota nanti carilah seorang sahabat lama bonda bernama Munsyi
- hadiahkan buku-buku ini kepadanya
- menjaga buku-buku itu dengan baik
- hanya insan bernama Munsyi sahaja yang layak menyimpan khazanah lama itu

- (ii) Cara-cara memelihara adat warisan nenek moyang:

Bahan 1

- pakaiannya lengkap dengan tengkolok
- baju Melayu bersamping
- menggenggam sebilah keris bersarung cantik

Bahan 2

- menjaga/ tidak menjual bahasa (bahasa tidak dijual beli)
- merujuk kitab (berpedoman kitab)

- (iii) Faktor-faktor yang menyebabkan adat dan warisan semakin dilupakan oleh generasi kini:

- pengaruh budaya moden dan globalisasi
- minat generasi muda lebih tertumpu kepada teknologi dan gajet
- kurang pendedahan dan pendidikan tentang adat tradisional
- peranan ibu bapa dan masyarakat semakin berkurangan
- anggapan bahawa adat tradisional sudah ketinggalan zaman

- (iv) Cara saya membantu mengatasi masalah kakak saya:

- memberi galakan dan sokongan moral kepada kakak
- membantu memilih busana tradisional yang moden dan selesa
- mencadangkan pereka atau butik yang menawarkan rekaan menarik
- menjelaskan kepentingan menghormati tema dan budaya
- menemani kakak semasa membuat persiapan
- meyakinkan kakak bahawa majlis tersebut dapat meningkatkan keyakinan diri

PRAKTIS 3

- (i) Maksud frasa *kita ungkapkan sepanjang zaman*:
 - kita nyatakan/ katakan/ sampaikan/ luahkan/ selama/ sejauh masa/ tempoh
- (ii) Faedah-faedah yang diperoleh apabila rakyat memelihara bahasa Melayu:

Bahan 1

- sumber ilmu (menjadi laut ilmu)
- melambangkan pemikiran yang bijaksana (mengukir pemikiran bijaksana bersama)
- ilmu melambangkan imej bangsa (cahaya menyuluh citra nusa)

Bahan 2

- Bahasa jiwa bangsa
- Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun.

Bahan 3

- bahasa kebangsaan menyatukan rakyat (bahasa kebangsaan penyatu warga)
- bahasa lambang jati diri (bahasa kita lambang jati diri)

- (iii) Peranan-peranan pihak sekolah:
 - menganjurkan aktiviti dan program berkaitan dengan bahasa Melayu
 - menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan sekolah
 - menyediakan sudut bahasa atau bahan bacaan bahasa Melayu
 - menggalakkan penyertaan murid dalam pertandingan bahasa Melayu
 - memberikan penghargaan kepada murid yang cemerlang dalam bahasa Melayu
- (iv) Langkah-langkah yang dapat saya lakukan:
 - melaporkan kesalahan bahasa kepada pihak berkuasa tempatan
 - mencadangkan agar para pengiklan merujuk kamus sebelum mencetak iklan
 - mendapatkan khidmat semakan bahasa daripada guru atau pakar bahasa
 - mengadakan kempen kesedaran tentang penggunaan bahasa yang betul
 - menguatkuasakan garis panduan bahasa pada papan iklan
 - memberikan teguran dan cadangan pembetulan kepada pengiklan

PRAKTIS 4

- (i) Maksud rangkai kata *dibelenggu emosi* ialah diikat perasaan/ jiwa.
- (ii) Kesan-kesan apabila seseorang itu melakukan kesalahan:

Bahan 1

- semakin jauh perjalanan, untuk mencari hidayah Tuhan (semakin jauh perjalanan memburu nur-Mu)
- matlamat/ harapan semakin kabur dan menghilang (ancala mulia makin kabur dan menghilang)

Bahan 2

- hidup saya lebih parah daripada sebelumnya
- saya semacam tidak mampu lagi membuka pintu dunia saya tanpa melihat kembali peristiwa malang yang telah berlaku kepada anak puan itu
- saya rela mati sahaja daripada terus-terusan hidup begini

- (iii) Perkara yang perlu dilakukan oleh masyarakat terhadap individu yang melakukan kesilapan:
 - memberi ruang untuk memperbaiki diri
 - menasihati individu secara berhemah
 - membantu mereka membina semula keyakinan diri
 - memberikan motivasi dan bimbingan agar mereka tidak mengulangi kesilapan yang sama
- (iv) Cara menasihati sahabat supaya menyatakan kebenaran kepada ibu bapanya:
 - menerangkan kepadanya bahawa tindakannya salah
 - menerangkan kepadanya bahawa semua ibu bapa menyayangi anak dan akan memaafkan kesalahan anak
 - menasihatnya agar tidak leka bermain permainan video dalam talian
 - menerangkan keburukan bermain permainan video dalam talian

PRAKTIS 5

- (i) Harapan Pak Tua terhadap kawasan hutan tersebut ialah aku ingin kawasan hutan ini kembali rimbun.
- (ii) Akibat-akibat penerokaan hutan:

Bahan 1

- hidupan liar kehilangan habitat
- kepupusan harimau di hutan

Bahan 2

- banjir melanda
- tanah runtuh

- (iii) Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dan swasta:
 - menggalakkan masyarakat mengamalkan amalan kitar semula
 - menghentikan pembakaran secara terbuka
 - kaedah penanaman semula pokok yang sudah ditebang
 - penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa
 - mengadakan Kempen Kitar Semula
- (iv) Tindakan yang wajar dilakukan untuk menghentikan perbuatan pengunjung tersebut:
 - memberikan nasihat secara berhemah/ menegur secara sopan
 - meminta pengunjung tersebut untuk membuang sampah ke dalam tong sampah
 - melaporkan kesalahan tersebut kepada pihak berkuasa
 - mengambil gambar/ video

PRAKTIS 6

- (i) Maksud rangkap keempat dalam Bahan 1:
 - mengisi masa remaja dengan matlamat yang jelas
- (ii) Cabaran yang dihadapi oleh remaja:

Bahan 1

- perasaan kecewa (gelodak kecewa)
- perasaan sangsi (cuka kesangsian)

Bahan 2

- mengalami suatu era kritikal baik dari segi moral, sosial mahupun mental
- kehidupan moden hari ini semakin menjadi materialistik
- keruntuhan moral generasi muda

- (iii) Sebab remaja hari ini sering melakukan perkara-perkara yang tidak memberikan manfaat kepada kehidupan mereka:
- ibu bapa terlalu sibuk dan tidak dapat mengawal pergerakan anak-anak
 - rakan sebaya mengajak remaja melakukan perkara yang tidak berfaedah
 - jati diri dalam diri remaja sangat lemah
 - remaja terpengaruh dengan aksi dalam media sosial
 - masyarakat hanya memerhati dan tidak menegur perbuatan remaja yang tidak baik
- (iv) Tindakan yang akan saya dan rakan-rakan lakukan:
- kami akan menerangkan risiko bermain di kawasan tersebut
 - kami akan menasihati kanak-kanak tersebut supaya pulang ke rumah
 - kami akan menghantar anak-anak tersebut ke rumah mereka
 - kami akan menghubungi ibu bapa kanak-kanak tersebut



Novel



Soalan 8 (i)

- Manfaat-manfaat kesuburan tanah kepada penduduk Tenom:
 - mbolehkan semua jenis tanaman subur
 - berupaya memperoleh pendapatan lumayan melalui pertanian
 - mereka mampu untuk menyara kehidupan harian dengan hasil jualan pertanian mencecah ribuan ringgit pada setiap bulan
 - kelihatan hidup mewah
- Arahan-arahan yang diberikan oleh Leftenan Adnan kepada Sarjan Hasan ialah:
 - teruskan bertahan
 - jimatkan peluru
 - pastikan satu peluru menumbangkan satu musuh
 - Leftenan Adnan berusaha memberi semangat kepada anggotanya supaya terus berjuang
 - dia tidak akan semudah itu mengaku kalah
- Punca-punca Raiha berdegil untuk mempertahankan kandungannya:
 - janin dalam kandunganku itu, anak kita juga bang
 - anak yang halal dari segi hukum
 - janin itu juga bernyawa
 - mempunyai roh
- Tipu helah Leftenan Renya Mutuguchi untuk menumpaskan pasukan askar Melayu:
 - beratus-ratus orang tentera Jepun sudah siap dengan pakaian seragam tentera Sikh
 - muka dan tangan mereka disapu dengan pewarna supaya menyamai tentera Sikh
 - mereka mula bergerak menuju ke Pepys Road yang menghala ke Bukit Candu
 - dari Pepys Road mereka menuju benteng pertahanan Pasukan Rejimen Askar Melayu

- Sebab-sebab Farisha berasa ragu, risau dan marah:
 - Farisha tidak yakin tawaran itu serius
 - dia juga rupanya berasa risau akan kereta Rosman yang kerap rosak
 - dia juga menyimpan sekelumit amarah terhadap tindakan abangnya, Azraai yang dirasakannya agak mengongkong hidupnya dan membataskan kebebasan akhir-akhir ini
- Sebab-sebab Pak Saidi menghantar Adnan belajar di sekolah Inggeris:
 - kita perlu memperelajari ilmu daripada mereka
 - itu sahaja caranya untuk anak aku mendapat ilmu pengetahuan
 - setelah tamat sekolah rendah boleh sambung ke sekolah menengah dan sampai ke sekolah tinggi
 - mereka yang tamat sekolah tinggi boleh menjadi pegawai
 - hidup kita tidak lagi miskin
 - itu sahaja caranya untuk maju



Soalan 8 (ii)

- Peristiwa yang dapat memberikan inspirasi kepada pembaca:

Peristiwa yang dapat memberikan inspirasi kepada pembaca dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib.

P1	Peristiwa Pak Saidi mementingkan didikan agama kepada anak-anaknya walaupun anak-anaknya bersekolah Inggeris. Setiap hari Pak Saidi akan memastikan anak-anaknya solat dan mengaji pada setiap malam.
H1	Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada pembaca agar mementingkan didikan agama dalam kehidupan.
P2	Peristiwa Pak Saidi yang sangat minat membaca tulisan daripada tokoh nasionalis seperti Syed Sheikh al-Hadi. Bagi Pak Saidi, tulisan pengarang tersebut amat membina semangat kebangsaan Melayu.
H2	Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada pembaca agar rajin membaca untuk menambahkan pengetahuan.

- Peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca:

Peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib.

P1	Peristiwa Adnan mengarahkan pasukannya untuk menyelenggara sistem pertahanan di Bukit Candu. Kubu-kubu dan parit-parit dibina dalam usaha menyekat kemaraan musuh. Penghulu Sidek meminta penduduk kampung mengawal Bukit Candu siang dan malam. Penduduk kampung yang mahir menggunakan senjata telah diberikan senapang oleh Leftenan Adnan.
H1	Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran agar pembaca mengetahui kepentingan membuat persediaan rapi untuk menentang musuh.

P2	Peristiwa Adnan yang sanggup berjuang sehingga ke titisan darah terakhir. Tentera Jepun telah berjaya menangkap Leftenan Adnan lalu diserkup dengan guni dan kemudian menggantungkannya yang cedera parah itu pada dahan pokok ceri. Tentera Jepun kemudiannya telah berbaris panjang dan berjalan di bawah pokok ceri itu. Setiap orang yang lalu di bawah pokok ceri itu telah menikam tubuh Leftenan Adnan yang tergantung pada pokok tersebut dengan bayonet.
H2	Peristiwa ini dapat menimbulkan kesedaran agar pembaca mengetahui kepentingan memiliki semangat cinta akan tanah air untuk mempertahankan negara daripada dijajah oleh orang asing.

3 Peristiwa yang perlu dihindari oleh masyarakat:

Peristiwa yang perlu dihindari oleh masyarakat dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib.	
P1	Peristiwa penduduk Kampung Sungai Ramal yang memandang serong kepada Pak Saidi atas tindakannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris.
H1	Peristiwa ini perlu dihindari oleh masyarakat kerana kita tidak boleh berprasangka buruk terhadap tindakan orang lain.
P2	Peristiwa Pak Saidi dibunuh dengan tembakan jarak dekat oleh tentera Jepun ketika mencari ahli keluarga Leftenan Adnan akibat dendam akan Leftenan Adnan.
H2	Peristiwa ini perlu dihindari oleh masyarakat kerana kita hendaklah menghindari sikap suka berdendam sesama manusia.

4 Peristiwa yang dapat memberikan iktibar kepada pembaca:

Peristiwa yang dapat memberikan iktibar kepada pembaca dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib.	
P1	Peristiwa Adnan menyertai pertandingan syarahan bahasa Inggeris walaupun beliau tidak fasih bahasa tersebut. Adnan tetap berlatih syarahan di hadapan ibu bapanya. Akhirnya, Adnan telah menjuarai pertandingan syarahan bahasa Inggeris.
H1	Peristiwa ini memberikan iktibar kepada pembaca kerana kesungguhan seorang murid yang berlatih untuk berjaya dalam pertandingan.
P2	Peristiwa Pak Saidi ditangkap oleh tentera Jepun namun beliau berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun dengan keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi turut mengarahkan agar Sophia dan anak-anaknya menyelamatkan diri supaya tidak menjadi mangsa tentera Jepun.

H2	Peristiwa ini memberikan iktibar kepada pembaca kerana keberanian seorang lelaki yang sanggup berjuang sehingga titisan darah terakhir demi mempertahankan keluarga.
----	--

5 Sebab-sebab peleraian cerita novel yang anda kaji dapat menyentuh perasaan:

Peristiwa pada bahagian peleraian novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib yang dapat menyentuh perasaan saya.	
P1	Peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun. Pak Saidi telah melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya untuk menyelamatkan Sophia dan anak-anaknya yang menjadi buruan pihak Jepun. Pak Saidi turut berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi.
H1	Peristiwa pada bahagian peleraian ini dapat menyentuh perasaan saya kerana saya begitu terharu dengan pengorbanan Para pejuang yang sanggup mengorbankan diri sendiri untuk menyelamatkan isteri dan anak-anak.
P2	Peristiwa kematian Sophia pada tahun 1945 selepas empat tahun pemergian suaminya, Leftenan Adnan. Sophia meninggal akibat penyakit leukemia. Ujian yang diberikan oleh Allah kepadanya dihadapi dengan tabah. Sophia menghembuskan nafas terakhir di samping suaminya, Ustaz Ridwan dan anak-anaknya iaitu Mokhtar dan Zainuddin.
H2	Peristiwa pada bahagian peleraian ini dapat menyentuh perasaan saya kerana saya begitu terharu dengan dugaan demi dugaan yang dihadapi oleh seorang isteri, iaitu kematian suaminya dan penyakit leukemia yang dideritainya.

6 Kebaikan yang diperoleh oleh pembaca apabila membaca novel:

Kebaikan yang diperoleh oleh pembaca apabila membaca novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib.	
H1	Pembaca dapat menambah ilmu pengetahuan tentang sejarah negara.
P1	Pembaca dapat mengetahui kebijaksanaan Jepun dalam merancang strategi apabila dapat mengalahkan kuasa Barat dan merampas jajahan mereka. Tanpa pengetahuan pihak Inggeris, Jeneral Yamashita telah menghantar 13,000 orang tentera elitnya untuk melakukan pendaratan di bahagian utara Singapura berhampiran Sarimbun. Kebijaksanaan tentera Jepun berjaya mematahkan Ops Matador yang dirancang oleh pihak Inggeris. Pembaca turut mengenali watak-watak askar Jepun dan askar Inggeris yang benar-benar tercatat dalam lipatan sejarah seperti Jeneral Yamashita Tomoyuki dan A.E Percival.

H2	Pembaca dapat mengenali pejuang negara yang sanggup berjuang demi mempertahankan negara daripada terus dijajah oleh kuasa asing.
P2	Nama-nama pahlawan Melayu seperti Dol Said, Mat Kilau, Datuk Bahaman dan Datuk Siamang Gagap sentiasa disebut-sebut oleh Pak Saidi kepada anak-anaknya, iaitu Adnan, Amirullah dan Ahmad. Pak Saidi begitu bangga menceritakan jasa Datuk Siamang Gagap yang menentang orang putih di Seri Menanti. Mat Kilau dan Datuk Bahaman pejuang di Pahang, Tok Janggut pejuang di Kelantan dan Dol Said menjadi kebanggaan orang Naning.



Rumusan



Pendahuluan

Rumusan membincangkan **cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ halangan-halangan/ masalah-masalah untuk membuat kuih tradisional dan usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk mempopularkan kuih tradisional.**

Isi

Fokus 1 [cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ halangan-halangan/ masalah-masalah untuk membuat kuih tradisional]

Bahan 1

- A1 resipi kuih tradisional tidak diselaraskan
- A2 kebanyakan kuih tradisional mengambil masa yang lama untuk disediakan
- A3 bahan-bahan untuk membuat kuih tradisional seperti ubi kayu sukar didapati di sesetengah tempat
- A4 masyarakat pada zaman ini juga kebanyakannya sibuk dengan kerjaya
- A5 ramai yang lebih gemar untuk membeli dan menikmati makanan segera
- A6 golongan muda pula sering didedahkan dengan makanan ala Barat

Fokus 2 [usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk mempopularkan kuih tradisional]

Bahan 1

- B1 pihak sekolah boleh mengadakan hari terbuka
- B2 murid-murid boleh mempromosikan kuih tradisional kepada pelawat-pelawat yang datang semasa hari terbuka
- B3 pihak sekolah juga boleh mengadakan pertandingan memasak kuih-muih tradisional
- B4 guru-guru boleh menganjurkan pertandingan memasak yang melibatkan warga sekolah

Bahan 2

- C1 pesta makanan tradisional
- C2 kita perlu hebakkannya dalam media sosial

Bahan 3

- D1 promosi secara meluas dalam media sosial
- D2 menggabungkan resipi dengan inovasi
- D3 menjual kuih tradisional dalam talian

Penutup

Kesimpulannya, kuih tradisional perlulah dihidangkan agar dikenali zaman-berzaman.



Pendahuluan

Rumusan membincangkan **usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor pengabaian amalan gaya hidup sihat.**

Isi

Fokus 1 [usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah menggalakkan amalan gaya hidup sihat]

Bahan 1

- A1 tahap kesihatan masyarakat bermula dengan kesedaran dan celik kesihatan yang berasal dari dalam diri
- A2 gaya hidup pula memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian
- A3 kita tidak boleh bergantung pada sistem dan kemudahan kesihatan semata-mata
- A4 kemajuan teknologi dan penemuan perubatan

Bahan 2

- B1 tidur yang cukup sangatlah penting
- B2 minum air enam gelas sehari
- B3 memilih makanan yang seimbang

Fokus 2 [punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor pengabaian amalan gaya hidup sihat]

Bahan 1

- C1 ramai juga yang tidak berdisiplin dalam isu membabitkan pengambilan makanan dan penjagaan kesihatan
- C2 pengambilan makanan tidak seimbang
- C3 masalah emosi dan tekanan
- C4 gaya hidup kini yang serba pantas dan mencabar

Bahan 3

- D1 dia suka makan tetapi kurang bersenam
- D2 dia juga tidak mahu ke klinik jika sudah demam beberapa hari
- D3 dia juga yang tidak mahu makan ubat yang disediakan oleh klinik
- D4 terlalu bergantung pada perubatan tradisional

Penutup

Kesimpulannya, amalan gaya hidup sihat perlu diamalkan agar kesihatan diri terpelihara.



Pendahuluan

Rumusan membincangkan **kepentingan-kepentingan/ kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah memelihara alam sekitar dan usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk memelihara alam sekitar.**

Isi

Fokus 1 [kepentingan-kepentingan memelihara alam sekitar]

Bahan 1

- A1 mengelakkan kepupusan flora dan fauna
- A2 manusia mendapat sumber air yang bersih dan tidak tercemar

- A3 mengelakkan suhu bumi meningkat dan menyebabkan pemanasan global
 A4 orang ramai boleh melakukan aktiviti luar dan beriadah tanpa gangguan

Bahan 2

- B1 hutan sumber kehidupan
 B2 air yang bersih untuk manusia

Bahan 3

- C1 pokok membekalkan oksigen
 C2 boleh menyejukkan bumi

Fokus 2 [usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk memelihara alam sekitar]**Bahan 1**

- D1 pendidikan alam sekitar perlulah diterapkan sedari awal lagi
 D2 kesedaran untuk terus memulihara dan memelihara alam sekitar harus bermula dari dalam diri sendiri
 D3 kita perlu menjaga kebersihan sungai

Bahan 2

- E1 menanam pokok dan menjaga hutan

Bahan 3

- F1 kita boleh menanam pokok
 F2 kita boleh kitar semula barang
 F3 kita kena buang sampah di tempatnya

Penutup

Kesimpulannya, alam sekitar perlulah dipelihara agar sumber alam terjaga.

PRAKTIS 4**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan **kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan amalan membaca dan punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor masyarakat culas membaca.**

Isi**Fokus 1 [kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan amalan membaca]****Bahan 1**

- A1 dapat menambahkan ilmu pengetahuan kita
 A2 membolehkan maklumat yang diakses semudah dengan satu ketikan di hujung jari
 A3 membaca boleh meningkatkan daya pemikiran
 A4 memperkaya ilmu pengetahuan
 A5 bangsa yang berjaya ialah bangsa yang membaca
 A6 titik permulaan dalam eksplorasi ilmu golongan cendekiawan

Bahan 2

- B1 bangsa membaca bangsa yang maju
 B2 masa depan cemerlang
 B3 hidup menjadi ceria dan menghilangkan gundah/ kebimbangan

Bahan 3

- C1 murid dapat menggunakan masa senggang dengan perkara yang berfaedah
 C2 murid juga dapat mengulang kaji pelajaran secara sendiri

Fokus 2 [punca-punca/ sebab-sebab/ faktor-faktor masyarakat culas membaca]**Bahan 1**

- D1 generasi muda pada hari ini dilihat lebih gemar membaca berita berbentuk hiburan semasa
 D2 kebanyakannya tidak lagi menjadikan membaca sebagai satu hobi atau aktiviti untuk dilakukan pada masa senggang
 D3 segelintir rakyat Malaysia gemar membaca tajuk sesuatu berita tanpa membaca inti pati kandungan sebenarnya
 D4 mentaliti para murid kebanyakannya ialah mereka membaca hanya untuk lulus peperiksaan

Penutup

Kesimpulannya, amalan membaca perlulah dipupuk agar masa lapang dapat digunakan dengan berfaedah.

PRAKTIS 5**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan **kesan-kesan/ impak-impak/ implikasi-implikasi/ akibat-akibat bencana kepada sektor pelancongan dan usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah mengatasi bencana untuk memajukan sektor pelancongan negara.**

Isi**Fokus 1 [kesan-kesan/ impak-impak/ implikasi-implikasi/ akibat-akibat bencana kepada sektor pelancongan]****Bahan 1**

- A1 banjir menyebabkan kerosakan kemudahan pelancongan
 A2 mengurangkan jumlah kunjungan pelancong ke kawasan terbabit
 A3 banjir juga membahayakan keselamatan pengembara
 A4 mungkin menghalang pelancong ke kawasan yang dilanda banjir
 A5 banjir atau bencana alam boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada penggiat sektor pelancongan

Bahan 3

- B1 hujan lebat dan banjir menyebabkan banyak kawasan tarikan pelancongan ditutup
 B2 banyak pelancong asing membatalkan tempahan hotel dan penerbangan
 B3 peniaga kecil yang bergantung pada pelancong pun hilang pendapatan
 B4 infrastruktur rosak teruk

Fokus 2 [usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah mengatasi bencana untuk memajukan sektor pelancongan negara]**Bahan 1**

- C1 kerajaan dan pihak berkaitan boleh berkolaborasi untuk mengelola risiko dan mengambil tindakan awal
 C2 kerajaan boleh menyediakan fasiliti dan bantuan kesihatan yang sesuai
 C3 pembangunan sistem maklumat yang cepat dan efektif
 C4 setiap pekerja dalam industri pelancongan perlu diwajibkan mengikuti latihan kemahiran menangani situasi bencana dan menjaga keselamatan pelancong

Bahan 2

- D1 penganjuran Kempen Melawat Malaysia 2026
- D2 kerjasama dengan industri
- D3 bantuan kepada penggiat kebudayaan
- D4 dana untuk membangunkan industri pelancogan mesra Muslim

Penutup

Kesimpulannya, bencana alam perlulah dikelola dengan baik agar sektor pelancongan tidak terjejas.

PRAKTIS 6**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan **usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah mewujudkan budaya bersukan, cabaran cabaran/ kekangan-kekangan/ halangan-halangan/ masalah-masalah mewujudkan budaya bersukan dan kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan budaya bersukan.**

Isi

Fokus 1 [usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah mewujudkan budaya bersukan]

Bahan 1

- A1 program pembangunan sukan
- A2 Inisiatif Sukan Rahmah
- A3 Model Pembangunan Belia MADANI 2030
- A4 tawaran ganjaran melalui pertandingan

Bahan 3

- B1 Rajin bersukan

Fokus 2 [cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ halangan-halangan/ masalah-masalah mewujudkan budaya bersukan]

Bahan 1

- C1 desakan kehidupan masyarakat
- C2 tuntutan melaksanakan tugas dalam pelajaran
- C3 kurangnya kesedaran tentang kebaikan bersukan kepada diri

Bahan 2

- D1 kurang kemudahan untuk sukan itu di tempat tinggal saya
- D2 masalah kesihatan yang saya alami

Fokus 3 [kebaikan-kebaikan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan budaya bersukan]

Bahan 3

- E1 badan sihat akal cerdik/ cerdas
- E2 mengeratkan hubungan
- E3 hati menjadi ceria/ gembira/ wajah menjadi ceria

Penutup

Kesimpulannya, budaya bersukan perlulah dijadikan amalan agar kesihatan diri terjamin.

**Bertutur**

Berdasarkan jawapan murid

**Mendengar****PETIKAN PERTAMA**

- 1 sekretariat
- 2 (i) ✓
(ii) ✗
(iii) ✓
- 3 D
- 4 Taman Negeri Royal Belum; Pusat Kawalan Kusta Negara
- 5 produk

PETIKAN KEDUA

- 1 mendiagnosis
- 2 D
- 3 (i) daya kreativiti
(ii) mangsa penipuan
- 4 (i) ✓
(ii) ✓
(iii) ✗
- 5 (i) undang-undang
(ii) pengawasan

PETIKAN KETIGA

- 1 20/ dua puluh; RM70
- 2 D
- 3 (i) Program inap desa membantu menjana pendapatan kepada penduduk tempatan.
(ii) Kementerian bekerjasama dengan syarikat penerbangan untuk tambang murah.
- 4 D
- 5 inap desa; budaya

PETIKAN KEEMPAT

- 1 kesihatan; kelestarian alam sekitar
- 2 pembelian
- 3 A
- 4 kertas kerja; bertukar pendapat
- 5 26 September

Kertas Model Tingkatan 4**KERTAS 1****Bahagian A**

Media sosial merupakan teknologi yang sangat popular dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia. Statistik yang dikeluarkan oleh Digital 2025: Malaysia melaporkan jumlah pengguna media sosial di Malaysia ialah seramai 28.68 juta pengguna. Walaupun kewujudan media sosial memberikan banyak manfaat kepada pengguna, namun isu yang sering menjadi polemik kini ialah mengenai kesan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat.

Salah satu kesan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat ialah media sosial antara penyebab kepada masalah sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana media sosial sering disalahgunakan oleh masyarakat untuk menyebarkan unsur-unsur negatif. Misalnya, terdapat segelintir pengguna media sosial di *Facebook*

yang suka meninggalkan komen berbau fitnah sehingga menyebabkan mangsa menjadi tertekan dan malu untuk berhadapan dengan khalayak ramai. Kesannya, perbuatan negatif ini akan menggugat keharmonian negara.

Selain itu, kesan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat ialah peningkatan risiko kesihatan mental. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan media sosial secara berlebihan boleh menyebabkan individu berasa tertekan. Sebagai contoh, terdapat segelintir pengguna yang suka merendahkan-rendahkan orang lain seperti mengecam saiz badan atau warna kulit orang lain di media sosial. Kesan daripada perbuatan ini ialah seseorang itu kemurungan dan hilang keyakinan diri untuk berjumpa dengan orang ramai.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kesan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat. Pengguna media sosial sewajarnya memanfaatkan media sosial dengan sebaiknya bukannya dijadikan medium untuk memburuk-burukkan orang lain. Melalui sikap positif ini diharapkan masyarakat yang harmoni dapat dilahirkan.

Bahagian B

Soalan 1

Perniagaan dalam talian atau e-dagang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat global pada era digital ini. Kemudahan teknologi Internet telah membuka peluang kepada usahawan untuk memasarkan produk atau perkhidmatan mereka dengan lebih efisien. Oleh itu, perniagaan dalam talian bukan sahaja menjimatkan masa dan kos, malah menawarkan pelbagai manfaat yang dapat meningkatkan taraf hidup peniaga dan pengguna.

Salah satu manfaat dominan perniagaan dalam talian ialah kos penghantaran barang yang murah. Peniaga boleh bekerjasama dengan syarikat penghantaran untuk menawarkan kadar pos yang lebih rendah kepada pelanggan. Sebagai contoh, platform e-dagang seperti *Shopee* dan *Lazada* sering menawarkan subsidi penghantaran untuk menarik lebih banyak pembeli. Kos penghantaran yang murah bukan sahaja mengurangkan beban pengguna, malah meningkatkan daya saing peniaga dalam pasaran. Kesannya, perniagaan dalam talian membolehkan pengguna dan peniaga menikmati penjimatan kos yang signifikan. Pendek kata, manfaat dominan perniagaan dalam talian ialah kos penghantaran barang yang murah.

Selain itu, manfaat e-dagang yang seterusnya ialah promosi pemasaran yang berterusan. Peniaga boleh menggunakan pelbagai platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* untuk mempromosikan produk mereka kepada lebih banyak pelanggan. Sebagai contoh, peniaga boleh memanfaatkan iklan berbayar untuk meningkatkan capaian produk kepada pengguna sasaran. Kesan daripada strategi pemasaran ini ialah peniaga dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi secara konsisten. Kesimpulannya, promosi berterusan menerusi perniagaan dalam talian merupakan manfaat e-dagang yang membolehkan peniaga meningkatkan keuntungan dengan lebih efektif.

Seterusnya, manfaat perniagaan dalam talian termasuklah kaedah pembayaran yang mudah dan selamat. Pelanggan boleh memilih untuk membuat bayaran melalui pelbagai kaedah seperti kad kredit, e-dompet atau pemindahan bank. Sebagai contoh, platform e-dagang sering menawarkan pilihan pembayaran seperti *GrabPay*

atau *Touch 'n Go eWallet* yang lebih pantas dan selamat. Dengan adanya sistem pembayaran digital, pelanggan dapat mengelakkan risiko membawa wang tunai yang banyak. Implikasinya, kemudahan ini meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap perniagaan dalam talian. Jelaslah bahawa manfaat kelebihan perniagaan dalam talian ialah kaedah pembayaran yang mudah dan selamat.

Kesimpulannya, perniagaan dalam talian membawa pelbagai manfaat seperti kos penghantaran yang murah, promosi pemasaran yang berterusan serta kaedah pembayaran yang mudah dan selamat. Oleh itu, perniagaan ini sangat digalakkan untuk dilaksanakan oleh peniaga yang ingin memperluas pasaran mereka dan meningkatkan keuntungan. Dengan sokongan teknologi dan strategi yang betul, perniagaan dalam talian berpotensi menjadi tulang belakang ekonomi digital yang kukuh pada masa hadapan. Langkah ini bukan sahaja menguntungkan peniaga malah memanfaatkan pengguna secara menyeluruh.

Soalan 2

Betapa kecewanya perasaan apabila diajukan pertanyaan kepada golongan remaja berkaitan dengan nama-nama sasterawan. Nama Sasterawan Negara seperti Shahnun Ahmad, Usman Awang, Keris Mas dan Arena Wati, bukan sahaja tidak dikenali, bahkan karya mereka juga tidak pernah dibaca. Murid sibuk dengan pelajaran untuk memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan manakala mereka yang lebih dewasa pula sibuk menguruskan urusan masing-masing. Biar apa-apa pun alasan yang diberikan, kita perlu akui bahawa karya sastera Melayu mempunyai manfaat yang besar jika dibacanya.

Sebenarnya, pengkajian dan penghayatan karya sastera mampu meningkatkan penguasaan bahasa seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana karya sastera mengandungi laras bahasa yang pelbagai, indah dan sarat dengan unsur kiasan yang dapat memperkaya perbendaharaan kata pembaca. Sebagai contoh, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnun Ahmad menampilkan penggunaan peribahasa dan bahasa desa yang menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Melayu, manakala cerpen *Anak Penggunting Rambut* karya Keris Mas memaparkan bahasa yang halus dan berlapis dalam menyampaikan konflik sosial. Kesannya, pembaca bukan sahaja mampu memahami penggunaan bahasa yang tepat mengikut konteks, malah dapat mengaplikasikannya dalam penulisan dan pertuturan seharian. Tegasnya, penghayatan karya sastera merupakan wahana penting untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai cerminan jati diri bangsa.

Pada hakikatnya, karya sastera berupaya menyampaikan iktibar dan pengajaran yang bermakna kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana karya sastera berfungsi sebagai medium hiburan dan penyampaian maklumat sebelum kemunculan hiburan digital seperti televisyen dan telefon pintar. Sebagai contoh, masyarakat dahulu menghayati nilai kehidupan melalui syair, hikayat serta persembahan wayang kulit yang sarat dengan pengajaran moral dan kebijaksanaan hidup. Kesannya, para pengkarya dapat mengangkat isu-isu kehidupan sebenar seperti keadilan, pengorbanan dan tanggungjawab untuk dijadikan teladan serta panduan kepada masyarakat. Tegasnya, pembacaan karya sastera mampu membuka minda masyarakat untuk menilai realiti kehidupan daripada pelbagai sudut pemikiran melalui jalan cerita dan watak yang diketengahkan oleh pengarang di samping memperoleh iktibar dan pengajaran yang bermakna.

Di samping itu, penghayatan karya sastra turut membantu masyarakat mengenali dan menghargai penulis-penulis tempatan yang telah menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana bukan semua individu memiliki bakat, kreativiti dan keupayaan intelektual untuk menghasilkan karya sastra yang bermutu tinggi. Lazimnya, golongan sasterawan terdiri daripada lepasan graduan bahasa dan cendekiawan yang berpengetahuan luas serta peka terhadap isu sosial, budaya dan kemasyarakatan. Gabungan daya intelek dengan keindahan bahasa dalam penghasilan sesebuah karya wajar diberi pengiktirafan kerana karya sastra berupaya membentuk prinsip hidup, nilai murni dan falsafah pemikiran yang positif dalam kalangan pembaca. Pada masa yang sama, sokongan masyarakat melalui pembacaan dan pembelian karya sastra dapat meningkatkan royalti penulis, seterusnya menggalakkan mereka terus berkarya dan menghasilkan penulisan yang lebih berkualiti pada masa hadapan.

Sebagai kesimpulannya, penghayatan karya sastra memberikan pelbagai manfaat yang signifikan kepada masyarakat, khususnya melalui karya penulis tempatan yang sarat dengan nilai budaya dan falsafah hidup. Oleh itu, semua pihak sama ada ibu bapa, pendidik, institusi pendidikan mahupun kerajaan hendaklah berganding bahu memupuk minat generasi muda terhadap sastra agar warisan intelektual bangsa terus dipelihara, dihargai dan dimartabatkan sepanjang zaman.

Soalan 3

Pada era globalisasi yang sarat dengan kemajuan teknologi, permainan tradisional semakin terpinggir dalam kehidupan masyarakat, khususnya golongan remaja. Remaja kini lebih cenderung meluangkan masa lapang dengan bermain permainan video dan melayari media sosial yang bersifat individualistik. Hakikatnya, permainan tradisional bukan sekadar hiburan, malah merupakan khazanah warisan bangsa yang sarat dengan nilai budaya, kerjasama dan pembentukan jati diri nasional. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan proaktif untuk menghidupkan semula permainan tradisional agar tidak lenyap ditelan arus pemodenan.

Antara peranan penting yang perlu digalas ialah ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada ahli keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa merupakan individu terdekat yang berperanan membentuk minat, sikap dan keperibadian anak-anak sejak kecil. Sebagai contoh, ibu bapa boleh memperkenalkan permainan seperti congkak, batu seremban dan gasing ketika waktu lapang bersama dengan keluarga, khususnya pada hujung minggu atau cuti sekolah. Aktiviti ini bukan sahaja mengisi masa lapang secara berfaedah, malah mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui interaksi secara bersemuka. Kesannya, anak-anak akan lebih menghargai permainan tradisional dan tidak terlalu bergantung pada gajet digital semata-mata. Tambahan pula, permainan tradisional dapat melatih anak-anak berkomunikasi, bekerjasama dan mematuhi peraturan secara sihat. Tegasnya, peranan ibu bapa amat signifikan sebagai asas utama dalam menyemai minat awal terhadap permainan tradisional dalam kalangan generasi muda.

Selain itu, kerajaan hendaklah mengadaptasi permainan tradisional dengan menggunakan teknologi terkini agar kekal relevan dengan kehendak semasa. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan konvensional semata-mata kurang berkesan untuk menarik minat remaja

yang sudah sinonim dengan dunia digital. Sebagai contoh, kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya boleh membangunkan aplikasi permainan digital berasaskan congkak atau wau, selain memperkenalkan permainan tradisional melalui teknologi realiti terimbu (augmented reality). Kesannya, permainan tradisional dapat dipersembahkan secara lebih interaktif, inovatif dan mesra pengguna. Malah, pendekatan ini berupaya menjadikan permainan tradisional sebagai medium pendidikan yang menggabungkan unsur sejarah, budaya dan teknologi. Tegasnya, pengadaptasian teknologi oleh pihak kerajaan merupakan strategi berkesan untuk mempopularkan permainan tradisional dalam era digital tanpa mengakis nilai warisannya.

Di samping itu, media massa perlu memasukkan elemen permainan tradisional dalam drama atau rancangan televisyen. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa mempunyai pengaruh besar dalam membentuk pemikiran, persepsi dan tingkah laku masyarakat. Sebagai contoh, penerapan adegan permainan galah panjang, tarik upih atau sepak raga dalam drama tempatan atau rancangan realiti berunsur kekeluargaan mampu menarik perhatian penonton. Kesannya, masyarakat khususnya remaja akan lebih terdedah kepada kewujudan dan keunikan permainan tradisional tersebut. Tambahan pula, pendedahan berulang melalui media massa mampu menimbulkan rasa bangga dan keinginan untuk mencuba permainan warisan bangsa. Tegasnya, media massa berperanan sebagai medium berpengaruh untuk menyemai kesedaran dan mempopularkan permainan tradisional secara meluas.

Sebagai kesimpulannya, pelbagai pihak memainkan peranan penting dalam usaha mempopularkan permainan tradisional agar kekal lestari sebagai warisan bangsa. Ibu bapa, kerajaan dan media massa perlu berganding bahu melaksanakan tanggungjawab masing-masing secara bersepadu dan berterusan. Jika usaha ini dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi, permainan tradisional bukan sahaja dapat dihidupkan semula, malah mampu menjadi simbol identiti, jati diri dan kebanggaan negara untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Soalan 4

Dalam mendepani era globalisasi yang penuh dengan cabaran, masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja kian membarah, bagi bisul yang menanti masa untuk pecah. Salah satu isu yang sering menghiasi dada akhbar ialah gejala vandalisme, iaitu perbuatan merosakkan harta benda awam mahupun persendirian tanpa tujuan yang munasabah. Hal ini amat membimbangkan kerana remaja merupakan aset nusa yang bakal mencorakkan masa hadapan negara. Oleh itu, kita harus menelusuri faktor-faktor berlakunya masalah ini secara mendalam demi kelestarian masyarakat yang harmoni.

Faktor perdana yang mencetuskan gejala ini ialah perasaan bosan dan keinginan mencari keterujaan melalui perbuatan merosakkan harta benda. Remaja pada usia ini sering mengalami fasa mencari identiti dan ingin mencuba sesuatu yang di luar norma. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila mereka tidak mempunyai aktiviti berfaedah untuk mengisi masa lapang, mereka mula beralih kepada aktiviti negatif untuk melepaskan tekanan atau sekadar mencari keseronokan jangka pendek. Sebagai contoh, mereka berasa bangga apabila berjaya menconteng dinding sekolah atau merosakkan kereta guru sejurus tamat penggal persekolahan sebagai tanda “kebebasan”. Kesannya, perbuatan ini bukan sahaja menyebabkan kerugian

harta persendirian dan harta awam, malah merugikan harta benda secara material sekali gus mencerminkan kekosongan jiwa dalam diri remaja tersebut. Tegasnya, kegagalan mengurus emosi dan perasaan menjadi akar tunjang kepada vandalisme.

Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga merupakan faktor yang tidak boleh dipandang enteng dalam isu vandalisme. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja sangat mudah terpengaruh oleh ajakan rakan-rakan untuk mendapatkan pengiktirafan dalam sesuatu kumpulan. Sebagai contoh, sekiranya seorang ketua kumpulan mula memecahkan lampu jalan atau merosakkan telefon awam, ahli kumpulan yang lain akan mengikut jejak langkah tersebut kerana bimbang dipulaukan atau dilabel sebagai “penakut”. Tampak bahawa, keinginan untuk diterima dalam kelompok sosial mengatasi pertimbangan akal yang waras menyebabkan seseorang hilang nilai moral demi solidariti yang salah. Akhirnya, pergaulan dengan rakan yang toksik akan mengheret remaja ke kancah delinkuen yang lebih serius jika tidak dibendung dengan segera. Tegasnya, pengaruh rakan sebaya yang negatif sememangnya menyumbang kepada gejala vandalisme.

Seterusnya, kerapuhan institusi kekeluargaan dan kurangnya didikan agama serta moral menjadi faktor penyumbang kegiatan merosakkan harta benda awam. Ibu bapa kini terlalu sibuk mengejar kebendaan sehingga mengabaikan tanggungjawab mendidik anak-anak. Tanpa kasih sayang dan pengawasan yang rapi, remaja akan berasa terasing dan melakukan vandalisme sebagai cara untuk menarik perhatian. Sebagai contoh, ketiadaan teguran yang tegas apabila anak-anak mula menunjukkan tanda-tanda tingkah laku agresif menyebabkan mereka berasa tindakan mereka betul. Apabila asas didikan moral tidak dipasak dengan kukuh sejak usia dini, maka sukarlah bagi remaja tersebut untuk menilai antara hak dan batil ketika mereka meningkat dewasa. Tegasnya, apabila nilai murni tidak dipupuk sejak kecil oleh ibu bapa, maka lahirlah generasi yang tidak menghargai kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Konklusinya, gejala vandalisme merupakan satu penyakit sosial yang perlu diubati dengan segera sebelum menjadi barah yang kronik. Maka, usaha yang holistik dan konsisten diperlukan untuk memastikan remaja tidak lagi mencari keterujaan melalui kemusnahan harta benda. Semoga dengan kesedaran yang tinggi, kita dapat melahirkan generasi muda yang tinggi nilai adab dan cinta akan keharmonian harta benda awam demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan 1

Senaraikan kata ganda

- menjadi-jadi
- kesan-kesan
- mana-mana
- langkah-langkah
- dalam-dalam
- perlahan-lahan

Bina ayat

- “Sila nyatakan **kesan-kesan** buruk daripada tabiat merokok,” kata Cikgu Faridah kepada anak muridnya.
- Poster itu memaparkan **langkah-langkah** yang perlu diamalkan oleh masyarakat untuk mencegah penularan penyakit berjangkit.

- Haikal menarik nafas **dalam-dalam** untuk menenangkan dirinya yang sedang marah.
- Puan Aina menutup pintu bilik **perlahan-lahan** kerana bimbang anaknya yang baru tidur itu terjaga.

Soalan 2

- Kegiatan sukan mendatangkan banyak faedah kepada remaja.
- Sukan dapat menyihatkan tubuh badan seseorang.
- Bersukan boleh menguatkan otot.
- Bersukan boleh menguatkan tulang.
- Bersukan juga boleh mencerdas minda.
- Bersukan mampu mendorong remaja cemerlang dalam pelajaran.

Soalan 3

Bahan 1

- tidaklah – bukanlah
- pelbagai langkah-langkah – pelbagai langkah
- perlu kita – kita perlu
- infomasi – informasi
- amat penting sekali – amat penting/ penting sekali
- makanan – pemakanan
- mempastikan – memastikan
- khasiat – zat

Bahan 2

- diamalkan oleh anda – anda amalkan
- pemudah – mudah
- Efisien – Efisien
- massa – masa
- pesakit – penyakit
- kemenjadian – kemajuan

Soalan 4

Baginda hairan dan bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung! Tidakkah kamu menyuruh orang berawal tadi?”

Sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik ada menyuruh orang berkawal malam tadi, tetapi seorang pun tidak jumpa. Orang patik pun pelik akan perajurit itu.”

Soalan 5

- tak kenal maka tak cinta
- kera sumbang
- enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

Soalan 6

- Individu-individu memerlukan bekalan darah:
 - pesakit trauma kemalangan
 - mereka yang menghidapi penyakit kronik seperti kanser
 - diperlukan semasa pesakit menjalani pembedahan
 - menerima rawatan transfusi darah sepanjang hidup seperti pesakit talasemia
- Anggapan salah oleh sesetengah pihak tentang pemakanan seimbang dan pendermaan darah:

Bahan 1

- semua lemak adalah jahat
- tidak makan selepas pukul tujuh malam akan membantu menurunkan berat badan

Bahan 2

- menderma darah boleh menyebabkan kegemukan
- menderma darah boleh menyebabkan penyakit berjangkit

- (iii) Faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai takut untuk menderma darah:
- rasa fobia terhadap jarum atau takut sakit semasa menderma darah
 - kurang pengetahuan kerana tidak memahami proses menderma darah
 - bimbang risiko sampingan seperti pening dan keletihan
 - takut melihat darah atau fobia akan darah
 - mitos atau salah faham tentang menderma darah
- (iv) Langkah untuk mengurangkan masalah berat badan berlebihan atau obesiti dalam kalangan masyarakat:
- mengamalkan kaedah pemakanan yang sihat seperti mengurangkan makanan tinggi lemak dan melebihi makan sayur-sayuran serta buah-buahan
 - melakukan aktiviti fizikal atau senaman sekurang-kurangnya 30 minit sehari
 - pihak kerajaan mengadakan kempen kesedaran tentang bahaya obesiti dan cara mengatasinya
 - memastikan tidur yang cukup, iaitu tujuh hingga lapan jam sehari untuk menjaga keseimbangan hormon yang mengawal berat badan
 - menyertai kumpulan sokongan yang sama-sama menjalani gaya hidup sihat
 - belajar mengawal nafsu makan dan makan dalam kuantiti yang sesuai

Soalan 7

- (i) Jenis-jenis pencemaran yang boleh memusnahkan alam sekitar dalam Bahan 2:
- pencemaran air
 - pencemaran udara
 - pencemaran sungai

- (ii) Kesan-kesan kemusnahan alam sekitar kepada fauna:

Bahan 1

- kera dan monyet melompat lalu bergayutan dan lari meninggalkan habitatnya
- gajah, babi hutan, payau dan kijang, namun ada juga yang tidak sempat menyelamatkan diri
- seekor dua ular melata mati terjepit di celah gigi roda besi
- mati katak dan hidupan kecil yang lainnya
- ayam hutan dan burung-burung terbang membelah udara

Bahan 2

- menghapus hidupan akuatik

- (iii) Usaha-usaha untuk memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terpelihara:

- agensi kerajaan mengadakan pemantauan dengan lebih kerap
- meminda akta alam sekitar dengan mengenakan tindakan yang lebih berat kepada pesalah alam sekitar
- mengadakan kempen penjagaan alam sekitar secara sistematik dan bersasar
- memberikan ganjaran kepada masyarakat yang melaporkan kegiatan pencemaran alam sekitar

- (iv) Sebagai penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan hutan tersebut, tindakan-tindakan yang akan saya lakukan:

- saya akan merakam pergerakan lori dan jentolak tersebut

- saya akan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Daerah, Jabatan Perhutanan dan pihak polis
- saya akan mengadakan perbincangan dan melaporkan isu itu kepada ketua kampung dan komuniti setempat
- saya akan mengajak penduduk kampung untuk meninjau aktiviti yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab

Soalan 8

- (i) Sebab-sebab bapa Raiha mengatakan bahawa anaknya itu tidak sesuai menjadi seorang pakar bedah:

P1 Tidak berfaedah kepada hidupmu, dalam jangka masa panjang.

P2 IQ orang lelaki tidak sama dengan kaum wanita seperti kau dan ibumu.

P3 Sepatutnya, engkau menyediakan diri untuk menjadi suri rumah sepenuhnya.

P4 Engkau harus menumpukan perhatian yang sepenuhnya kepada bakal suami dan anak-anakmu kelak.

P5 Jangan kau jadi seperti arwah ibumu.

- (ii) Peristiwa yang dapat memupuk sikap jujur dalam diri pembaca:

Peristiwa yang dapat memupuk sikap jujur dalam diri pembaca yang terdapat dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip bin Talib

P1	Peristiwa Pak Saidi jujur apabila dia menjelaskan kepada Tok Ketua Kampung, Lebai Pian, Pak Karim dan Isa yang datang ke rumahnya tentang tujuannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris di pekan Sungai Ramal. Pak Saidi menjelaskan bahawa dia menghantar Adnan ke sekolah Inggeris supaya Adnan dapat menimba ilmu pengetahuan orang putih yang lebih maju dan berilmu berbanding dengan orang Melayu.
H1	Peristiwa ini memupuk sikap jujur dalam diri pembaca agar mereka berani mengakui dan menjelaskan perbuatan yang telah dilakukan.
P2	Peristiwa perlawanan tinju telah menjadi heboh dalam kalangan penduduk kampung. Adnan jujur memberitahu ayahnya bahawa dia dan Budin disuruh bertinju oleh para penyokong masing-masing namun mereka tidak jadi bertinju.
H2	Peristiwa ini dapat memupuk sikap jujur dalam diri pembaca untuk menyatakan perkara sebenar supaya tidak menimbulkan salah faham.

Soalan 9

Pendahuluan

Rumusan membincangkan **kesan-kesan/ impak-impak/ implikasi-implikasi/ akibat-akibat/ natijah-natijah berlakunya penipuan** dan **usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk mengatasi penipuan**.

Fokus 1 [kesan-kesan/ impak-impak/ implikasi-implikasi/ akibat-akibat/ natijah-natijah berlakunya penipuan]

Bahan 1

- A1 kerugian akibat jenayah kewangan dalam talian ini merangkumi sekitar 3.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bersamaan RM54 bilion
- A2 memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara dan keyakinan pelabur
- A3 menggugat integriti sistem kewangan negara

Bahan 3

- B1 jika terperdaya wang akan lesap/ hilang
- B2 hidup tertekan kerana dikelilingi hutang
- B3 sukar untuk tidur lena

Fokus 2 [usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk mengatasi penipuan]**Bahan 1**

- C1 NSRC berfungsi untuk menangani dan melaporkan penipuan kewangan
- C2 pihak berkuasa juga membekukan akaun keldai yang digunakan oleh penjenayah
- C3 mengambil tindakan terhadap institusi kewangan yang terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram
- C4 program kesedaran perlu diperluas dan dilaksanakan pada semua peringkat
- C5 program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan juga wajar diperhebat
- C6 pendekatan pendidikan berbeza perlu diambil untuk golongan sasaran berbeza

Bahan 2

- D1 jangan sesekali dedahkan maklumat akaun, PIN atau TAC anda
- D2 jangan jawab e-mel atau panggilan daripada pihak yang tidak dikenali
- D3 sentiasa dapatkan maklumat daripada institusi kewangan anda
- D4 sentiasa sahkan dengan sumber yang boleh dipercayai dengan melayari web atau media sosial rasmi

Penutup

Kesimpulannya, kes penipuan perlu dibanteras agar tiada yang terperdaya.

KERTAS 3

Berdasarkan jawapan murid

KERTAS 4**Petikan pertama**

- 1 penyebaran biji benih
- 2 B
- 3 (i) merah jambu
(ii) kulit muka
- 4 (ii) pucuk muda
- 5 (i) ✗
(ii) ✓
(iii) ✗

Petikan kedua

- 1 (i) Dewan Citra Utama
- 2 C
- 3 (i) tepat
(ii) mod
- 4 C
- 5 100 orang
- 6 (i) ✗
(ii) ✓
(iii) ✓

Petikan ketiga

- 1 (ii) buah congkak
- 2 A
- 3 (i) serentak
(ii) mati
- 4 buah congkak terbanyak
- 5 (i) ✓
(ii) ✓
(iii) ✗

Petikan keempat

- 1 daun kayu; buah-buahan hutan
- 2 (i) Asam kelubi
(ii) Kerdas
- 3 (ii) kopi panas
- 4 sihat dan ceria
- 5 (i) ✓
(ii) ✓
(iii) ✗

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR



KATA ALUAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) terus menjadi antara intervensi pendidikan strategik Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkukuh prestasi akademik pelajar sekolah menengah, khususnya bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Memasuki tahun 2026, pelaksanaan PTRS memberi tumpuan kepada pendekatan berasaskan hasil (outcome-based intervention) dengan sasaran meningkatkan penguasaan lapan (8) mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Sains, Matematik Tambahan, Fizik dan Kimia dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Bagi tahun ini, program menyasarkan manfaat kepada sekurang-kurangnya 150,000 pelajar di seluruh Negeri Selangor, dengan penekanan kepada akses saksama, peningkatan kompetensi subjek kritikal serta pengurangan jurang pencapaian akademik antara sekolah dan daerah.



YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Sejak diperkenalkan pada tahun 2009 dan melalui fasa transformasi digital pascapandemik, modul latihan PTRS kini distrukturkan dalam bentuk hibrid; fizikal dan dalam talian bagi memastikan keberkesanan penyampaian serta kebolehcapaian yang lebih meluas. Platform digital yang dibangunkan telah membolehkan lebih ramai pelajar mengakses bahan pembelajaran secara fleksibel melalui peranti mudah alih, selaras dengan aspirasi pendigitalan pendidikan negeri.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PTRS tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM11 juta, dengan pembiayaan serta pelaksanaan bersama oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan Negeri Selangor, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) MBI serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri yakin bahawa PTRS 2026 bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik, malah memperkukuh kesiapsiagaan pelajar untuk melangkah ke pendidikan tinggi dan pasaran kerja yang semakin kompetitif. Pembangunan modal insan berkualiti kekal menjadi teras kepada agenda menjadikan Selangor sebagai negeri termaju, berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat nasional dan serantau.

Komitmen ini mencerminkan iltizam Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap anak Selangor diberi peluang yang adil untuk berjaya.

 ePTRS.my

Imbas kod QR
untuk ketahui lebih
lanjut tentang MBI



Imbas kod QR
untuk mendapatkan
jawapan



Koleksi
Video PdP



DIKUASAI OLEH:

